

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK : TANAH-TANAH KERAJAAN YANG TIDAK DIBANGUNKAN**

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
  - a) Senaraikan tanah-tanah kerajaan yang belum dibangunkan di Dun Meru.
  - b) Apakah perancangan kerajaan untuk membangunkan tanah tersebut?
  - c) Senaraikan tanah milik kerajaan yang didirikan KEMAS dan Bilik Gerakan UMNO di Dun Meru?

**JAWAPAN :**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : PUSAT HIBURAN**

2. Bertanya Kepada YAB. Dato Menteri Besar:
- Sila nyatakan berapakah jumlah Pusat hiburan sah dan haram yang beroperasi di setiap PBT?
  - Sila nyatakan dengan *detail* kenapa masih terdapat banyak aduan yang mengatakan bahawa Pusat Hiburan haram wujud Bagaikan Cendawan Tumbuh Selepas hujan?
  - Sila nyatakan bagaimana pihak PBT mempergiatkan penguatkuasaan dan memantau aktiviti Pusat Hiburan Haram supaya ianya tidak memudaratkan masyarakat setempat?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah Pusat Hiburan sah dan haram yang beroperasi di setiap PBT adalah seperti berikut :

PBT	BIL. PUSAT HIBURAN	
	BERLESEN	TIDAK BERLESEN
<b>MBSA</b>	22	-
<b>MBPJ</b>	245	-
<b>MPK</b>	81	-
<b>MPAJ</b>	27	-
<b>MPSJ</b>	741	-
<b>MPS</b>	75	-
<b>MPKj</b>	33	-
<b>MPSp</b>	6	-
<b>MDKL</b>	12	-
<b>MDHS</b>	19	-
<b>MDKS</b>	10	-
<b>MDSB</b>	7	-
<b>JUMLAH</b>	<b>1278</b>	-

\* nota- maklumat diperolehi daripada PBT

- b) Pusat Hiburan haram wujud bagaikan ‘Cendawan Tumbuh Selepas Hujan’ adalah berkemungkinan kerana:
- i. Nilaian tahunan kompaun RM 20,000.00 oleh Pihak Berkuasa dan nilai denda maksimum RM 1,000.00 oleh mahkamah adalah sangat rendah jika dibandingkan hasil perniagaan oleh pihak pengusaha pusat hiburan.
  - ii. Kebarangkalian kesalahan berulang adalah sangat tinggi disebabkan peruntukan sediada membenarkan pengusaha / pemilik pusat hiburan membuat tuntutan keatas barang-barang yang disita di dalam tempoh masa sebulan dan tarikh kesalahan. Kebenaran peruntukan ini telah menimbulkan prasangka buruk kepada Pihak Berkuasa Tempatan walaupun tindakan sering kali dilaksanakan.
  - iii. Beban hukuman tidak dikenakan kepada pemilik premis atau bangunan, sedangkan mereka yang berkomproni dalam aktiviti ini.
  - iv. Tiada tindakan yang berkesan kepada pengusaha tanpa lesen sekiranya pihak ini tidak dapat berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dimana pertuduhan tidak dapat ditujukan dengan sempurna bagi pendakwaan.
  - v. Terdapatnya permintaan yang tinggi terhadap hiburan tersebut.
- c) Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor telah menetapkan zon Pusat Hiburan seperti yang telah diarahkan berdasarkan pekeliling SUK bil. 1 Tahun 2008 berhubung Arahan Mewujudkan Zon Pusat Hiburan di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor. Kaedah ini dilihat berkesan di dalam mengawal dan memantau aktiviti pusat hiburan yang terdapat di Selangor di samping memudahkan pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan. Di samping itu juga, Pihak Berkuasa Tempatan sering mengadakan operasi secara bersepadu bersama pihak PDRM, JAIS, Jabatan Imigresen serta Agensi Dadah Kebangsaan bagi membanteras aktiviti tidak sihat di Pusat Hiburan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR**

3. Bertanya kepada YAB Menteri Besar:
  - a) Nyatakan perbelanjaan bagi program-program dalam Merakyatkan Ekonomi Selangor berkaitan SMUE, TAWAS, Hadiah masuk Universiti/Kolej, dll, termasuk kos pengurusan.

**JAWAPAN :**

- a) Sehingga bulan Oktober 2012, sebanyak RM84,551,500.00 telah dibelanjakan untuk rakyat Selangor melalui manfaat Skim Mesra Usia Emas (SMUE). Sementara kos pengurusannya adalah RM 2.3 juta.

Untuk Skim Kesihatan Wanita, sejumlah RM1,605,910.00 telah dibelanjakan bagi memastikan sasaran 1 juta wanita Selangor sihat melalui program MammoSel dapat dicapai. Jumlah tersebut termasuk kos pengurusan program.

Bagi Pusat Dialisis Rakyat, ia tidak melibatkan sebarang kos daripada Kerajaan Negeri Selangor.

Sementara bagi Skim Bantuan Asuhan Rakyat (SiKembar) pula, sejumlah RM157,308.89 telah dibelanjakan termasuk kos pengurusan sehingga Oktober 2012.

Skim TUNAS pula sehingga Oktober, sebanyak RM182,446.19 telah dibelanjakan termasuk kos pengurusan program.

Kos operasi untuk projek TAWAS sejak awal projek pada tahun 2009 sehingga 02hb November 2012 adalah sebanyak RM4,292,516.93 dan ini tidak termasuk kos pembelian harta tetap.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK : PERUNTUKAN UNTUK SEKOLAH AGAMA RAKYAT**

4. Kerajaan Persekutuan tidak memperuntukkan bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan Negeri bersedia menambah peruntukkan kepada sekolah agama rakyat Selangor?
- b) Berapakah peruntukkan disediakan selama ini?
- c) Berapakah permohonan mendirikan sekolah agama diterima sejak 2008?

**JAWAPAN :**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL  
(TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : MANIFESTO PREMIS PERNIAGAAN**

5. Pakatan Selangor mengemukakan Manifesto ketika Pilihan Raya Umum ke-12 yang meliputi enam perkara ekonomi rakyat iaitu antaranya menyediakan premis perniagaan yang mencukupi.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan jumlah premis perniagaan yang telah dibina dari 2008 hingga 2012 dengan pecahan mengikut PBT?
- b) Nyatakan jumlah usahawan yang mendapat manfaat dari penyediaan premis berkenaan?
- c) Apakah bentuk insentif bagi mereka yang menggunakan premis tersebut?

**JAWAPAN :**

- a) Jumlah premis perniagaan yang telah dibina dari 2008 hingga 2012 mengikut pecahan PBT adalah seperti berikut :

<b>PBT</b>	<b>JUMLAH PREMIS PERNIAGAAN (2008 SEHINGGA 2012)</b>
<b>MBSA</b>	292
<b>MBPJ</b>	74
<b>MPK</b>	96
<b>MPAJ</b>	8
<b>MPSJ</b>	236
<b>MPS</b>	<b>tiada maklum balas daripada PBT</b>
<b>MPKj</b>	93
<b>MPSp</b>	<b>tiada maklum balas daripada PBT</b>
<b>MDKL</b>	138
<b>MDHS</b>	141
<b>MDKS</b>	7
<b>MDSB</b>	32
<b>JUMLAH</b>	<b>1117</b>

\*nota – maklumat diperolehi daripada PBT

- b) Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, terdapat kira-kira 2500 peniaga yang menerima manfaat daripada penubuhan pusat atau premis perniagaan yang telah dibina oleh Kerajaan Negeri.
- c) Insentif yang diterima oleh mereka yang menggunakan premis tersebut adalah :
  - i. Kadar sewa premis yang rendah
  - ii. Kos bagi membaik pulih kerosakan (minor) ditanggung oleh PBT
  - iii. Kos bagi kerja-kerja pembersihan dan penjagaan kemudahan awam seperti tandas, surau serta lobi premis di bawah tanggungan PBT
  - iv. Golongan OKU menerima potongan kadar sewa premis

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO` HJ. ABD RAHMAN BIN HJ. PALIL  
(SEMENTA)**

**TAJUK: MANIFESTO PERUBATAN WARGA EMAS**

6. Pakatan Selangor mengemukakan Manifesto ketika Pilihan Raya Umum ke-12 yang meliputi empat perkara kesihatan rakyat iaitu antaranya menyediakan perubatan percuma untuk warga 65 tahun ke atas.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan warga 65 tahun ke atas di Selangor dari 2008 - 2012?
- b) Apakah skim atau program yang telah diwujudkan untuk tujuan tersebut?
- c) Berapakah jumlah kewangan yang telah dibelanjakan untuk maksud tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Kita tidak memiliki maklumat secara khusus dan tepat mengenai data tersebut kerana tidak mendapat kerjasama daripada agensi berkaitan. Data perangkaan juga tidak menggambarkan keadaan sebenar dalam menentukan mereka layak menerima manfaat sebagaimana syarat yang telah ditetapkan. Namun demikian, data daripada pendaftaran SMUE menunjukkan terdapat sekitar 200,356 orang warga emas yang telah berumur melebihi 60 tahun dan ke atas.
- b) Tidak ada skim khusus berkaitan Perubatan Warga Emas 65 tahun ke atas diwujudkan melainkan bantuan kos khidmat dialisis (YB Xavier), khidmat Pusat Dialisis Rakyat, Skim Kesihatan Wanita dan bantuan pembedahan katarak secara percuma yang turut melibatkan mereka yang berusia 65 tahun dan ke atas.
- c) Tidak berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN  
(SRI SERDANG)**

**TAJUK: JANJI MANIFESTO**

7. Pakatan Selangor mengemukakan Manifesto ketika Pilihan Raya Umum ke-12 yang meliputi: urustadbir berwibawa – enam perkara, sosial dan kebajikan rakyat – 12 perkara, kesihatan rakyat - empat perkara, ekonomi rakyat – enam perkara dan keselamatan rakyat – tiga perkara.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pelaksanaan setiap perkara dalam manifesto tersebut?
- b) Berapakah kos yang dikeluarkan sejak 2008 hingga kini bagi melaksanakan perkara-perkara dalam manifesto tersebut?
- c) Apakah kerajaan negeri bercadang untuk menggugurkan mana-mana perkara dalam manifesto yang masih belum dilaksanakan?

**JAWAPAN:**

- a) Jawapan seperti di Lampiran A.
- b) Kos ini telah diserap menjadi sebahagian operasi Jawatan kuasa Tetap masing-masing yang juga memantau perlaksanaan program-program tersebut. Namun bagi program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor, setakat September 2012, sejumlah RM766,913,379.07 telah dibelanjakan.
- c) Buat masa ini mana-mana perkara dalam manifesto yang masih belum dilaksanakan sedang diperhalusi sebelum dilaksanakan. Ini bagi memastikan pelaksanaannya kelak berjalan lancar dari segi pentadbiran, tenaga penggerak serta kawalan perbelanjaan.

ž) 4 7~~8~~ 5/

	! / " !fif& # \$/ Ž' / " % Ž(/' &fž/ " Ł#%". .	<TBTUS	- POTPI
	\$, 5:) +* <del>8</del> 5)	=FR <del>N</del> LSBOB +LBO . JN UN <del>N</del> LBO	
{	7 FN BSTLBO/VIP EBO+. >8 SFOTBSB CFRSI EBROBE <sup>B</sup> QFOXFNM FOHBO SFQBOBQH QFRLI JEN BTBOfi	9L	<FN <del>N</del> BT`SJSBT QFCFN <del>N</del> BBBO+. >8I
Ž	7 FOUCUI LBO CBEBO LI BS UOTUL N FOXBSBT SF HBN <del>A</del> QFOXFNM FOHBO XBOHCFR <del>N</del> LU CFRBJBO QFOTBECJRB <sup>O</sup> TBCBI EBO SUN CFR <del>S</del> UN CFROFHFRfi	9L	<FN <del>N</del> BTV/OBLN FO093" </6<+/RF <del>N</del> BSGLBSJ EPLUN FO9<+
ž	7 FN CFR FOTLBO ORPKELFORPKEL N FN CBYJRXBOH N FRUHLBO EBO TEBL N FN CFRJN BOBBT SF DBRB NBQHSUOHLFOBEB RBLXBTfi	9L	=UTUQ, BN <del>N</del> SHFOEFR=FR <del>N</del> LBft: FOBN BTB <sup>O</sup> : FRLI JEN BTB <sup>O</sup> + <del>N</del> N O <del>N</del> PRBfi
	&690 3+) 5 Ž, *) 10) 5 % 2<: i		
{	7 FN CFRJI BEJBI SFCBOXBL ; 7 ŁŁŁ SFPRBOH LFOBEB SFTBQBOBL <FN <del>N</del> OPRSFCBL N FOFRN B TBV BRBO LFN BSULBO LF N BOBAN BOBJSTJUSJ OFOBKBOTJCHHfi	9L	<FTBLBT <FQŁ Ž/žŁz! Ł QFOFRN BEHOLPS ; 7 Ž(/% ŁŁ%#
Ž	7 FN CFRJCBOTUBO BTBU CJSJSV B N FOURJT N FRJLFOBEB BOBL <FN <del>N</del> OPREJSFN UB QFQHLBT QFCEJLBOfi	9L	, JBSJSV B ABXBSBO <FN <del>N</del> OPR

ž	7 FN CULB TBCUOHQFRN UNBO CFRQJBU; 7 t ŁŁ CBHJ SFTBQLFNB JRBO BOBL <FNBOHPRfI	9L	<FTBLBT <FOŁ Ž! &Ł! ž OFOFRN BEHOLPS ; 7 !/&Ł!/żŁŁ
!	7 FN CFRJ OFOEJLBO ORBASFLPN OFRQUN BLFOEB BOBL <FNBOHPRCFSRSB "f# TBI UOFI		<FEBOH EJTFNU
"	7 FOHURBOHLBO CFCBOBOJCU CBOB XBOHN FOH BOTBR BOBLABOBL LF OURSFRTBOOB I BE CJBOHBOEFQHOB N FN CFRJSUCSJEBOTBRB; 7 "Ł Z; 7 t ŁŁ SFPRBOHfI	9L	[ <LN =UOBS\ 5FRBKBO <FNBOHPREJN BOB LFMBRHXB XBOH CFRQFOEBQBTBO LURBOHEBROEB ; 7 t /"ŁŁ/BLBON FOFRN BCBOTUBO; 7 "Ł SFCUNZCBHJN FOH BOTBRBQBL N FRFLB LF TBEJLBfI JNBODBRBQBL 4JNBUŽŁŁ ž EFOHBO SFRBN BJ żŁŁŁ LBQBLfI BOBL EBRJLFMBRHBN JSLOBLBO N FOKEJOFROTJSfI
#	7 FODBRUN LBOSLN QFRMDEUOHBQJOSURBOS TBLBGJM V BRHB FN BS'PRBOHLURBOHUCBXB '95>I EBO BOBL XBTJN fI	9L	<7 >/ <FTBLBT <FOŁ Ž! /żŁŁ" OFOFRN BEHOLPS ; 7 &Ł! &ŁŁŁ
%	7 FN CFRILBO FNBQJCU TUOHBNXBOHNBBL N FOURUT TBQHJUOHBON BSJQHfI	9L	7 FNBNU: FKCBT/VIP A ; PEYJBI
&	7 FN CFRJ FNBQJLI BS BOTBRB; 7 t "Łfj 7 Ž" Ł SFCUNZQUTL V BOJTB TBOCB QFLFRBBOTFTBOXHN FN JNQ UTN N FOKEJ SURJUN BI CBHJN FCBHB BOBLfIBOBL LFDMN FRFLB 'EJ CBV BI t Ž TBI UOfl		<FEBOH EJTFNU
(	7 FN BSTJLBOSFTBQLFMBRHBN FN JNQ SFCUBI RUN BI EBBNBNSLN QFRUN BI BORBLXBfI	9L	t ŁŁŁ UOJTS TFRN BSUL @ 3 fil Ž! /żŁŁt fil /(&ŁŁ żŁŁ ž fij/&&

	7 FV UKUELBO JOSJTUSJUOTUL N FOXF <small>BN</small> RBSLBO I BN <small>BN</small> V BM BHN B SF <small>BN</small> O BHN B <small>BN</small> EFN J N FV UKUELBO QFROBEUBO EBO QFRS <small>BN</small> BN BO BOTBRB LBUN EBO BHN BfI		<FEBOH EJTFN <small>BN</small>
Ł	Ž, 90%) ) 5% 2<:)		
ł	7 FN CFRJDUTJCFR <small>BN</small> SF <small>BN</small> B ( Ł I BRJCBHJV BOJB CFRSBN <small>BN</small> LBLJTBOHBO LFRBKBB OFHFR <small>BN</small> fI	9L	<FTBLBT <FQŁ Ž/żŁ QFCFRN B
ż	7 FN CFRJDUTJSF <small>BN</small> B! I BRJLFOEB SUBN J LBLJTBOHBO LFRBKBB OFHFR <small>BN</small> CBHJV FOKBHSJTFRJXBOHCBRJ CFRSBN <small>BN</small> fI	9L	<FTBLBT <FQŁ Ž/żŁ QFCFRN B
ż	7 FN CFRJDUTJCFR <small>BN</small> SF <small>BN</small> B SBTU CUN <small>BN</small> CBHJV BOJB LBLJTBOHBO LFRBKBB OFHFR <small>BN</small> XBOHLFN BTJBOSUBN J <small>BN</small> fI	9L	
!	7 FN CFRLBQFR <small>BN</small> JEN BTBO CFRUCBTBO EJI PSQTBM LFRBKBB EBO QFOHBOHLTBQBVBN QFRDUN BLFOEB SFNUBVBR <small>BN</small> FN BS CFRUSB# TBI UOLF BTBSfI		<FEBOH EJTFN <small>BN</small>
	f126564 0% 2<:)		
ł	7 FN UEBI LBOEBON FN QFRDFQBLBO LFM <small>BN</small> MSBO EBO QFN CBI BRUBO N <small>BN</small> FQFRQBBfI	9L	<JTFN PONOFFfI <JTFN 6 6<UTL DFQBLBOURUSBO TBQBI
ż	7 FOHURBOHLBO DULBJQOTU RUN BI LFEJBN BO SFCBOXBL ŽŁ EBO DULBJQFN JS LPN FRSBNSFCBOXBL Ł fI	9L	: FOURJOBO DULBJQOTU Ž" ~ LFOEBB QBOHSBQURJ LPSRFQEBI I BSN <small>BN</small> FOKN BTBO EBRJ QFOHBN CJBN <small>BN</small> BO QFOHURUSBO SJSB QFOFKBN <small>BN</small> EBRJ +0<, fI

	7 FN CFNBLFI JEUQBO RBLXBT N JSLO TFRUTBN B QFTBOJ EBO OFNBBXBO CBHJ N FN QFRPMI JOFOEBQBTBO N JON UN ; 7 t/ŽŁL SF CUNBDFI	9L	: RPHBN N FOQHBTBIOI BSNOBEJF " ~ QFTBOJ t fl f1 L/ t #~ * t f1 L
ž	Ž, 9 3 4 ):) 5 % 2<):!		
†	7 FOHUBTLUBSB " N FN BOTBU QRPKEL fORPKEL OFN CBOHUCBO BHBRN FN BTUI JSXBRBTJSXBRBT QFRNDEUOHOBNAN SFLJTBRCBHJ N FOHNBLLBOLFKBEJBO SFCFRUTBOBI RUOTUI " CBOKRFI	9L	5BKBO DFRUOCULJTF FN BSBHBO! t ! - - =? EJ Ž : , = EFOHBO QRCFNBBOKBO; 7 t t % ŽK
ž	7 FOHLBKSFN UBSJSTFN ; ULUO=FTBOHHB UOTUL EJHBTJ EFOHBO SJSTFN CBRU XBOHNACJ CFRLSFSBOEJCBV BI QFOXFNBBO: J BL , FRUBSB=FN QBTBO : , =fl	9L	<LN RPOEBBO RULUOTFTBOHHB BLBO EJNSBBLBO EJSFMRUI OFHFRJ <FNBBOPR EJCBV BI QPRHBN 5FRBKBBO 8FHFRICBHJ N FOBN JOLFSENBN BTBO EBO LFSFIVSBBBO QFOH UOJSFBRS EFOHBO 5FN QFO: BOHSQURLU , FRSJ /- FRB EBO 2BRN PQJF
ž	7 FV UKUELBO QLSBT LI JEN BT SFI FOTJCBHJ N FOBHBOJ LFSALFS KFOBXBI EBO LFHBOSBOSTFR BEBQV BOJTBFI	9L	
žž		† ( !	
		&ž~ † %	
	' ) 4 *) /) 5 : Q) 2:, 84 ) 9, 2 +) 3 4 4 ) 50, 96 :) 709 +) 5. +) 5 :, 3 / +Q, 29 5) 2 5 :		
†	: FN CFRBO BJRCFDUN BŽŁN ž		

ž =BCUOH BOBL OFLFRB 6BEBOH  
ž <LN N JLPRFJLFT <LN <FM 7 JN, BR  
! : RPHBN : FOEJLBOfi< 3<1/7 <=USXFO; BLXBT  
" <LN : FRUN BI BO: FLFRB 6BEBOH  
# , BOTUBO OFOHURUSBO CBOHJOOBO/NG" QUSBLPN UOIJ  
% 4PN <I PQQDH  
& 1FRBO <FNBOHPRLU  
( =BCUOH@BRISBO +OBL <FNBOHPR), POUS <FNBOHPRLU  
: FRUOTULBO; 7 %I KUTB

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : PROGRAM WIFI PERCUMA**

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
  - a) Senaraikan lokasi-lokasi WiFi percuma menurut DUN.
  - b) Apakah tahap keberkesanan khidmat capaian WiFi percuma ini?
  - c) Berapakah yang telah dibelanjakan untuk menyediakan perkhidmatan WiFi percuma ini menurut DUN?

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah mula memberikan perkhidmatan WiFi secara percuma bermula pada tahun 2010 dengan pelaksanaan Projek WIFI atau dikenali sebagai "Wireless Selangor" ianya adalah usaha kerajaan negeri memperluaskan kemudahan wayarles jalur lebar (*internet broadband*) dan akses internet (*internet accessibility*) ke semua kawasan dalam negeri Selangor. Penglibatan Kerajaan Negeri Selangor dan Penyedia Perkhidmatan Internet atau dikenali sebagai ISP (*Internet Service Provider*) di dalam projek ini, membolehkan kemudahan capaian internet tanpa wayar ini akan dinikmati oleh rakyat Selangor dengan PERCUMA. Ini menepati manifesto Kerajaan Negeri untuk menjadi Negeri Maju, Sejahtera dan Berkebajikan.

Bagi menentukan lokasi WiFi oleh Kerajaan Negeri Selangor pemilihan dibuat adalah berdasarkan kepada keperluan dan kriteria yang diambil kira adalah di kawasan-kawasan yang mempunyai banyak tumpuan, tarikan dan konsentrasi aktiviti komersil atau aktiviti penduduk seperti :

- i. Lobi atau kaunter di premis-premis kerajaan.
- ii. Medan-medan selera PBT.
- iii. Kawasan riadah / taman awam / dataran awam.
- iv. Hub pengangkutan awam seperti terminal bas, kenderaan awam, stesen LRT, komuter.
- v. Kawasan institusi pendidikan / pengajian tinggi / kolej.
- vi. Premis-premis perniagaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS).
- vii. Masjid / surau.

- viii. Pusat khidmat, balai JKKK, perpustakaan, pusat komuniti, dewan orang ramai/serbaguna, Pusat Siber Rakyat (PSR).
- ix. Taman perumahan dan kediaman kos rendah dan sederhana rendah.
- x. Premis-premis perniagaan, restoran dan kedai-kedai

Pada fasa pertama Kerajaan Negeri telah melancarkan di lokasi seperti berikut:

- i. Dataran Shah Alam
- ii. Kompleks PKNS Shah Alam
- iii. Seksyen 2 Shah Alam
- iv. Seksyen 3 Shah Alam
- v. Seksyen 9 Shah Alam
- vi. Masjid Bukit Indah Ampang
- vii. DUN Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor
- viii. DUN Bukit Melawati
- ix. DUN Sungai Panjang
- x. DUN Permatang Bistari Jaya
- xi. DUN Sekinchan
- xii. DUN Sabak Bernam

Untuk perlaksanaan fasa ke-dua yang akan mengguna Geran Selangorku, Kerajaan Negeri dalam perancangan menambah lagi lokasi perkhidmatan WiFi untuk rakyat negeri Selangor sebanyak 112 lokasi di seluruh Negeri Selangor.

Setiap DUN akan diperuntukkan sebanyak 2 lokasi. Bagi mengenal pasti kawasan-kawasan terpilih, setiap DUN telah diminta untuk mengemukakan cadangan kepada STANDCO Sains, Teknologi dan Inovasi bagi memastikan semua mendapat kemudahan ini.

Senarai lokasi WiFi percuma mengikut DUN adalah seperti jadual di bawah :

<b>DUN</b>	<b>N01</b>	<b>N02</b>	<b>N03</b>	<b>N04</b>	<b>N05</b>	<b>N06</b>	<b>N07</b>	<b>N08</b>	<b>N09</b>	<b>N10</b>
<b>BIL WiFi</b>	2	3	3	3	2	3	2	2	3	3

<b>DUN</b>	<b>N11</b>	<b>N12</b>	<b>N13</b>	<b>N14</b>	<b>N15</b>	<b>N16</b>	<b>N17</b>	<b>N18</b>	<b>N19</b>	<b>N20</b>
<b>BIL WiFi</b>	2	2	2	2	2	2	2	3	2	2


DUN	N21	N22	N23	N24	N25	N26	N27	N28	N29	N30
BIL WiFi	2	2	2	2	2	2	2	2	2	2

DUN	N31	N32	N33	N34	N35	N36	N37	N38	N39	N40
BIL WiFi	2	2	2	2	2	2	2	2	2	7

DUN	N41	N42	N43	N44	N45	N46	N47	N48	N49	N50
BIL WiFi	2	2	2	2	2	2	2	2	2	2

DUN	N51	N52	N53	N54	N55	N56
BIL WiFi	2	2	2	2	2	2

- b) Tahap keberkesanan khidmat WiFi percuma ini adalah berdasarkan jumlah bilangan pengguna yang menggunakan khidmat WiFi berdasarkan jadual seperti di bawah :



Data yang dipamerkan ini adalah bermula dari Mei 2010 sehingga Oktober 2012.

- c) Kerajaan Negeri telah menyediakan perkhidmatan WiFi percuma ini bermula pada tahun 2012 secara berperingkat. Jumlah keseluruhan yang telah dibelanjakan adalah seperti jadual berikut.

<b>Tahun 2010</b>		
<b>Bil.</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Kos Setahun</b>
1	Dataran Shah Alam	RM 18,000.00
2	Kompleks PKNS Shah Alam	RM 18,000.00
3	Seksyen 2 Shah Alam	RM 18,000.00
4	Seksyen 3 Shah Alam	RM 18,000.00
5	Seksyen 9 Shah Alam	RM 18,000.00
6	Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor	RM 18,000.00
7	Masjid Bukit Indah Ampang	RM 10,000.00

<b>Tahun 2011</b>		
<b>Bil.</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Kos Setahun</b>
1	DUN Bukit Melawati	RM 10,000.00
2	DUN Sungai Panjang	RM 10,000.00
3	DUN Permatang Bistari Jaya	RM 10,000.00
4	DUN Sekinchan	RM 10,000.00
5	DUN Sabak Bernam	RM 10,000.00

<b>Tahun 2012</b>		
<b>Bil.</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Kos Setahun</b>
1	112 Lokasi (56 DUN x 2 Lokasi)	RM 1,373,979.93
	1 Lokasi	RM 12,267.70

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUGN TUNKU)**

**TAJUK: PELABURAN BERKAITAN DENGAN INDUSTRI BERASASKAN  
TEKNOLOGI HIJAU**

9. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- Adakah kerajaan mempunyai dasar-dasar yang direka khusus untuk menarik lebih ramai pelabur untuk melabur dalam industri yang berdasarkan teknologi hijau dari dalam dan luar negara? Jika tidak. Mengapa?
  - Berapa ramai pelabur yang telah melabur di Selangor sejak tahun 2008 dalam bidang yang berdasarkan teknologi hijau?

**JAWAPAN :**

- Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai insentif fiskal bagi syarikat-syarikat yang menjana elektrik daripada sumber Tenaga Boleh Diperbaharu atau Renewable Energy (RE) dan syarikat-syarikat mengamalkan aktiviti-aktiviti penjimatan tenaga Energy Efficiency (EE) dimana mereka layak diberi Pengecualian Cukai Pelaburan (Investment Tax Allowance) dan Status Perintis (Pioneer Status)

Syarikat-syarikat ini juga boleh memohon untuk mendapatkan pengecualian duti import dan cukai jualan untuk tempoh setahun bagi mesin, peralatan, material dan alat ganti import yang digunakan secara terus dalam penjanaan tenaga elektrik daripada sumber RE dan aktiviti EE. Insentif-insentif ini telah ditambah baik di bawah Bajet 2009 di mana pengecualian boleh diberikan bagi:

- Duti import dan cukai jualan untuk peralatan sistem solar untuk kegunaan pihak ketiga diberi kepada pengimport termasuk penyedia perkhidmatan photovoltaic yang diluluskan.
- Pengecualian cukai jualan untuk pembelian peralatan sistem pemanas solar daripada pengilang tempatan;
- Pengecualian duti import dan cukai jualan diberi ke atas peralatan EE seperti motor cekap tenaga (high efficiency motors) dan bahan penebat (insulation material) diberi kepada pengimport termasuk agen yang diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga.

- iv. Pengecualian cukai jualan diberi kepada pembelian Electrical & Elektronic consumer goods yang diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga seperti bahan penebat, peti sejuk domestik, Ballast untuk lampu fluorescent, kipas domestik, lampu dan penyaman udara

Pengelasan industri teknologi hijau adalah seperti berikut;-

i) Sektor Tenaga

- Sektor Bekalan Tenaga: Aplikasi Teknologi Hijau dalam penjanaan tenaga dan pengurusan bekalan tenaga, termasuk penjanaan bersama (co-generation) di sektor industri dan komersial; dan
- Sektor Penggunaan Tenaga Aplikasi Teknologi Hijau dalam semua sektor penggunaan tenaga dan dalam program pengurusan permintaan tenaga.

ii) Sektor Bangunan

- Menerima pakai Teknologi Hijau dalam pembinaan, pengurusan, pemuliharaan dan pemusnahan bangunan

iii) Sektor Air dan Pengurusan Sisa

- Menerima pakai Teknologi Hijau dalam pengurusan dan penggunaan sumber air, rawatan kumbahan, sisa pepejal dan kawasan pelupusan sampah; dan

iv) Sektor Pengangkutan

- Memasukkan elemen Teknologi Hijau dalam prasarana pengangkutan dan kenderaan, khususnya biobahan api dan pengangkutan jalan awam.

^ (# fI& „ £# £\$'£& \$ + £\$/†/„ + £! \$%% £" £( fV \$ ° £&

- b) Bagi tahun 2008 sehingga 2012 sebanyak **11 projek perkilangan** yang melibatkan projek dalam industri hijau telah diluluskan oleh MIDA di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK: PPR LEMBAH SUBANG 2, ARA DAMANSARA**

10. PPR Lembah Subang 2,Ara Damansara sudah lama dibina atas tempat pembuangan sampahan dan masih belum didiami

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar,

- a) Adakah tempat itu selamat untuk didiami

**JAWAPAN :**

- a) CFO telah dikeluarkan pada 2010. Walaubagaimanapun, pengurusan pemindahan masuk pemilik pangaspuri adalah di bawah tanggung jawab pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE YING HA  
(TERATAI)**

**TAJUK : TANAH LAPANG DI TEPI SRJK (T) AMPANG, JALAN AMPANG**

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) 2 tapak kosong di sebelah sekolah tersebut, satu untuk pejabat Rela dan satu untuk Dewan Orang Ramai adalah hak milik siapa?
  - b) Sama ada kerajaan boleh pinjam atau pindah milik tanah tersebut kepada SRJK (T) Ampang untuk menjalankan aktiviti sekolah.
  - c) Siapakah pengurus untuk kedua-dua dewan ini?

**JAWAPAN :**

- a) Tapak Pejabat Rela telah diberi kebenaran oleh Pentadbir Tanah Hulu Langat pada 22 April 1981 untuk menduduki tapak tersebut bagi mendirikan pondok Rela dengan keluasan tapak 50' x 70' bagi Mukim Ampang. Manakala tapak Dewan Orang Ramai dahulunya telah dirizabkan untuk 'Local Council Labour Reserve' GN23-59 tetapi telah diwarta keluar. Tapak tersebut diletak di bawah pengurusan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan kedua-dua tapak adalah berstatus tanah kerajaan.
- b) Persoalan sama ada pihak kerajaan boleh meminjamkan atau pindah milik tanah tersebut kepada SRJK (T) Ampang untuk menjalankan aktiviti sekolah adalah bergantung kepada permohonan yang dibuat oleh pihak Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP). Setiap permohonan tanah adalah tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Walau bagaimanapun, dalam kes ini, permohonan tanah daripada PTP telah ditolak kerana tapak tersebut telah dizonkan di dalam Rancangan Tempatan MPAJ untuk kegunaan perniagaan.
- c) Sehingga tarikh laporan ini disediakan (November 2012) bangunan RELA diuruskan oleh Ikatan Relawan Rakyat (RELA) Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, Mukim Ampang 1, Daerah Hulu Langat. Dewan Orang Ramai pula diuruskan oleh Persatuan Kebajikan Masyarakat India Ampang, Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
YB DATO` HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD  
(SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : MANIFESTO MANFAAT IBU TUNGGAL**

12. Pakatan Selangor mengemukakan Manifesto ketika Pilihan Raya Umum ke-12 yang meliputi 12 perkara sosial dan kebaikan rakyat iaitu antaranya memberi elaun ibu tunggal yang layak.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan ibu tunggal di Selangor dari 2008 hingga 2012 mengikut pecahan kaum?
- b) Berapakah jumlah peruntukan yang telah digunakan untuk membantu ibu tunggal yang terbabit?
- c) Apakah program-program yang telah dilaksana dari 2008 hingga 2012 bagi membantu mereka?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(JERAM)**

**TAJUK: MANIFESTO HADIAH MASUK UNIVERSITI**

13. Pakatan Selangor mengemukakan Manifesto ketika Pilihan Raya Umum ke-12 yang meliputi 12 perkara sosial dan kebaikan rakyat iaitu antaranya hadiah RM 1ribu setiap anak Selangor yang dapat tawaran ke universiti.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- Berapakah jumlah anak Selangor yang telah menerima hadiah tersebut dari 2008 hingga 2012?
- Berapakah jumlah perbelanjaan yang telah dikeluarkan?
- Berapakah jumlah sebenar anak Selangor yang mendapat tawaran ke universiti dari 2008 hingga 2012?

**JAWAPAN :**

- Program Anak Masuk Universiti ini telah diperkenalkan sejak tahun 2008 di mana penuntut-penuntut yang layak mendapat tempat di IPTA dan IPTS serta pendapatan keluarga kurang dari RM1,500 ke bawah yang layak menerima hadiah anak masuk Universiti berjumlah RM1000. Pemberian ini bertujuan membantu kos kemasukan dan pembelajaran di IPTA dan IPTS serta sebagai insentif kepada pelajar di samping meringankan beban keluarga. Sejak pemberian ini dilaksanakan, sejumlah 31,100 orang pelajar yang telah menerima bantuan ini. Statistik penerima mengikut tahun adalah seperti jadual di bawah :-

Tahun	Bilangan Penerima
2008	3,567
2009	6,020
2010	8,161
2011	7,645
2012	5,707
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>31,100</b>

- Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sebanyak RM31.1 juta sejak tahun 2008 hingga 2012 untuk pemberian anak masuk universiti kepada 31,100 orang pelajar.

- c) Jumlah anak Selangor yang ditawarkan kemasukan ke universiti tidak dapat diketahui kerana data maklumat tersebut disimpan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y. B PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : KEMISKINAN**

14. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- Apakah garis panduan untuk menentukan mereka yang miskin dan senaraikan indeks kemiskinan mengikut pecahan daerah daripada tahun 2008-2012.
  - Apakah rancangan bersepadu kerajaan negeri bagi membantu golongan miskin di Negeri Selangor, demi mengurangkan jurang perbezaan pendapatan antara golongan miskin dan kaya di Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

- Kemiskinan membawa maksud, jumlah pendapatan bulanan sesebuah isi rumah yang berada di bawah tahap Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) iaitu indikator yang membolehkan sesebuah keluarga tersebut memiliki dan memenuhi keperluan asas dari segi makanan dan bukan makanan, yang membolehkan setiap ahli keluarga berfungsi di dalam masyarakat. Sementara peratusan rakyat dibawah garis kemiskinan di Negeri Selangor (1,503,629 - jumlah penduduk yang dikategorikan sebagai miskin iaitu pendapatan kurang dari RM1500.00) dibahagi dengan jumlah populasi di Negeri Selangor iaitu 5,070,000 menjadikan sejumlah 30.18%.

Negeri Selangor merupakan antara negeri yang mempunyai pertumbuhan populasi yang sangat tinggi dimana pertumbuhan tersebut didorong oleh pertumbuhan ekonomi yang pesat. Selain itu pertumbuhan tersebut berlaku antara lain adalah disebabkan oleh perpindahan rakyat negeri lain ke Negeri Selangor. Sehubungan dengan itu mengikut data terkini, terdapat sebanyak 274,937 jumlah warga miskin di Negeri Selangor berdasarkan kepada paras garis kemiskinan (PGK) 2007 iaitu pada kadar RM731.00 sebulan. Jumlah tersebut menyumbang kepada 5.3% dari jumlah populasi rakyat Negeri Selangor. Bagaimanapun kadar garis kemiskinan telah ditingkatkan menjadi RM1500.00. Berdasarkan kepada bancian yang dijalankan pada tahun 2007 terdapat seramai 1,530,629 penduduk Negeri Selangor yang berpendapatan bawah RM 1500 iaitu menjurus kepada 30% populasi rakyat Negeri Selangor.

- Kerajaan Negeri melalui Jawatan Kuasa Tetap (Stanco) kemiskinan telah menggariskan tiga fungsi utama dalam menangani kemiskinan di Negeri Selangor, iaitu dengan menyediakan:
  - Bantuan Perumahan
  - Bantuan Pendidikan
  - Bantuan Peluang Pekerjaan

### **i. Bantuan Perumahan**

Melalui Program Kerajaan Prihatin, Rumah Program Rakyat Termiskin (PPRT) telah dibina dengan kos maksima sebanyak RM30,000.00 sementara itu bantuan baik pulih juga diwujudkan bagi membantu golongan sasar mendapat kemudahan tempat tinggal yang lebih selesa.

### **ii Bantuan Pendidikan**

Kerajaan Negeri telah menyediakan kemudahan Program Kemahiran Teknikal dengan kerjasama kolej Internasional INPENS di Kuala Selangor dimana peluang melanjutkan pengajian dalam bidang kemahiran ini dibuka kepada seluruh pelajar miskin di Negeri Selangor untuk menyambung pengajian ke peringkat tertinggi dan ini diharap dapat mengelakkan jurang pendidikan dan masalah keciciran di kalangan pelajar terutama sekali pelajar luar bandar.

### **ii. Bantuan Peluang Pekerjaan**

Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor yang diwujudkan pula adalah bagi membantu golongan sasar berdikari dan menambahbaik perusahaan atau bidang tertentu yang telah diusahakan bagi menambah pendapatan sedia ada. Program ini diselaraskan dengan memberi bantuan berbentuk peralatan dan mesin kepada pemohon yang layak diberi bantuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK: PENYELESAIAN HUTANG-HUTANG SYARIKAT KUMPULAN TALAM**

15. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- (a) Senaraikan faedah atau aset yang diperolehi daripada penyelesaian hutang - hutang Syarikat Kumpulan Talam?

**JAWAPAN:**

- a) Faedah terbesar yang diperoleh ialah Kerajaan Negeri berjaya mengutip semula hutang talam sebanyak RM392juta yang didapati tertunggak sebelum tahun 2008.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK : BANJIR LUMPUR DI PEKAN BANGI**

16. Banjir yang berlaku pada 12 Oktober 2012 membawa lumpur dari jambatan sedang dibina di Bangi merentasi ke Bandar Seri Putra.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah diambil oleh pembina jambatan dan pemaju perumahan berdekatan untuk mengelakkan berlakunya banjir lumpur selepas ini?
- b) Mengapakah usaha mendalamkan sungai Bangi dihentikan?
- c) Apakah tindakan yang diambil bagi mengatasi halangan untuk membersihkan sungai Bangi?

**JAWAPAN :**

- a) Pembinaan jambatan di Bandar Seri Putra adalah Jabatan Kerja Raya (JKR) dan bukannya MPKj.
- b) Kerja-kerja mendalamkan Sungai Bangi adalah di bawah bidang kuasa JPS.
- c) Kerja-kerja membersihkan Sungai Bangi adalah di bawah bidang kuasa JPS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(JERAM)**

**TAJUK: MANIFESTO PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR**

17. Pakatan Selangor mengemukakan Manifesto ketika Pilihan Raya Umum ke-12 yang meliputi tiga perkara keselamatan rakyat iaitu antaranya menguatkuaskan syarat-syarat perlindungan alam sekitar bagi mengelakkan bencana alam seperti tanah runtuh dan banjir.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pelaksanaan manifesto tersebut?
- b) Nyatakan jumlah bencana alam yang berlaku, jumlah kemalangan nyawa, kerosakan dan kerugian yang berlaku mengikut daerah dari 2008-2012?

**JAWAPAN :**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : KEGIATAN PENCEROBOHAN TANAH SECARA HARAM**

18. Bertanya Kepada YAB. Dato Menteri Besar;
- Sila huraikan sehingga setakat ini berapakah jumlah kes-kes pencerobohan tanah secara haram yang telah dikenal pasti oleh pihak Kerajaan mengikut susunan daerah?
  - Sila nyatakan apakah punca utama yang menyebabkan fenomena sedemikian sukar dibendung?
  - Sila nyatakan apakah kekangan yang dihadapi oleh pasukan penguatkuasa di setiap daerah dan PBT khususnya dalam usaha membanteras kegiatan pencerobohan tanah secara haram?

**JAWAPAN:**

- a) Sebanyak 804 kes pencerobohan tanah secara haram telah dikenal pasti oleh pihak Kerajaan dan pecahannya mengikut daerah adalah seperti berikut :-

BIL	DAERAH	BILANGAN KES PENCEROBOHAN
1	Hulu Selangor	23
2	Hulu Langat	54
3	Kuala Selangor	18
4	Petaling	45
5	Sepang	312
6	Kuala Langat	69
7	Gombak	166
8	Sabak Bernam	32
9	Klang	85
<b>JUMLAH</b>		<b>804</b>

- b) Secara umumnya, punca utama yang menyebabkan kes-kes pencerobohan tanah secara haram sukar dibendung adalah kerana kelemahan pemantauan dan pengawasan daripada pihak yang bertanggungjawab untuk menjaga dan mengawal selia tanah-tanah kerajaan.

Akibat dari kelemahan ini, ada pihak-pihak yang mengambil kesempatan dengan membina rumah atau menjalankan aktiviti pertanian dan ada juga yang membina bengkel atau kilang secara haram di atas tanah kerajaan.

Kekangan yang dihadapi oleh pasukan penguatkuasaan di setiap daerah dan PBT khususnya dalam usaha membanteras kegiatan pencerobohan tanah adalah seperti berikut:

i) Kekurangan Anggota Penguat kuasa

Bagi mengawal dan memantau tanah-tanah kerajaan, anggota penguatkuasa hendaklah sentiasa menjalankan aktiviti rondaan dan pemeriksaan. Memandangkan bilangan anggota penguatkuasa adalah terhad terutama di pejabat-pejabat tanah, penceroboh sering mengambil kesempatan menjalankan aktiviti pencerobohan tanah kerajaan pada luar waktu pejabat, di kawasan pinggiran bandar, di kawasan antara sempadan mukim dan daerah dan di atas tanah-tanah yang tersepit di antara kawasan projek pembangunan yang sukar untuk dipantau oleh anggota penguatkuasa sepanjang masa.

ii) Tugas Sukar dan Mencabar

Terdapat sebahagian dari para pegawai yang dipertanggungjawabkan terhadap tugas tersebut merasakan ianya terlalu sukar serta mencabar dan mereka perlu menanggung segala risiko yang bakal dihadapi. Ini kerana para penceroboh tersebut dikategorikan sebagai penjenayah kerana telah melanggar peruntukan dan undang-undang yang telah dibuat. Tambahan pula terdapat kes di mana pihak pegawai telah diancam oleh pihak penceroboh. Perkara ini menyebabkan mereka tidak berani untuk melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan dan lebih memberi tumpuan kepada tugas-tugas lain seperti menyediakan laporan tanah untuk pembangunan. Bagi membendung aktiviti pencerobohan tanah dengan efisien, bilangan anggota penguatkuasa perlulah sesuai selaras tugas yang dilaksanakan.

iii) Memerlukan Tumpuan Sepenuhnya

Memandangkan tugas yang dipikul agak berat, maka ianya memerlukan tumpuan yang sepenuhnya serta hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran dan pengalaman. Oleh kerana pendakwaan di atas kes pencerobohan memerlukan kemahiran dan pengalaman dari aspek teknikal dan undang-undang bagi mendakwa penceroboh maka tumpuan yang sepenuhnya terhadap tugas tersebut tidak dapat dijalankan. Ini dapat dibuktikan kerana tidak banyak kes yang melibatkan pencerobohan tanah dibawa ke mahkamah untuk tujuan pendakwaan, sedangkan kita tahu bahawa kes pencerobohan tanah ini semakin menjadi-jadi sekarang ini.

iv)

#### Menghadapi Halangan Daripada Pihak-Pihak Tertentu

Terdapat juga beberapa halangan daripada pihak-pihak tertentu bagi anggota penguatkuasa melaksanakan tugas mereka. Halangan atau masalah-masalah tersebut adalah seperti mendapat arahan daripada ahli-ahli politik agar tindakan terhadap pencerobohan tersebut ditangguhkan atau penguatkuasaan tersebut dibatalkan sahaja. Halangan dari pihak penceroboh pula ialah kebanyakannya mereka akan bertindak kasar dan menghalang pihak petugas dari menjalankan tugas mereka dan ini menyebabkan pihak yang bertugas ada kalanya terpaksa bertindak lebih tegas bagi menangani masalah ini. Apabila keadaan ini berlaku maka orang ramai yang salah faham atau tidak tahu tujuan sebenar tindakan penguatkuasaan tersebut akan mencemuh pegawai dan anggota penguatkuasa kerana sikap mereka yang seolah-olah tiada belas kasihan. Laporan media yang sepatutnya memainkan peranan penting dalam membantu pihak pentadbiran tanah dalam menangani masalah ini sering kali membuat liputan yang tidak tepat sehingga menimbulkan salah tafsiran masyarakat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM  
(BATANG KALI)**

**TAJUK : MANIFESTO BANTUAN MENDIRIKAN RUMAHTANGGA**

19. Pakatan Selangor mengemukakan Manifesto ketika Pilihan Raya Umum ke-12 yang meliputi 12 perkara sosial dan kebaikan rakyat iaitu antaranya bantuan kepada anak muda mendirikan rumah tangga.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pelaksanaan manifesto tersebut?
- b) Berapakah bilangan pasangan yang mendirikan rumah tangga di Selangor mengikut kaum / agama dari 2008 hingga 2012?
- c) Apakah bentuk-bentuk bantuan yang ditawarkan oleh pihak kerajaan negeri sekarang ini?

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri sedang fasa akhir untuk melaksanakan Manifesto ini. Dijangka perlaksanaan program ini akan bermula pada Januari 2013. Perkara ini akan diumumkan kepada orang ramai setelah Kertas Cadangan ini diluluskan oleh MMKN
- b) Berikut adalah bilangan pasangan yang mendirikan rumahtangga di Selangor mengikut kaum / agama dari tahun 2008 – 2012

TAHUN	PERKAHWINAN	
	ISLAM	BUKAN ISLAM
2008	16,021	7,529
2009	17,299	7,601
2010	18,068	6,741
2011	18,751	7,324
2012	*8311	NIL

\*sehingga Mei 2012

- c) Statistik yang dinyatakan tadi diperolehi daripada Jabatan Agama Islam Selangor dan Jabatan Pendaftaran Negeri Selangor

Antara pendekatan awal yang dilaksanakan oleh kerajaan Negeri adalah

- i. Program Kursus Perkahwinan yang dianjurkan oleh JAIS;
- ii. Program Gerbang Perkahwinan 2011 oleh Jawatankuasa Tetap Pembangunan Model Insan yang telah menguruskan seramai 49 pasangan pengantin; dan

Program Perkahwinan Belia mengikut Adat Resam Melayu oleh Jawatankuasa Tetap Belia yang dijangka diadakan pada 16 Disember 2012 ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM  
(MORIB)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN PANTAI KELANANG**

20. Selama hampir 5 tahun saya bangkitkan pembangunan dan penambahbaikan Pantai Kelanang yang tidak terurus dengan baik oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat. Saya dapat terdapat gerak kerja penambakan dan pemberian di kawasan ini.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah skop kerja yang dilaksanakan di kawasan Pantai Kelanang ini?
- b) Jabatan manakah yang diberi tanggungjawab melaksanakan kerja-kerja ini ?
- c) Berapakah jumlah peruntukan untuk kerja-kerja yang dilaksanakan dan dari manakah peruntukan tersebut sama ada Peruntukan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri?

**JAWAPAN :**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMAD KHIR BIN TOYO  
(SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK: SKIM USIA EMAS**

21. Kerajaan Negeri telah melancarkan Program Skim Mesra Usia Emas (SMUE) bagi seluruh warga emas/Orang Kelainan Upaya (OKU) pada 2008.

Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar,

- a) Berapakah jumlah yang berdaftar dan penerima skim ini sejak 2008 sehingga Oktober 2012.
- b) Berapakah jumlah perbelanjaan yang telah dikeluarkan sehingga Oktober 2012.
- c) Berapakah kos pengurusan Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB) setiap bulan?

**JAWAPAN :**

- a) Seramai 200,356 orang telah berdaftar sebagai Ahli SMUE sehingga 31 Oktober 2012.
- b) Seramai 35,119 orang telah menerima Bayaran Peringkat Pertama berjumlah RM35,119,000.00 dan 32,955 orang pula telah menerima Bayaran Peringkat Kedua berjumlah RM49,432,500.00 sehingga Oktober 2012. Seramai 2164 orang lagi sedang diproses bagi Pembayaran Peringkat Kedua yang melibatkan sejumlah RM3,246,000.00 yang akan dibayar dalam masa terdekat. Ini bermakna sehingga 31 Oktober 2012, sebanyak RM84,551,500.00 telah dibelanjakan untuk rakyat Selangor melalui manfaat Skim Mesra Usia Emas ini.
- c) Sejak beroperasi pada bulan Oktober 2008, purata bulanan kos pengurusan dan operasi RMSB bagi tahun 2008 – 2009 adalah RM 36,078, tahun 2010 RM 41,392, tahun 2011 RM 47,923 dan tahun 2012 pula adalah RM 67,193. Peningkatan kos ini adalah disebabkan pertambahan program yang diletakkan di bawah seliaan RMSB serta penambahan kakitangan yang dibuat berdasarkan keperluan. Yang terbaru adalah untuk program Skim Bantuan Asuhan Rakyat (SiKembar) dan Skim Bantuan Tadika Selangor (TUNAS).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUGN TUNKU)**

**TAJUK: KERETA RASMI DATUK BANDAR DAN YANG DI-PERTUA (YDP) PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)**

22. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- Apakah garis panduan atau pekeliling kerajaan tentang pembelian kereta rasmi Pihak Berkusa Tempatan (PBT) untuk kegunaan Datuk Bandar atau Yang Dipertua (YDP)?
  - Adakah keputusan untuk membeli kereta rasmi untuk kegunaan rasmi Datuk Bandar atau YDP perlu dibentangkan dalam belanjawan PBT berkenaan dan diluluskan oleh Ahli-ahli Majlis sebelum ianya dapat dilaksanakan?

**JAWAPAN :**

- a) Garis panduan atau pekeliling kerajaan tentang pembelian kereta rasmi Pihak Berkusa Tempatan (PBT) untuk kegunaan Datuk Bandar atau Yang Dipertua (YDP) ialah dengan merujuk Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan. 13 Tahun 2011 bertarikh 14 Disember 2011 bertajuk Peruntukan Kereta Rasmi Jabatan (Sila rujuk Lampiran a).

Tujuan pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan peruntukan dan penggunaan kereta rasmi Jabatan selaras dengan arahan dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 27/2011 yang telah bersidang pada 10 Ogos 2011 telah bersetuju dan memutuskan Kenderaan Rasmi Jabatan mengikut kelayakan seperti yang berikut:-

BIL	JENIS KERETA	PEGAWAI YANG LAYAK
1.	Honda Accord 2.0	Pegawai Pengurusan Tertinggi Gred Utama/Khas C dan ke atas
2.	Proton Inspira 2.0 Premium	Pegawai Daerah/Yang Dipertua Majlis/Ketua-ketua Jabatan Negeri Selangor Gred 54/52

b)

<b>BIL</b>	<b>PBT</b>	<b>CARA PELAKSANAAN</b>
1.	MBSA	<p>Di Majlis Bandaraya Shah Alam semua peruntukan tahunan akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Belanjawan dan akan diluluskan di peringkat Mesyuarat Majlis. Di dalam belanjawan tahunan tersebut ada dibentangkan peruntukan perbelanjaan mengurus dan peruntukan belanjawan pembangunan. Peruntukan pembelian kereta rasmi pejabat adalah termasuk di dalam peruntukan perbelanjaan mengurus. Sehubungan dengan itu, pembelian kereta rasmi pejabat ada dibincangkan dan diluluskan oleh Mesyuarat Majlis berdasarkan kepada perancangan Majlis dari semasa ke semasa.</p>
2.	MBPJ	<p>Pembelian tersebut menggunakan lebihan peruntukan pembelian kenderaan pada tahun 2012 dan telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bilangan 5 Tahun 2012 (Penggal 2012/2013) pada 13 Ogos 2012.</p>
3.	MPKlang	<p>Pembelian kereta rasmi YDP Majlis Perbandaran Klang adalah melalui proses perolehan iaitu melalui Jawatankuasa Sebutharga Majlis Perbandaran Klang. Bagi tujuan untuk mendapatkan peruntukan pembelian kenderaan rasmi Majlis Perbandaran Klang, ianya perlu dibentangkan di dalam Jawatankuasa Khas Bajet Kewangan &amp; Perjawatan Majlis Perbandaran Klang serta seterusnya memajukan kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan perakuan dan</p>

		kelulusan peruntukan bagi pembelian kenderaan rasmi Majlis Perbandaran Klang.
4.	MPAJ	Peruntukan bagi pembelian kenderaan Majlis dibajetkan dan telah diluluskan dalam Mesyuarat Khas Kewangan Bajet 2012/2013 pada 24/8/2011 dan disahkan di dalam Mesyuarat Penuh Majlis, Bil 8/2011 pada 26/08/2011.
5.	MPSJ	Peruntukan bagi pembelian setiap kenderaan rasmi MPSJ termasuklah kenderaan rasmi untuk kegunaan rasmi YDP dibentangkan di dalam Mesyuarat Anggaran Belanjawan MPSJ pada setiap tahun.
6.	MPS	Pekeliling Ini Telah Diterima Pakai Bersama Cadangan Pembelian Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 17/03/2012 Yang Bersidang Pada 28/03/2012.
7.	MPKj	Ya, melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan
8.	MPSepang	Ya, perlu ada pembentangan dalam belanjawan PBT dimana akan dibentangkan dalam Mesy. Jawatankuasa Kewangan dan Mesyuarat Penuh MPSepang.
9.	MDKS	Tidak, walau bagaimanapun bagi menjamin ketulusan, ia dibentangkan untuk persetujuan.
10.	MDKL	Ya, permohonan peruntukan akan dipohon di dalam bajet Majlis yang akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Majlis untuk kelulusan.
11.	MDHS	Keputusan membeli kereta rasmi untuk kegunaan rasmi YDP perlu dibentangkan dalam belanjawan PBT dan diluluskan oleh Ahli-ahli Majlis sebelum ia dilaksanakan.
12.	MDSB	Ya, keputusan untuk membeli kereta rasmi untuk kegunaan rasmi Datuk Bandar atau YDP perlu dibentangkan dalam belanjawan PBT berkenaan dan diluluskan oleh Ahli-Ahli Majlis sebelum ianya dapat dilaksanakan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: METER INDIVIDU**

23. Bertanya kepada YAB Menteri Besar:
- a) Senaraikan bangunan yang belum tukar meter pukal kepada meter individu. Nyatakan pangsapuri yang mendapat potongan tetapi masih belum bertukar kepada meter individu. Apa tindakan boleh dikenakan mengikut Akta Kerajaan Tempatan?

**JAWAPAN :**

- a) Untuk makluman YB, terdapat 230 pangsapuri Kos rendah (LAMPIRAN A) dan 482 kawasan Bukan Kos Rendah (LAMPIRAN B) yang belum menukar meter pukal kepada meter individu.

Manakala, khusus bagi PANGSAPURI KOS RENDAH, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan “SISTEM KUPON” (kini dimansuhkan kepada “LAPOR DAN DAPAT”) untuk memastikan penduduk pangsapuri bagi kos tersebut dapat menerima rebet air percuma tanpa mengambil kira sama ada status pelaksanaan migrasi meter air individu di kawasan terbabit. Setakat 31 Oktober 2012, sejumlah 216 pangsapuri telah mendapat Rebet Air Percuma tetapi masih menggunakan meter pukal dan senarai seperti LAMPIRAN C.

Penguatkuasaan migrasi meter air pukal kepada meter air individu ke atas pihak pengurusan bangunan seperti pemaju, Badan Pengurusan Bersama (*Joint Management Body-JMB*) atau Perbadanan Pengurusan (*Management Corporation-MC*) tidak tertakluk di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]. Walaubagaimanapun, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sedang menggubal Peraturan-Peraturan Pembekalan Air di bawah peruntukan Akta Industri Pembekalan Air 2006 bagi mewajibkan migrasi ke atas semua pangsapuri dan melaksanakan penguatkuasaan ke atas pihak pengurusan bangunan yang ingkar mematuhi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE YING HA  
(TERATAI)**

**TAJUK : KEHADIRAN MB & EXCO DALAM MESYUARAT EXCO DAN MTES**

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Meminta senarai kehadiran MB & EXCO dalam mesyuarat EXCO dan MTES pada tahun 2012.

**JAWAPAN :**

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat EXCO-MTES ditakwimkan pada hari Khamis setiap minggu, jam 9.30 pagi . Sepanjang tahun 2012 (**sehingga bulan Oktober 2012**), mesyuarat MTES telah bersidang sebanyak 37 kali.

Ringkasan kehadiran setiap EXCO dalam mesyuarat MTES adalah seperti butiran berikut:

BIL.	NAMA	JAWATAN	TAHUN 2012
1.	YAB. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim	YAB. Dato' Menteri Besar Selangor	37
2.	YB. Cik Teresa Kok Suh Sim	Ahli MMKN	30
3.	YB. Dato' Dr. Hj. Hassan Bin Mohamed Ali	Ahli MMKN	1
4.	YB. Tuan Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi	Ahli MMKN	34
5.	YB. Tn. Dr. Hj. Yaacob Bin Sapari	Ahli MMKN	34
6.	YB. Puan Rodziah Binti Ismail	Ahli MMKN	33
7.	YB. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/l Arulnandam	Ahli MMKN	33
8.	YB. Puan Dr. Halimah Binti Ali	Ahli MMKN	34

BIL.	NAMA	JAWATAN	TAHUN 2012
9.	YB. Tuan Iskandar Bin A. Samad	Ahli MMKN	27
10.	YB. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew	Ahli MMKN	30
11.	YB. Cik Elizabeth Wong Keat Ping	Ahli MMKN	24
12.	YB. Tuan Ean Yong Hian Wah	Ahli MMKN	10

**Maklumat tambahan :**

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat MTES turut dihadiri oleh ketua-ketua jabatan sebagai ahli tetap MTES dan ringkasan kehadiran adalah seperti butiran berikut :

BIL.	NAMA	JAWATAN	TAHUN 2012
1.	YB. Dato' Hj. Mohammed Khusrin Bin Hj. Munawi	Setiausaha Kerajaan Negeri	35
2.	YB. Datin Paduka Zauyah Be Binti Loth Khan	Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor	24
3.	YB. Dato' Mohd. Arif Bin Ab. Rahman	Pegawai Kewangan Negeri Selangor	31
4.	Puan Faekah Binti Husin	Setiausaha Politik Kepada YAB. Dato' Menteri Besar	32
5.	Y. Bhg. Dato' Noordin Bin Sulaiman	Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)	36
6.	Encik Kamarulzaman Bin Jamil	Pengarah, Pejabat Tanah & Galian Negeri Selangor	36
7.	Encik Abdul Halim Bin Mohammed Ali	Pegawai Penyelidik Kepada YAB. Dato' Menteri Besar	34
8.	Encik Suliman Bin Abd. Rahman	Setiausaha Bahagian MMKN	33
9.	Puan Aziah Binti Kamaruddin	Penolong Pengarah (MTES)	37

- Seksyen 10 dan Seksyen 15 Akta 171 perlu dipinda dan dikaji semula apa-apa peruntukan sedia ada yang lain berkaitan dengan pelantikan Anggota Majlis;

- ii. Semua cadangan pindaan kepada Akta 171 hendaklah diterima pakai oleh semua Negeri supaya wujud keseragaman dalam pemakaian undang-undang itu; dan
- iii. Peraturan-peraturan bagi menjalankan pilihanraya kerajaan tempatan hendaklah diwujudkan.

Oleh yang demikian, SPR tidak boleh menguatkuasakan Akta 473 untuk menjalankan pilihanraya kerajaan tempatan bagi Negeri Selangor sehingga segala tindakan berdasarkan cadangan yang dinyatakan di ambil tindakan.

- b) Draft pelaksanaan pemilihan Ahli Majlis melalui pilihan raya tidak dapat disertakan memandangkan ianya masih diperengkat kajian lanjut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: KAWASAN HIJAU**

39. Bertanya kepada YAB Menteri Besar:

- a) Nyatakan keluasan Taman Warisan (hutan simpan) Selangor yang telah digazetkan oleh kerajaan negeri sejak 2008. Apakah keluasan tanah lapang telah digazet sejak 2008-2012 di kawasan-kawasan yang akan/telah dibangunkan?

**JAWAPAN :**

- a) Semenjak tahun 2008, seluas  $\pm$  1,857.317 hektar kawasan hutan simpanan kekal di Negeri Selangor telah diwartakan sebagai Taman Negeri yang lebih dikenali sebagai Taman Warisan Negeri Selangor. Ini menjadikan keluasan Taman Warisan Negeri Selangor pada masa ini berjumlah  $\pm$  93,001.8 hektar.

**NOTA**

Bahagian kedua soalan adalah tidak jelas.

## **MAKLUMAT TAMBAHAN**

Senarai hutan simpanan kekal yang telah diwartakan sebagai Taman Warisan Negeris Selangor adalah seperti berikut:

Bil.	Hutan Simpan	Keluasan (Ha)	Tarikh Pewartaan
1.	HS. Ampang	91,144.519	25.1.2007
2.	HS. Ampang Pechah		
3.	HS. Bukit Kutu		
4.	HS. Batang Kali		
5.	HS. Gading		
6.	HS. Hulu Langat		
7.	HS. Hulu Selangor		
8.	HS. Kanching		
9.	HS. Semangko		
10.	HS. Serendah		
11.	HS. Sg. Lalang		
12.	HS. Ulu Gombak		
	Jumlah Kecil	91,144.519	
13.	HS. Ulu Gombak Tambahan (Klang Gates)	897.587	22.1.2010
14.	HS. Ulu Gombak Tambahan 1 (Permatang Kuarza)	114.480	
15.	HS. Templer	845.25	29.1.2010
	Jumlah Kecil	1,857.317	
	JUMLAH KESELURUHAN	93,001.836	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE YING HA  
(TERATAI)**

**TAJUK : TEATER DIRAJA, SHAH ALAM**

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Apakah status Teater Diraja, Shah Alam?

**JAWAPAN :**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK  
(PERMATANG)**

**TAJUK : INDUSTRI PASIR**

41. Kerajaan negeri pernah menyasarkan pendapatan hasil pasir sekitar RM150 setahun.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- (a) Berapakah pendapatan hasil pasir negeri dari tahun 2005 hingga 2012 dengan pecahan mengikut daerah?
- (b) Sejauh manakah permintaan hasil pasir untuk sektor pembinaan dan lain-lain?
- (c) Nyatakan statistik operasi, tangkapan, sitaan, dakwaan dan hasil pasir yang dirampas dari aktiviti pencurian pasir mengikut daerah dari 2008 - 2012?

**JAWAPAN:**

- a) Jawapan disediakan oleh KSSB.
- b) Jawapan disediakan oleh KSSB.
- c) Statistik operasi, tangkapan, sitaan, dakwaan dan hasil pasir yang dirampas dari aktiviti pencurian pasir mengikut daerah dari 2008 – 2012 adalah seperti dalam jadual berikut :

(i) Laporan Jumlah Operasi Mengikut Daerah Bagi Tahun 2008 Hingga Jun 2012

BIL	DAERAH	TAHUN				
		2008	2009	2010	2011	2012
1.	PTG SELANGOR	176	58	43	86	66
2.	PETALING	21	24	18	11	5
3.	KLANG	-	-	-	-	-
4.	GOMBAK	-	-	4	2	1
5.	HULU LANGAT	30	25	30	25	14
6.	KUALA LANGAT	366	365	213	3	3
7.	SEPANG	11	3	2	1	-
8.	HULU SELANGOR	-	3	2	1	1
9.	KUALA SELANGOR	365	365	365	365	180
10.	SABAK BERNAM	-	46	50	159	88
<b>JUMLAH OPERASI</b>		<b>969</b>	<b>889</b>	<b>727</b>	<b>653</b>	<b>358</b>

**ii) Laporan Jumlah Tangkapan Mengikut Daerah Bagi Tahun 2008 Hingga Jun 2012**

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>TAHUN</b>				
		<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>
1.	PTG SELANGOR	522	14	9	204	14
2.	PETALING	-	-	-	9	2
3.	KLANG	-	-	-	-	-
4.	GOMBAK	-	-	7	2	-
5.	HULU LANGAT	-	13	22	7	6
6.	KUALA LANGAT	142	30	14	9	26
7.	SEPANG	167	28	29	3	2
8.	HULU SELANGOR	143	70	3	1	1
9.	KUALA SELANGOR	-	4	7	2	-
10.	SABAK BERNAM	-	-	-	-	-
<b>JUMLAH TANGKAPAN</b>		<b>974</b>	<b>159</b>	<b>91</b>	<b>237</b>	<b>51</b>

**iii) Rekod Kes Di Bawah Seksyen 426 Kanun Tanah Negara, 1965 Tahun 2009  
Hingga 2011 Yang Dilaporkan Dalam Tindakan Bagi Tujuan Penyelarasan**

BIL	DAERAH	2009	2010	2011	CATATAN
1.	PETALING	0	0	2	PTD selesaikan tawaran kompaun
2.	KLANG	0	5	0	PTD lengkapkan siasatan dan syor
3.	GOMBAK	0	6	0	PTD lengkapkan siasatan dan syor
4.	SEPANG	6	13	0	PTGS ke muka kepada TPR syor bersekali – tiada perampasan dan notis
5.	HULU SELANGOR	0	2	1	PTD lengkapkan siasatan dan syor
6.	KUALA SELANGOR	0	0	0	-TB-
7.	HULU LANGAT	6	4	5	PTD lengkapkan siasatan/syor semula
8.	KUALA LANGAT	0	0	0	-TB-
9.	SABAK BERNAM	0	0	0	-TB-
10.	PTG SELANGOR	0	4	1	PTGS lengkapkan siasatan/syor semula
<b>JUMLAH</b>		<b>12</b>	<b>34</b>	<b>9</b>	Jumlah keseluruhan kes dalam tindakan : 55 Jumlah kes yang selesai (rekod untuk penyelarasan) : 32

\* melalui Mesyuarat Task Force Penyediaan Kertas Siasatan Bagi Kes Di Bawah Seksyen 426 Kanun Tanah Negara 1965 pada 28.6.2012

**PERTANYAAN –PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI ISMAIL BIN SANI  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK : MANIFESTO MANFAAT SURI RUMAH.**

42. Pakatan Selangor mengemukakan Manifesto ketika Pilihan Raya Umum ke-12 yang meliputi 12 perkara sosial dan kebaikan rakyat iaitu antaranya memberi eluan khas suri rumah yang memilih sepenuh masa menjaga anak-anak kecil mereka.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pelaksanaan manifesto tersebut?
- b) Berapakah bilangan suri rumah yang berada dalam kategori dimaksudkan dengan pecahan mengikut kaum?
- c) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan?

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK: MANIFESTO ANAK PRA-SEKOLAH**

43. Pakatan Selangor mengemukakan Manifesto ketika Pilihan Raya Umum ke-12 yang meliputi 12 perkara sosial dan kebaikan rakyat iaitu antaranya bantuan RM 50.00 sebulan seorang pendidikan pra-sekolah.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status perlaksanaan manifesto tersebut?
- b) Berapakah jumlah pra-sekolah milik kerajaan, politik, agensi dan swasta berdaftar atau tidak berdaftar yang beroperasi di Negeri Selangor?
- c) Berapakah bilangan anak yang menduduki pra-sekolah 2012 ?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS**  
**YB HAJI KHASIM BIN ABDUL AZIZ**  
**(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : ISU TALAM CORPORATION**

44. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar
- a) Senaraikan projek-projek yang telah dilaksanakan oleh Talam Corporation di negeri Selangor
  - b) Dari projek tersebut berapa projek yang telah berjaya mengikut jadual dan berapakah yang tidak dapat mengikut jadual

**JAWAPAN :**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y. B PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : GANGGUAN SEKSUAL**

45. Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:
- Senaraikan jumlah kes gangguan seksual yang dilaporkan kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor mengikut sektor awam dan swasta bagi tahun 2007-2012.
  - Apakah mekanisme yang diwujudkan dalam Kerajaan Negeri Selangor bagi menyelesaikan kes gangguan seksual?

**JAWAPAN:**

- Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor selaku urus setia induk bagi memantau keseluruhan kes-kes tatatertib yang dilaporkan oleh Jabatan / Agensi di Negeri Selangor telah merekodkan sebanyak **2 kes gangguan seksual pada tahun 2009 dan 1 kes gangguan seksual pada tahun 2010**. Walau bagaimanapun, Pentadbiran ini mengakui terdapat kemungkinan ada kes-kes gangguan seksual yang tidak dilaporkan memandangkan Pentadbiran ini ada menerima panggilan-panggilan dari semasa ke semasa daripada pegawai-pegawai yang bertanya mengenai prosedur-prosedur dan langkah-langkah yang boleh diambil sekiranya berhadapan dengan kes-kes seumpama ini.

Pentadbiran ini tidak mempunyai statistik berhubung jumlah kes gangguan seksual yang berlaku di dalam sektor swasta di negeri Selangor. Walau bagaimanapun, bagi syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan Negeri (GLCs), tiada kes yang dilaporkan bagi tahun 2007-2012.

- Gangguan seksual di kalangan pegawai awam negeri merupakan satu pelanggaran tatakelakuan yang serius yang mana satu subperaturan telah diwujudkan secara khusus (iaitu **subperaturan 4A**) melalui pindaan pada tahun 2006 kepada **Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Selangor (Kelakuan dan Tatatertib) 1995**. Pegawai-pegawai yang dilaporkan melakukan kesalahan ini terdedah kepada tindakan tatatertib sehingga membawa kepada hukuman buang kerja.

Mekanisme yang lengkap bagi menguruskan kes-kes gangguan seksual di Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri adalah diperuntukkan di bawah **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 22 Tahun 2005 “Garis Panduan Mengendalikan Gangguan Seksual Di Tempat Kerja Dalam Perkhidmatan Awam”**. Secara ringkasnya, mekanisme yang diperuntukkan kepada Pengadu yang berhadapan dengan gangguan seksual adalah seperti berikut:-

**(a) Tidak Mengambil Apa-Apa Tindakan**

Tindakan ini boleh diambil sekiranya gangguan seksual tersebut telah dihentikan dan Pengadu tidak mahu memanjangkan perkara tersebut. Keputusan yang dibuat secara sukarela oleh Pengadu adalah sah dan hendaklah dihormati.

**(b) Mendapatkan Maklumat Atau Bantuan Untuk Menyelesaikan Kes Secara Tidak Rasmi**

Pengadu yang tidak pasti sama ada gangguan seksual telah terjadi ke atasnya atau jika Pengadu mempercayai dirinya telah mengalami gangguan seksual tetapi tidak pasti apakah tindakan yang boleh diambil, boleh:

- (i) menghubungi Kaunselor, Pegawai Kaunseling, pegawai atasan atau agensi-agensi yang mengendalikan isu gangguan seksual untuk mendapatkan maklumat dan khidmat nasihat;
- (ii) setelah mendapat maklumat yang lengkap, Pengadu boleh menyelesaikan kes gangguan seksual dengan cara bersemuka dengan Pegawai Yang Disyaki Mengganggu dan menyatakan dengan tegas, jelas dan berterus terang bahawa perlakuan tersebut telah menyebabkan Pengadu berasa tersinggung, terhina atau terugut dan ia perlu dihentikan segera; dan
- (iii) Pengadu boleh meminta bantuan Kaunselor atau Pegawai Kaunseling agar hadir bersamanya ketika Pengadu bersemuka dengan Pegawai Yang Disyaki Mengganggu.

**(c) Membuat Aduan Rasmi Kepada Kaunselor Atau Pegawai Kaunseling**

Sekiranya Pengadu bercadang untuk membuat aduan rasmi kepada Kaunselor atau Pegawai Kaunseling, langkah-langkah yang perlu ialah:

- (i) mengenal pasti Pegawai Yang Disyaki Menganggu sama ada Pegawai Yang Disyaki Menganggu adalah rakan sekerja atau pegawai atasan;
- (ii) menyimpan apa-apa nota, e-mel, foto, sms, mms dan lain-lain dokumen atau benda yang diterima daripada Pegawai Yang Disyaki Menganggu sebagai bahan bukti. Perlu diingatkan bahawa dokumen atau benda yang diterima tersebut tidak boleh diubahsuai untuk menjaga rantai keterangan bahan bukti tersebut;

- (iii) membuat catatan atau merekodkan kejadian tersebut (sekiranya Pegawai yang mengganggu adalah pegawai penyelia atau Ketua Jabatan dan Pegawai berasa takut untuk berterus terang) agar dapat dijadikan sebagai bahan bukti apabila diperlukan;
- (iv) memaklumkan kejadian gangguan seksual tersebut kepada pihak ketiga, walau bagaimanapun jumlah orang yang dimaklumkan mengenai kejadian haruslah dihadkan kepada seminimum yang mungkin untuk menjaga kerahsiaan dan maruah kedua-dua pihak;
- (v) mengenal pasti Pegawai lain yang melihat kejadian yang berlaku agar Pegawai berkenaan boleh dipanggil untuk memberi keterangan apabila diperlukan; dan
- (vi) mendapatkan perkhidmatan kaunseling di tempat Pegawai Awam bertugas atau di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor sekiranya Pegawai mengalami kesan negatif akibat daripada gangguan seksual.

**(d) Membuat Laporan Rasmi Untuk Tujuan Tindakan Tatatertib**

Sekiranya Pengadu bercadang untuk membuat aduan rasmi kepada Pihak Berkuasa Tatatertib:

- (i) Pengadu boleh terus membuat laporan rasmi kepada Pihak Berkuasa Tatatertib mengenai kejadian gangguan seksual supaya tindakan tatatertib diambil terhadap Pegawai Yang Disyaki Menganggu. Dalam keadaan ini, prosedur tatatertib biasa adalah terpakai.

**(e) Membuat Laporan Polis**

Sekiranya perbuatan gangguan seksual itu terjumliah kepada kesalahan jenayah, seperti mencabul kehormatan di bawah seksyen 354 Kanun Keseksaan, meminta layanan seksual sebagai suapan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 dan sebagainya, Pengadu hendaklah terus membuat laporan kepada polis atau agensi yang bertanggungjawab.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

## **TAJUK: STATISTIK BAGI GERAN SELANGORKU**

46. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

(a) Nyatakan statistik bagi geran Selangorku berdasarkan penggunaan mengikut program - program yang dilaksanakan sehingga 30 September 2012 ?

JAWAPAN:

a)

( &2#/ 3&#/( 02, 5" 2\*/( , #3#/ 120( 2#. %\*-5-53#/ 3&4#, #4", Z0: 89< ``

žá	" !, + )	% ( ' { # " !, + )	% ( ' { # +, * ", + ( ž \$ / ' / - & )	% ( ' { # +!, / ) . / & )
.	*' 2#3425, 452	fif~~~~~	fV	! + fi / " !
~	*' 2#3425, 452 35, #/	I ~~~~~	/~	fi / fi ~ fi
!	1& &2, #3#/ / 6 #/ *4#	I ~~~~~	I	~ ffifZ + i Z
/	30, 0/ ( #/ 1&/ %*%, #/	I ~~~~~	I	~ !// ~ fi
fi	, &53#) #6 #/ #/ . 5%#	I ~~~~~	fi	~ ! ! ! Z ! fi
fi	1& / ( &2#, 1& \$#/ ( 5 #/ -5#2 \$#/ %#2	v v ~~~~~	~	~ ! fi ~
{	%#2*, &\$# f# / , &1#%# \$& &2#	v v ~~~~~	~	~ fi fi ~
Z	%#2*1&#\$4, &2#, 7#4	v v ~~~~~	~	! ~~~~~
!	1& \$#3 *#/ 2#35#) ~ 1&/ 7&-&6 &/ ( #/	fif~~~~~	~	/ ~~~~~
~	#/ ( , ##/ , &) %51#/ \$#/ %#2	" ~~~~~	~	~ ! ! / ~
..	1&/ &2#/ ( #/ . #, -5. #4 / & / &2*	" ~~~~~	I	~ // ! ~
~	1&/ ( &/ # #-/ ( #* . * / #	" ~~~~~	~	fi fi ~~~
.!	1& &-*) #2##/ ~ 1& 5-*) #/ #-#. 3& *4#2	fif~~~~~	!	! + fi / Z
/	1&/ * / ( , #4#/ , 5#- *4*) %51 2#, 7#4	fif~~~~~	~	fi / fi ~~~
.fi	1&/ ( 5, 5) #/ %& 0, 2#3*	fif~~~~~	fi	~ fi ! / i Z
.fi	1&/ * / ( , #4#/ , & #) *2#/ 1&/ #6 #4 #6 #.	fif~~~~~	~	~
.!	1&/ ( 5, 5) #/ \$5%#7#	I ~~~~~	~ ~	fi ~ fififi
	% ( ' { # & - ! / , / #! )	~~~~~	" fifi	! ~ ~ fi fi !

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK : TANAH MPK YANG BELUM DIBANGUNKAN**

47. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Berapakah jumlah kluasan tanah yang dipunyai oleh MPK yang belum dibangunkan?
  - Senaraikan tempat-tempat lokasi tanah berkenaan.?
  - Apakah faktor-faktor yang menyebabkan tanah tersebut tidak dibangunkan?

**JAWAPAN :**

a) dan b) Senarai lokasi tanah berserta kluasan tanah Majlis yang belum dibangunkan.

BIL	LOKASI	KELUASAN (kp)	STATUS TERKINI
1	PT 459, TANAH KOSONG SEK. 7, P. KLANG (Sebelah Bgn Perhentian Bas P.Klang)	<b>81,996.00</b>	Sedang disewakan sebagai tapak Uptown - C Wan Bundle
2	PT 12084, TANAH KOSONG JALAN MELAWIS, KLANG	<b>17,698.00</b>	Tanah digunakan oleh penduduk sebagai taman rekreasi.
3	PT 7 (1110), TANAH KOSONG JALAN KEM, PELABUHAN KLANG	<b>213,966.70</b>	Terdapat kuil di atas tanah
4	L.O. NO. 59, BEKAS TAPAK PERHENTIAN BAS KLANG UTARA	<b>16,733.00</b>	Sebelum ini disewakan sebagai tapak Uptown - Nadi Kota
5	PT 1501, BEKAS TAPAK PERHENTIAN BAS EKSPRES DAN TEKSI LORONG KEPAYANG	<b>11,943.00</b>	Telah dijadikan tapak letak kereta awam.

- c) Faktor-faktor yang menyebabkan tanah tersebut tidak dapat dibangunkan :-
- i) Untuk membangunkan tanah-tanah tersebut, majlis memerlukan modal yang besar.
  - ii) Pihak swasta telah dialu-alukan untuk memberikan cadangan mereka untuk membangunkan tanah Majlis tetapi tiada cadangan yang diterima oleh Majlis.

Majlis juga bercadang untuk menjual tanah tersebut dan terdapat tawaran yang telah dibuat oleh pihak swasta yang berminat terhadap tanah-tanah Majlis. Walaubagaimanapun tawaran yang dikemukakan kepada Majlis di bawah harga pasaran dan Majlis tidak berminat dengan tawaran tersebut

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM  
(BATANG KALI)**

**TAJUK : TAWAS**

48. Kerajaan negeri telah mewujudkan TAWAS untuk anak yang baru lahir di Negeri Selangor .

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah semua anak lahir di Selangor mendapat kebajikan daripada Tabung tersebut ?
- b) Apakah bentuk faedah yang diperolehi oleh mereka yang telah diberi ?
- c) Berapa orangkah yang telah menerima kemudahan skim ini di DUN Batang Kali ?

**JAWAPAN :**

- a) Anak-anak kelahiran Selangor yang mendaftar dan layak sahaja akan mendapat manfaat skim ini (mengikut terma dan syarat TAWAS).
- b) YAWAS akan membuka akaun Sijil Simpanan Tetap berjumlah RM100 kepada ahli TAWAS yang telah berdaftar dan telah dilayakkan. Pada usia 18 tahun, anak-anak ini boleh mengeluarkan wang dari akaun simpanan minima RM 1,500.
- c) Sehingga 02hb November 2012 jumlah ahli TAWAS di DUN Batang Kali adalah seramai 1,636 ahli.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM  
(MORIB)**

**TAJUK : BANGUNAN “ PUSAT PENGUMPULAN LADANG “ DI KANCHONG  
BENGKOK**

49. Kerajaan Negeri ada membina sebuah struktur bangunan di atas tanah yang masih belum siap keseluruhannya di kawasan Kanchong Bengkok bersebelahan dengan Sekolah Unwanus Saadah Kanchong Darat dan Pejabat/Rumah Penghulu Mukim Morib Kelanang.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Di atas tanah milik siapakah bangunan itu dibina? Sekolah atau tanah kerajaan?
- b) Berapakah kos pembinaan bangunan tersebut ?
- c) Apakah fungsi utama bangunan itu?

**JAWAPAN :**

- a) Tiada permohonan dikemukakan tanah kerajaan
- b) program di bawah YB Yaakob Sapari
- c) projek Pejabat Daerah Kuala Langat

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMAD KHIR BIN TOYO  
(SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK: PERLANTIKAN AJK MASJID**

50. Terdapat aduan pemilihan, pengundian dan lantikan AJK masjid yang meragukan dan mendapat bantahan masyarakat.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah perkara ini terjadi sehingga boleh mencemarkan institusi masjid?
- b) Nyatakan bilangan bantahan dan masjid yang terlibat dalam hal ini pada 2012?
- c) Apakah langkah untuk memastikan keharmonian institusi masjid tidak terus dicemari?

**JAWAPAN :**

- a) Ketidakpatuhan ahli kariah terhadap tatacara pencalonan Pegawai dan Jawatankuasa Masjid

Salah tafsir ahli kariah terhadap Mesyuarat Agung Khas Pencalonan yang menganggap sebagai mesyuarat pemilihan dan pelantikan. Sedangkan kuasa pelantikan pegawai dan jawatankuasa Masjid adalah kuasa mutlak MAIS seperti mana yang dinyatakan di dalam peruntukkan Kaedah 6, Kaedah –kaedah pegawai dan jawatankuasa kariah (Negeri Selangor) pindaan 2011.

- b) Bilangan bantahan adalah seperti berikut ;

Klang – 6

Petaling – 9

Sabak Bernam – 1

Gombak – 10

Hulu Langat – 4

Kuala Langat – 2

- c) Antara langkah-langkah adalah seperti berikut :
- i) Kursus – kursus berkaitan pemahaman enakmen dan kaedah
  - ii) Pendedahan kepada tadbir urus yang baik melalui Seminar, Kursus dan Konvensyen
  - iii) Titah perintah DYMM Sultan Selangor di “Frame” dengan saiz AO di semua Masjid –masjid Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : PENCEGAHAN JENAYAH, PDRM DAN PERANAN PBT**

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Apakah program-program dengan kerjasama PDRM bagi mengurangkan kes pecah rumah dan ragut?
  - Apakah halangan undang-undang untuk mewujudkan pasukan-pasukan pemantau PBT bagi tujuan mencegah kes-kes ini?
  - Apakah rancangan dan program bersepada kerajaan negeri ke arah mengurangkan kes-kes ini?

**JAWAPAN :**

- Pelbagai program telah dilaksanakan oleh PBT dengan kerjasama PDRM bagi mengurangkan kes pecah rumah dan ragut. Antaranya ialah :
  - Mesyuarat Jawatankuasa Program Bandar Selamat dan Bebas Halangan yang diadakan pada setiap bulan.
  - Penyediaan dan Penambahbaikan kemudahan melalui 5 Langkah Segera Program Bandar Selamat (PBS). Antara program yang terlibat ialitu pemasangan:
    - Rel Penghadang
    - Pengasingan Laluan Pejalan Kaki
    - Pencahayaan
    - Papantanda Keselamatan
    - Cermin Keselamatan
    - Tempat Letak Motosikal Berkunci dan Berbumbung
  - Program-Program Kesedaran, Publisiti dan Promosi di mana PBT bekerjasama dengan PDRM dalam melaksanakan beberapa program kesedaran seperti menyertai pameran sempena *Crime Awareness Day*, *Face To Face* bersama OCPD, Kempen Remaja Bebas Jenayah dan sebagainya.

- b) Secara umumnya, tiada halangan undang-undang untuk mewujudkan pasukan pemantau PBT untuk tujuan mencegah kes-kes pecah rumah dan ragut. Walaubagaimanapun senarai tugas dan ‘*standard operating procedure*’ pasukan pemantau ini hendaklah jelas supaya tidak berlaku sebarang perkara tidak diingini. Pasukan pemantau tersebut juga hendaklah mempunyai kerjasama rapat dengan pihak PDRM supaya sebarang kes boleh diambil tindakan secepat mungkin.
- c) Rancangan dan program bersepadu Kerajaan Negeri ke arah mengurangkan kes – kes ini ialah dengan bertindak sebagai urusetia dan memantau tindakan bersepadu ini di setiap daerah di Selangor. Kerajaan Negeri melalui PBT juga dalam usaha menyatukan agensi kerajaan pusat, agensi kerajaan negeri dan swasta bagi membantu penyelaras operasi penguatkuasaan. Selain daripada itu aktiviti masyarakat serta kempen juga perlu diperkuuhkan di semua peringkat umur rakyat Selangor supaya ia menjadi gaya hidup rakyat Selangor.

Antara strategi yang dirancang ialah seperti berikut :

- i. Memperkasakan Jawatankuasa Program Bandar Selamat;
- ii. Memperkuuhkan hubungan kerjasama antara pihak polis, PBT dan masyarakat setempat;
- iii. Mengurangkan peluang berlakunya jenayah melalui reka bentuk fizikal dan memperbaiki kemudahan melalui 5 langkah segera Program Bandar Selamat;
- iv. Memberi pendidikan awal di kalangan pelajar mengenai keselamatan dan nilai- nilai murni;
- v. Mengadakan aktiviti kemasyarakatan yang berterusan bagi menanam sikap positif di kalangan penduduk;
- vi. Menyediakan kemudahan awam yang mencukupi dan mesra OKU; dan
- vii. Memperkasakan penguatkuasaan pencegahan jenayah.

	<b>ADUN N22</b> Teratai	<b>Y.B. Puan</b> <b>Lee Ying Ha</b>	MAAHAD TAHFIZ RAUDHATUL ULUM	LOT. 58 JALAN 38A TINGKAT 3, KG. CHERAS BARU. BUKIT C , 56100 SELANGOR	5	70
			RAUDHAH TAHFIZ AL- QURAN.	PT LOT 9066, NO. 17, BATU 12 1/2, KG DUSUN NANDING, 43100 HULU LANGAT	10	115
	<b>ADUN N23</b> Dusun Tua	<b>Y.B. Tuan</b> <b>Ismail Bin</b> <b>Sani</b>	MADRASAH TAHFIZ MIFTAHUL ULUM	LOT 5649, JLN KUARI SG LONG, KG SG SERAI, 43100 HULU LANGAT	33	336
			MAAHAD TAHFIZ AZ AZ- ZAHRAH	LOT 2239, BATU 18 1/2 43100 HULU LANGAT	11	80
			PUSAT PENGAJIAN HAYATUL ULOOM	LOT 10763, JALAN FELCRA, OFF BATU 14 HULU LANGAT	3	55

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK : TENDER PADI**

52. Dikhabarkan terdapat penyelewengan di dalam pengurusan tender padi.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimakah urusan tender padi dibuat selama ini?
- b) Adakah unsur-unsur penyelewengan berlaku?
- c) Apakah tindakan yang diambil untuk mengelakkan penyelewangan berlaku?

**JAWAPAN :**

Jawapan bagi soalan-soalan di atas adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan wajar diajukan di Sidang Parlimen.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : SEKOLAH AGAMA RAKYAT (SAR)**

53. Bertanya Kepada YAB. Dato Menteri Besar;
- a) Sila senaraikan nama dan jumlah SAR di Negeri Selangor mengikut pecahan daerah?
  - b) Sila senaraikan jumlah bilangan SAR yang memperolehi bantuan kewangan daripada pihak Kerajaan Negeri sejak 4 tahun yang lalu mengikut susunan daerah?
  - c) Sila kemukakan berapakah jumlah peruntukan yang diterima oleh SAR Negeri Selangor khususnya daripada Kerajaan Persekutuan sejak 5 tahun yang lalu ? sila berikan butir-butir?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: SKIM KESIHATAN WANITA**

54. Bertanya kepada YAB Menteri Besar:
- a) Apakah perancangan kerajaan berkaitan usaha pencegahan dalam menjaga kesihatan wanita daripada ‘pembunuhan utama’ bagi wanita selain merawat pesakit. Berapakah diperlukan untuk perkara tersebut?

**JAWAPAN :**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN WONG KOON MUN  
(KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK: MANIFESTO SISTEM RUKUN TETANGGA**

55. Pakatan Selangor mengemukakan Manifesto ketika Pilihan Raya Umum ke-12 yang meliputi tiga perkara keselamatan rakyat iaitu antaranya menggantikan sistem rukun tetangga dengan sistem baru yang lebih berkesan.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pelaksanaan manifesto tersebut?
- b) Adakah sebarang kajian dilakukan untuk maksud tersebut?
- c) Apakah kekurangan sistem Rukun Tetangga?

**JAWAPAN :**

- a) Keselamatan adalah satu isu yang sering dibangkitkan oleh semua lapisan masyarakat. Kerajaan Negeri telah mencuba untuk menubuhkan pasukan polis bantuan di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT) dua tahun lepas tetapi telah ditolak oleh Kementerian Dalam Negeri dengan alasan pihak polis masih boleh lagi mengawal keadaan jenayah di negeri ini.

Dalam satu inisiatif lain, Kerajaan Negeri telah melancarkan Skim Rondaan Kejiranan (Seroja) bagi menjamin keselamatan dan keselesaan penghuni serta mewujudkan rasa tanggungjawab penduduk serta semangat gotong royong dan membanteras kegiatan vandalisme.

- b) Skim Seroja ini telah dirumuskan selepas berbincang bersama persatuan penduduk. Ianya telah dimulakan di Pangaspuri Taman Puchong Permai pada 10 November lepas dan ianya adalah sebahagian dari Kempen Pangaspuri Kita Bersih, Ceria dan Harmoni yang telah dilancarkan pada tahun 2009. Kerajaan Negeri mensasarkan tiga lokasi awal untuk tahun ini dengan menempatkan 100 orang tugas yang dilindungi oleh skim insurans Takaful. Untuk tahun 2012, 10 tempat kritikan akan ditambah dan pemantauan akan dibuat sepenuhnya oleh Pesuruhjaya Bangunan (COB).
- c) Skim Seroja ini bukanlah untuk menyaingi Skim Rukun Tetangga yang telah mendapat peruntukan RM39 juta di belanjawan Malaysia 2013. Ia lebih kepada memberi tambah nilai kepada rakyat Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS  
(KUANG)**

**TAJUK        :. MANIFESTO ANAK KELAHIRAN SELANGOR**

56. Pakatan Selangor mengemukakan Manifesto ketika Pilihan Raya Umum ke-12 yang meliputi 12 perkara sosial dan kebaikan rakyat iaitu antaranya tabung permulaan RM100 setiap anak kelahiran Selangor .

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- (a) Berapakah jumlah anak-anak yang telah menerima RM100 tersebut dan kosnya?
- (b) Berapakah jumlah tepat atau anggaran kelahiran di Selangor dari 2008 hingga 2012?
- (c) Apakah cara untuk memastikan semua anak dilahirkan di Selangor menikmati skim ini?

**JAWAPAN :**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE YING HA  
(TERATAI)**

**TAJUK :SENARAI AHLI POLITIK YANG TERLIBAT DALAM GLC SELANGOR**

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Sila senaraikan Y.B.-Y.B. atau ahli politik yang dilantik sebagai direktor dalam mana-mana GLC kerajaan Negeri Selangor.
  - Adakah direktor tersebut dapat bonus atau apa-apa sumbangan daripada syarikat tersebut? Sila perincikan segala bonus atau sumbangan jika ada.

**JAWAPAN :**

- a) Senarai Y.B-Y.B atau ahli politik yang dilantik sebagai direktor dalam mana-mana GLC Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

Bil	Nama Syarikat	Nama direktor
1.	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI)	i) YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim
2.	Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	i) YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim ii) YB Tuan Azan Ismail
3.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)	i) YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim
4.	SSIC Berhad (SSIC)	i) YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim ii) YB Puan Theresa Kok Suh Sim iii) YB Tuan Dr. Yaakob Sapari
5.	MSNS (Holdings) (MSNS (H))	i) YB Tuan Amirudin Shari
6.	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor (YAQ)	i) YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim ii) YB Puan Rodziah Ismail iii) YB Tuan Dr. Ab Rani Osman

7.	Yayasan Warisan anak Selangor (YAWAS)	i) YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim
8.	Tourism Selangor Sdn. Bhd. (TSSB)	i) YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim ii)
9.	Tourism Selangor Promosi Sdn. Bhd (TSPSB)	i) YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim ii) YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping iii) Yb Tuan Gwo-Burn Loh iv) YB Tuan Dr Mohd Nasir Hashim v) YB Tuan Lee Kim Sin
10.	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	i) YB Puan Rodziah Ismail iii) YB Tuan Dr. Ab Rani Osman
11.	Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB)	i) YB Tuan Mat Shuhaimi Haji Shafiei ii) Tuan Ghanabatirau Veraman iii) Tuan Khairuddin Othman
12.	Bukit Beruntung Golf & Country Resort Berhad (BBGC)	i) YB Tuan Amirudin Shari
13.	Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd. (PIYSB)	i) YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim ii) YB Puan Dr Halimah Ali iii) YB Tuan Dr Rosli Che Mat iv) YB Dato Rashid Din

b) Direktor anak-anak syarikat MBI tidak menerima sebarang bonus sebaliknya Yuran Pengarah yang diluluskan semasa Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat. Butiran Direktor dan anak syarikat yang menerima dan memberi Yuran Pengarah adalah seperti di bawah:-

Bil	Nama Syarikat	Nama direktor	Bonus/ Sumbangan
1.	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI)	i) YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim	Elaun Kehadiran
2.	Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	i) YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim ii) YB Tuan Azan Ismail	Elaun bulanan RM5,000 sbln
3.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)	ii) YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim	Yuran tahunan RM100 ribu dan pakej percutian tahunan RM100 ribu

4.	SSIC Berhad (SSIC)	i) YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim ii) YB Puan Theresa Kok Suh Sim iii) YB Tuan Dr. Yaakob Sapari	Yuran Pengarah Elaun Kehadiran
5.	MSNS (Holdings) (MSNS (H))	i) YB Tuan Amirudin Shari	Elaun Kehadiran
6.	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor (YAQ)	i) YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim ii) YB Puan Rodziah Ismail iii) YB Tuan Dr. Ab Rani Osman	Elaun Kehadiran
7.	Yayasan Warisan anak Selangor (YAWAS)	i) YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim	Elaun Kehadiran
8.	Tourism Selangor Sdn. Bhd. (TSSB)	i) YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim	Yuran Pengarah (kecuali *** - dilantik pada tahun 2012) Elaun Kehadiran
9.	Tourism Selangor Promosi Sdn. Bhd (TSPSB)	i) YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim ii) YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping iii) Yb Tuan Gwo-Burn Loh iv) YB Tuan Dr Mohd Nasir Hashim v) YB Tuan Lee Kim Sin ***	
10.	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	i) YB Puan Rodziah Ismail ii) YB Tuan Dr. Ab Rani Osman	Elaun Kehadiran
11.	Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB)	i) YB Tuan Mat Shuhaimi Haji Shafiei ii) Tuan Ghanabatirau Veraman iii) Tuan Khairuddin Othman	Yuran Pengarah Elaun Kehadiran
12.	Bukit Beruntung Golf & Country Resort Berhad (BBGC)	i) YB Tuan Amirudin Shari	Elaun Kehadiran
13.	Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd. (PIYSB)	i) YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim ii) YB Puan Dr Halimah Ali iii) YB Tuan Dr Rosli Che Mat iv) YB Dato Rashid Din	Elaun Kehadiran

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS**  
**YB HAJI KHASIM BIN ABDUL AZIZ**  
**(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : J.K.R**

58. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Dalam mencantikkan jalan-jalan di negeri Selangor khususnya jalan negeri dan PBT telah pun dilaksanakan dengan jayanya, mendukacitakan terdapat jalan-jalan persekutuan yang tidak memuaskan. kenapakah ini terjadi.

**JAWAPAN:**

- a) Pihak JKR sentiasa komited dalam memastikan penyelenggaraan jalan-jalan Persekutuan dilaksanakan dengan baik. Beberapa penambahbaikan telah dibuat bagi meningkatkan mutu penyelenggaraan jalan bermula bulan Ogos 2012. Antaranya ialah:-
- Kekerapan mencuci longkang telah ditingkatkan daripada 4 kali setahun kepada 6 kali setahun.
  - Keluasan tampalan *potholes* di dalam kontrak penyelenggaraan Jalan Persekutuan telah digandakan berbanding keluasan asal.

Di samping itu, JKR akan mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kerja Raya untuk meningkatkan kekerapan pemotongan rumput selaras dengan kekerapan yang dilaksanakan oleh PBT. Pada Oktober 2012, JKR juga telah memohon supaya kerja-kerja pembersihan jalan menggunakan *Road Sweeper* di laksanakan di Jalan Persekutuan dalam pekan-pekan utama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN YAP EE WAH  
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: PRESTASI UNISEL**

59. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- (a) Adakah benar UNISEL dijadikan tempat untuk mengambil pelajar-pelajar yang dipecat oleh universiti-universiti lain?
- (b) Adakah prestasi UNISEL akan terjejas berikutan kemasukan pelajar-pelajar yang bermasalah tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Tidak benar
- b) Tidak berkaitan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y. B PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : SISTEM ADUAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

60. Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:
- Senaraikan sistem penerimaan dan pengurusan aduan yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi menerima aduan penduduk Selangor.
  - Apakah sistem pemantauan yang digunakan bagi memastikan aduan yang diterima daripada orang awam diselesaikan dengan secepat mungkin mengikut tempoh yang ditetapkan dan seterusnya mendapat pengesahan pengadu?
  - Sejauh manakan sistem internet dan teknologi maklumat digunakan untuk meningkatkan keefisienan Kerajaan Negeri Selangor dalam menyelesaikan aduan dan masalah serta mengurangkan birokrasi?

**JAWAPAN:**

- Sistem penerimaan dan pengurusan aduan yang digunakan oleh Bahagian Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Selangor bagi melancarkan aktiviti pengurusan aduan awam adalah seperti berikut :
  - Sistem Talian Aduan Rakyat Selangor (STARS) merupakan sistem yang telah dilancarkan pada 13 Julai 2007 dan boleh diakses 24 jam sehari secara *online*;
  - SMS Aduan (DAPAT) yang dikoordinasikan melalui STARS;
  - Aduan boleh diterima melalui e-mel aduan @selangor.gov.my;
  - Talian Bebas Tol Aduan Sampah dan Air 1 800 88 2824 yang diperkenalkan pada bulan Februari 2012 dan boleh dihubungi dari jam 8 pagi hingga 6 petang setiap hari (termasuk hari minggu dan cuti umum);
  - Talian Operator Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK) melalui talian 03-55447000 yang boleh dihubungi dari jam 7.30 pagi hingga 5.30 petang setiap hari kerja;
  - Maklum balas melalui Portal Selangor yang boleh diakses 24 jam sehari secara *online*;

7. Surat melalui fax dan pos ke Bahagian Korporat, Pejabat SUK Negeri Selangor;
  8. Layanan bersemuka dengan pengadu di kaunter Bahagian Korporat, Pejabat SUK Negeri Selangor.
- b) Pemantauan aduan dibuat melalui Sistem Talian Aduan Rakyat Selangor (STARS). Semua aduan yang diterima melalui surat, e-mel dan talian telefon akan dimasukkan dalam STARS untuk memudahkan pemantauan. Notifikasi akuan terima akan dikemukakan secara automatik apabila pengadu mengemukakan aduan melalui STARS. STARS menunjukkan ‘hayat’ dalam tempoh hari di mana pemantauan tempoh penyelesaian aduan dibuat. Sekiranya aduan tidak diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan, maka peringatan akan dikemukakan kepada jabatan berkenaan untuk mendapatkan maklum balas. Pengadu boleh melihat status penyelesaian aduan secara *log in* terus ke STARS dengan menggunakan No rujukan Aduan / No Kad Pengenalan/ No Telefon Bimbit. Sekiranya pengadu tidak puas hati dengan penyelesaian aduan tersebut, pengadu boleh menghubungi Pegawai Aduan di Bahagian Korporat untuk bincang semula mengenai aduan mereka.
- c) Selaras dengan perkembangan teknologi maklumat yang ada kini, Kerajaan Negeri Selangor meletakkan inisiatif yang tinggi dalam mengaplikasikan sistem-sistem dan portal yang membolehkan semua maklumat terkini disalurkan kepada rakyat. Secara khususnya, aduan dan permasalahan rakyat yang diterima melalui sistem aduan atas talian, e-mel dan sebagainya akan disampaikan kepada pihak berwajib mengikut kategori aduan yang telah ditentukan tanpa perlu melalui prosedur yang rumit. Integrasi dengan sistem-sistem yang berkaitan juga telah memudahkan penyaluran aduan dan membantu pihak berwajib bertindak dengan pantas. Dengan penggunaan Sistem Talian Aduan Rakyat Selangor, pada tahun ini sahaja terdapat lebih 80% aduan yang telah dapat diselesaikan. Setiap aduan/masalah rakyat yang diterima adalah menjadi keutamaan Kerajaan negeri Selangor untuk mengatasinya dalam tempoh yang munasabah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK: TUNGGAKAN KEPADA KERAJAAN NEGERI**

61. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:
- (a) Berapakah jumlah sebenar yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan berapakah jumlah yang telah diterima dari Kerajaan Pusat bagi tempoh suku tahun ketiga 2012. Nyatakan jumlah yang masih tertunggak kepada Kerajaan Negeri ?

**JAWAPAN :**

- a) Mengikut rekod statistik yang diberikan Jabatan Perangkaan, Selangor terus kekal menjadi **penyumbang terbesar** kepada **KDNK Malaysia** melebihi **20% dari tahun 2008 hingga 2012** membuktikan kecekapan tadbir urus (*good governance*) dan pengurusan kewangan yang cemerlang diamalkan Kerajaan Negeri. Berdasarkan jadual di bawah, peratusan sumbangan Selangor kepada jumlah keseluruhan KDNK negara tertinggi adalah pada tahun 2010 iaitu sebanyak 23%.

<b>TAHUN</b>	<b>PERATUS SUMBANGAN SELANGOR KEPADA KDNK NEGARA</b>
<b>2005</b>	21.4
<b>2006</b>	21.2
<b>2007</b>	21.5
<b>2008</b>	22.1
<b>2009</b>	21.4
<b>2010</b>	23.0

*Sumber : Jabatan Perangkaan*

Jumlah terimaan Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Pusat bagi tempoh suku tahun ketiga 2012 (Januari – September 2012) adalah sebanyak RM364,305,436.00. Perincian jumlah terimaan seperti jadual di bawah:

BIL.	JENIS PEMBERIAN	TERIMAAN (RM) JAN-SEPT 2012	CATATAN
1.	Pemberian Jalanraya (MARRIS)	295,713,165.00	Bayaran Bulan Sept. telah diterima pada 3 Sept. 2012
2.	Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup	0.00	Telah diterima sejumlah RM7,000,000.00 pada 31 Oktober 2012 dan sebanyak RM3,175,000.00 dikontra sebagai bayaran balik pendahuluan MOF
3.	Pemberian Bayaran Perkhidmatan 10% Kerana Penglibatan Kakitangan Kerajaan Negeri Dalam Melaksanakan Projek-Projek Persekutuan	11,088,181.00	Telah diterima pada 15 Ogos 2012
4.	Pemberian Perbelanjaan Mengurus Jabatan Persekutuan (50%)	0.00	Telah dihantar ke Jabatan Audit Negara Cawangan Negeri Selangor pada 12 Julai 2012
5.	Pemberian Tahunan Selangor	25,805,640.00	Diterima pada 11 Jan 2012
6.	Pemberian Mengikut Bilangan Penduduk	31,698,450.00	Bayaran pertama telah diterima pada 11 Jan 2012
7.	Pemberian Pertambahan Hasil	0.00	Telah diterima sejumlah RM31,055,485.00 pada 24 Oktober 2012 dan sebanyak RM3,175,000.00 dikontra sebagai bayaran balik pendahuluan MOF
	<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>364,305,436.00</b>	

**PERTANYAAN –PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI ISMAIL BIN SANI  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK : AJARAN SESAT “JURUZON”.**

62. Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) ada membongkar ajaran sesat Juruzon yang pernah berpusat di Hulu Langat.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa orangkah pengikut ajaran ini yang telah disiasat oleh penguatkuasa JAIS?
- b) Adakah ahli Jawatankuasa dan ahli Persatuan Anak Yatim Malaysia (PAYM) terlibat dengan ajaran ini?
- c) Apakah status akidah anak-anak yatim yang dinaungi oleh Persatuan Anak Yatim Malaysia (PAYM) yang dituduh mengikut ajaran ini?

**JAWAPAN :**

- a) Bahagian Penguatkuasaan JAIS bersama-sama Bahagian Penyelidikan JAIS dan Jabatan Mufti Selangor telah memantau pergerakan kumpulan ini yang dikenal pasti berpusat di Madrasah at-Taqwa, Batu 14, Hulu Langat, Selangor. Setelah aktiviti mereka terbongkar, mereka didapati telah berpindah dan disyaki kini beroperasi di alamat Lot 833, Jalan FELCRA Semungkis, Bt. 14 ½ Sungai Gahal, Kg. Sg. Semungkis, Hulu Langat Selangor. Kes ini masih lagi dalam pemantauan dan siasatan Bahagian Penguatkuasaan dan sehingga kini beberapa indicator masih belum dikenal pasti bagi menjustifikasi tindakan undang-undang di bawah Seksyen 12 (C), Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor Tahun 1995. Tindakan ini perlu dibuat bagi memastikan segala elemen-elemen kesalahan wujud ketika tangkapan dibuat dan kerajaan tidak di saman.
- b) Berdasarkan kajian dan maklumat yang diterima mendapati ahli jawatankuasa dan ahli Persatuan Anak Yatim Malaysia (PAYM) terlibat dengan ajaran ini secara langsung ataupun tidak.

- c) Status akidah anak-anak yatim yang dinaungi oleh Persatuan Anak Yatim Malaysia (PAYM) diragui. MAIS dan JAIS telah merancang untuk mengadakan program bagi mengembalikan semula kefahaman ajaran Islam yang sebenar kepada anak-anak yatim tersebut dari segi akidah, syariah dan akhlak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUGN TUNKU)**

**TAJUK: GAJI PEGAWAI-PEGAWAI KANAN DAN AHLI MAJLIS MESYUARAT  
KERAJAAN NEGERI (MMKN)**

63. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Meminta kerajaan memberi butiran gaji dan elaun Dato' Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-undang Negeri, Pegawai Kewangan Negeri serta setiap Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN)
- b) Meminta kerajaan memberi maklumat terhadap apa-apa bentuk elaun yang diterima Dato' Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-undang Negeri, Pegawai Kewangan Negeri serta setiap Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang dilantik sebagai ahli-ahli lembaga syarikat GLC negeri Selangor.

**JAWAPAN :**

- a) Perincian elaun dan kemudahan yang layak diterima oleh YAB Dato' Menteri Besar, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, YB Pegawai Kewangan Negeri, YB Penasihat Undang-undang Negeri dan YB Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri disertakan di **Lampiran A**.
- b) Seperti di lampiran.

## KADAR

BIL	ELAUN & KEISTIMEWAAN	MENTERI BESAR	AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN	EX-OFFICIO
1	Gaji	RM 14,175.15	RM 6,109.29	YB. SUK : RM8,465.66
				YB. PWN : RM7,788.05
				YB. PUU : RM7,788.05
2	Elaun Bulanan			YB. SUK : RM5,166.67
				YB. PWN : RM3,766.67
				YB. PUU : RM3,766.67
3	Elaun Pengurus Jawatankuasa Tetap		RM 4,000.00	
4	Elaun Khas/Ikhtisas			RM2,500.00
5	Elaun Mesyuarat			RM3,000.00
6	Elaun Keraian	RM5,500.00	RM1,000.00	a) Setiausaha Kerajaan - RM4,000.00 b) Penasihat Undang-undang dan Pegawai Kewangan Negeri - sejumlah tambahan kepada elaun keraian yang diterima sebagai pegawai awam bagi menggenap RM3,050.00 sebulan
7	Pemberian Pelantikan	RM 10,000.00 (setiap penggal)		
8	Elaun Pengurus MMK	RM 6,500.00		
9	Elaun Kediaman Rasmi	a) Disediakan rumah Kerajaan atau rumah yang disewa oleh Kerajaan dengan penuh kelengkapan.  b) Jika tidak disediakan rumah Kerajaan atau disewa oleh Kerajaan Elaun Rumah layak dibayar sebanyak RM 4,000.00	a) Disediakan rumah Kerajaan dengan penuh kelengkapan dan diselenggara dengan penuh percuma.  b) Jika mendiami rumah sendiri, layak dibayar elaun rumah sebanyak RM1,000.00 sebulan;  c) Jika mendiami rumah yang disewa dibayar sewa rumah terus kepada empunya rumah tidak melebihi RM1,000.00	a) Disediakan rumah Kerajaan dengan penuh kelengkapan dan diselenggara dengan penuh percuma.
10	Elaun Tahunan Perabot Dan Perhiasan Rumah	RM 5,000 setahun.		
11	Kakitangan Isi Rumah	RM 3,000.00 sebulan atau dibekalkan dengan kakitangan Kerajaan sebagai pembantu rumah termasuk tukang kebun.	Elaun Tukang Kebun sebanyak RM500.00. Elaun Pembantu rumah sebanyak RM500.00 Kertas MMK 48/16/2004 disahkan di MMK Bil 17/2004	Elaun kakitangan isi rumah jika ahli-ahli disediakan dengan rumah Kerajaan jumlah elaan yang dibayar ialah RM500.00 iaitu RM250.00 untuk pembantu rumah dan RM250.00 untuk tukang kebun.
				* Setiausaha Kerajaan Negeri dibayar oleh Pejabat SUK
				* Pegawai Kewangan Negeri dibayar oleh Perbendaharaan

## KADAR

BIL	ELAUN & KEISTIMEWAAN	MENTERI BESAR	AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN	EX-OFFICIO
12	<b>Bekalan Air / Elektrik</b>	Percuma bekalan air dan elektrik bagi kediaman rasmi atau tempat kediaman.	Percuma bekalan air dan elektrik bagi kediaman rasmi atau tempat kediaman	Percuma bekalan air dan elektrik bagi kediaman rasmi atau tempat kediaman
	<b>Telefon</b>			
	i) Bagi Kediaman Rasmi / Tempat Kediaman	a) Dibekalkan 2 telefon talian terus. b) Bayaran-bayaran pemasangan dan sewa telefon rasmi tersebut ditanggung oleh Kerajaan. c) Bayaran panggilan telefon ditanggung oleh Kerajaan	a) Dibekalkan 1 telefon talian terus. b) Bayaran-bayaran pemasangan dan sewa telefon rasmi tersebut ditanggung oleh Kerajaan. c) Bayaran panggilan telefon ditanggung oleh Kerajaan	a) Dibekalkan dengan 1 telefon talian terus. b) Bayaran-bayaran pemasangan dan sewa telefon rasmi tersebut ditanggung oleh Kerajaan. c) Bayaran panggilan telefon ditanggung oleh Kerajaan
13	ii) Bagi Pejabat di Kawasan Pilihanraya Sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri	a) Dibekalkan dengan satu telefon talian terus. b) Bayaran-bayaran pemasangan dan sewa telefon rasmi tersebut ditanggung oleh Kerajaan. c) Bayaran panggilan telefon atas urusan rasmi sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri ditanggung oleh Kerajaan tertakluk kepada had maksimum sebanyak RM500.00 sebulan.	a) Dibekalkan dengan satu telefon talian terus. b) Bayaran-bayaran pemasangan dan sewa telefon rasmi tersebut ditanggung oleh Kerajaan. c) Bayaran panggilan telefon atas urusan rasmi sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri ditanggung oleh Kerajaan tertakluk kepada had maksimum sebanyak RM500.00 sebulan.	
	iii) Dibekalkan Kemudahan Telefon Bimbit	a) Dibekalkan dengan 1 telefon <b>dengan kos maksimum RM 2,000.00</b> b) Bayaran pemasangan dan sewa telefon rasmi tersebut ditanggung oleh Kerajaan. c) Bayaran panggilan telefon atas urusan rasmi ditanggung oleh Kerajaan tertakluk kepada had maksimum sebanyak RM1,000.00 sebulan	a) Dibekalkan dengan 1 telefon <b>dengan kos maksimum RM 2,000.00</b> b) Bayaran pemasangan dan sewa telefon rasmi tersebut ditanggung oleh Kerajaan. c) Bayaran panggilan telefon atas urusan rasmi ditanggung oleh Kerajaan tertakluk kepada had maksimum sebanyak RM1,000.00 sebulan	a) Dibekalkan dengan 1 telefon <b>dengan kos maksimum RM 2,000.00</b> b) Bayaran pemasangan dan sewa telefon rasmi tersebut ditanggung oleh Kerajaan. c) Bayaran panggilan telefon atas urusan rasmi ditanggung oleh Kerajaan tertakluk kepada had maksimum sebanyak RM1,000.00 sebulan
	<b>Elaun Hidup Harian Semasa Bertugas Rasmi</b>			
14	i) Diluar Malaysia	RM 400.00 / sebahagian darinya	RM 300.00 / sebahagian darinya	Mengikut Perintah Am dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3/2003, pindaan 2/2006
	ii) Di Luar Negeri Sendiri	RM 250.00 / sebahagian darinya	RM 200.00 / sebahagian darinya	Mengikut Perintah Am dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3/2003, pindaan 2/2006
	ii) Di Luar lingkungan 32 km Daripada Pejabat/ Di Luar Negeri Sendiri	RM 100.00 / sebahagian darinya	RM50.00 / sebahagian darinya	Mengikut Perintah Am dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3/2003, pindaan 2/2006

## KADAR

BIL	EELAUN & KEISTIMEWAAN	MENTERI BESAR	AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN	EX-OFFICIO
	<b>Elaun Makan Semasa Bertugas Rasmi</b>			
15	i) Di Luar Malaysia	Kos makan yang sebenar disokong dengan resit atau dibayar elau ini atas kadar yang tersebut di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil.2/1992 atau apa-apa pindaan mengenainya setaraf dengan pegawai Kerajaan Tingkatan Tertinggi 'A'.	Kos makan yang sebenar disokong dengan resit atau dibayar elau ini atas kadar yang tersebut di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil.2/1992 atau apa-apa pindaan mengenainya setaraf dengan pegawai Kerajaan Tingkatan Tertinggi 'A'.	Mengikut Perintah Am dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3/2003, pindaan 2/2006
	ii) Di Luar lingkungan 32 km Daripada Pejabat / Di Tempat Kediaman	Kadar sebenar atau mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3/2003, pindaan 2/2006 yang mana lebih tinggi	Kadar sebenar atau mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3/2003, pindaan 2/2006 yang mana lebih tinggi	Mengikut Perintah Am dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3/2003, pindaan 2/2006
	iii) Di Negeri Sendiri	Jika bertugas rasmi di negeri sendiri, Perbelanjaan Makan yang sebenar disokong dengan resit layak ditutut.	Jika bertugas rasmi di negeri sendiri, Perbelanjaan Makan yang sebenar disokong dengan resit layak ditutut.	Mengikut Perintah Am dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3/2003, pindaan 2/2006
	<b>Sewa Hotel Semasa Bertugas Rasmi:</b>			
16	i) Di Luar Malaysia	Mengikut <b>kadar sebenar</b> termasuk bayaran perkhidmatan dan cukai perkhidmatan yang terwajib berkaitan dengan sewa hotel itu dan hendaklah disokong dengan resit.	Mengikut <b>kadar sebenar atau mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil.2/1992 yang mana lebih tinggi</b> termasuk bayaran perkhidmatan dan cukai perkhidmatan yang terwajib berkaitan dengan sewa hotel itu dan hendaklah disokong dengan resit.	Mengikut Perintah Am dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3/2003, pindaan 2/2006
	ii) Di Luar Lingkungan 32 km Daripada Pejabat/ Di Luar Negeri Sendiri	Mengikut <b>kadar sebenar</b> termasuk bayaran perkhidmatan dan cukai perkhidmatan yang terwajib berkaitan dengan sewa hotel itu dan hendaklah disokong dengan resit.	Mengikut <b>kadar sebenar atau mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil.2/1992 yang mana lebih tinggi</b> , termasuk bayaran perkhidmatan dan cukai perkhidmatan yang terwajib berkaitan dengan sewa hotel itu dan hendaklah disokong dengan resit. Bayaran tambahan tersebut hendaklah dimasukkan di dalam bil sewa hotel itu ;	Mengikut Perintah Am dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3/2003, pindaan 2/2006
17	<b>Belanja Pelbagai</b>	Belanja Pelbagai bagi perjalanan semasa menjalankan tugas rasmi atau bercuti layak ditutut seperti berikut:	Belanja Pelbagai bagi perjalanan semasa menjalankan tugas rasmi atau bercuti layak ditutut seperti berikut:	Mengikut Perintah Am dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3/2003, pindaan 2/2006
		a) tambang pengangkutan awam jika tidak menggunakan kereta rasmi;	a) tambang pengangkutan awam jika tidak menggunakan kereta rasmi;	
Sebarang langkah bagi menyelesaikan punca kemelesetan harga ini, perlu dilakukan secara (dengan izin) "G to G". Maka itu, Menteri Pertanian dan Ketua Pengarah JPV telah pergi ke RRC untuk menangani perkara ini. Hasil daripada mesyuarat tersebut, kerajaan Malaysia dan RRC telah mementerai dokumen perjanjian untuk pengeksportan EBN mentah daripada Malaysia ke RRC. Walaupun perjanjian telah ditandatangani, kerajaan Malaysia melalui JPV perlu menyediakan sistem daya jejak (traceability system) bermula dari premis walet, pusat pemprosesan EBN hingga produk tersebut sampai ke negara RRC. Kerajaan China melalui AQSIQ (*Administration of Quality Supervision, Inspection and Quarantine*) pula akan mendaftar semua rumah burung walet dan pusat pemprosesan EBN yang telah berdaftar dengan JPV. Seterusnya pihak AQSIQ akan datang ke Malaysia dan menjalankan audit premis dan pusat pemprosesan yang telah berdaftar tersebut.

Satu lagi langkah yang telah dilaksanakan adalah menasihati pengusaha burung walet supaya mengubah pemasaran EBN daripada orientasi ekport semata-mata kepada pasaran tempatan dan pemprosesan EBN kepada produk sedia dimakan/diminum. Produk EBN sedia dimakan/diminum lebih diterima masyarakat tempatan malah lebih mudah dieksport ke negara-negara Asia Barat, Eropah, Australia dan sebagainya.

- c) Bagi memantau pembangunan industri burung walet, JPV dan PBT masih menggunakan Garispanduan Pembangunan Industri Burung Walet atau juga dikenali sebagai 1GP yang telah diterbitkan pada tahun 2010. Bagi memantau dalam aspek kesihatan veterinar terutamanya penyakit zoonotik seperti selesma burung, JPV masih menggunakan Protokol Kawalan Penyakit Spesifik Kebangsaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUGN TUNKU)**

**TAJUK: LESEN CYBERCAFE**

80. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Bertanya kepada kerajaan adakah semua pihak berkuasa tempat di Selangor menerima pakai garis panduan yang seragam dalam memberi kelulusan dan lesen cybercafe?
- b) Jikalau ya, apakah garis panduan atau syarat-syarat yang perlu ditepati oleh peniaga-peniaga cybercafe sebelum lesen perniagaan dikeluar?
- c) Adakah persetujuan daripada agensi-agensi kerajaan persekutuan seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM) diperlukan?

**JAWAPAN :**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, semua Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor telah menggunakan pakai Garis Panduan Pengawalan Perniagaan dan Reka Bentuk Pusat Siber dan Kafe Siber melalui pekeliling yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri pada 15 Mei 2012. Garis panduan ini merangkumi kaedah pengurusan, aktiviti-aktiviti yang dibenarkan, masa dan kawasan operasi, larangan-larangan serta syarat-syarat am rekabentuk dan rekabentuk Pusat Siber dan Kafe Siber yang perlu dipatuhi oleh pengusaha.
- b) Merujuk kepada Garis Panduan Pengawalan Perniagaan dan Reka Bentuk Pusat Siber dan Kafe Siber yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri, antara syarat-syarat yang perlu ditepati oleh peniaga-peniaga kafe siber sebelum lesen dikeluarkan adalah seperti berikut :

Pengurusan

- i. Pemegang lesen hendaklah mengurus Pusat Siber dan Kafe Siber secara profesional dan melantik seorang pengurus yang mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang ini.
- ii. Pemegang lesen tidak dibenarkan mengambil mana-mana warganegara asing untuk bekerja di Pusat Siber dan Kafe Siber
- iii. Pekerja perlu mendaftar bagi mendapatkan pas/kad pekerja yang akan dikeluarkan oleh PBT.
- iv. Pemegang lesen tidak dibenarkan mengambil pekerja di bawah umur 18 tahun.
- v. Pemegang lesen hendaklah memastikan penggunaan '*firewall*' sebagai '*web filtering*' (penapisan sesawang) untuk menghalang akses kepada laman web

- lucah, porno, perjudian atau apa-apa laman web atau akses lain yang akan ditentukan dari semasa ke semasa oleh Pihak Berkuasa Melesen.
- vi. Pemegang lesen hendaklah menyediakan pekerja yang mencukupi.
  - vii. Pemegang lesen hendaklah memastikan minima 2 orang pekerja pada setiap masa di premis bagi mengawal aktiviti Pusat Siber dan Kafe Siber.
  - viii. Pengusaha dilarang mempamerkan iklan tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.
  - ix. Setiap pemohon lesen baru dan pengusaha yang ingin memperbaharui lesen perlu memasang software 'B3 Cafe' (*internet cafe billing management software*) atau sebarang software yang sama yang telah diiktiraf oleh Kerajaan Negeri Selangor. Setiap permohonan perlu disertakan dengan *invoice software B3 Cafe* atau sebarang software yang sama sebagai dokumen sokongan.

#### Aktiviti yang Dibenarkan

- i. Aktiviti Pusat Siber dan Kafe Siber adalah dihadkan kepada aktiviti penyediaan kemudahan komputer untuk tujuan melayari internet, perkhidmatan perisian dan perkhidmatan lain yang berkaitan dan boleh menyediakan kemudahan jualan makanan dan/ atau minuman kepada pelanggannya.
- ii. Aktiviti permainan atas talian (*online game*) atau 'server game' adalah dibenarkan dengan mematuhi undang-undang bertulis lain yang terpakai di Malaysia.
- iii. Pemegang lesen Pusat Siber dan Kafe Siber hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan tiada sebarang aktiviti tidak bermoral berlaku di Pusat Siber dan Kafe Siber sepanjang masa beroperasi. Tindakan segera hendaklah diambil sekiranya berlaku aktiviti tidak bermoral di dalam premis.

#### Masa Operasi

- i. Pusat Siber dan Kafe Siber hanya boleh beroperasi dari jam 7.00 pagi sehingga jam 12.00 tengah malam sahaja. Pengusaha yang beroperasi melebihi jam 12 tengah malam hendaklah mengemukakan permohonan kepada Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan.
- ii. Pengunjung di bawah umur 12 tahun, dibenarkan mengunjungi Pusat Siber dan Kafe Siber sehingga pukul 10.00 malam sahaja dengan ditemani oleh ibubapa atau penjaga yang sah sepanjang masa.

#### Kawasan Operasi

- i. Pusat Siber dan Kafe Siber dibenarkan beroperasi di kawasan berikut :
  - Kompleks Perniagaan;
  - Rumah Kedai/ Kedai Pejabat (Tingkat bawah dan tingkat satu sahaja)

- Premis binaan sendiri di kawasan Luar Bandar (kelulusan sementara setelah berunding dengan Ahli Majlis).
- ii. Pusat Siber dan Kafe Siber tidak dibenarkan beroperasi berhampiran dengan kawasan-kawasan sensitif seperti masjid, rumah ibadat dan lain-lain kawasan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen. Jarak minima yang dibenarkan hendaklah sekurang-kurangnya 500 meter radius daripada kawasan tersebut.
- iii. Kuota diwujudkan di kawasan-kawasan yang mempunyai keperluan tinggi terhadap Pusat Siber dan Kafe Siber seperti berikut :
  - Berhampiran Pusat Pengajian Tinggi;
  - Kawasan Pembangunan baru.

#### Larangan

- i. Larangan-larangan yang perlu dipatuhi oleh pengunjung Pusat Siber dan Kafe Siber adalah seperti berikut :
  - Menjalankan apa – apa bentuk aktiviti perjudian;
  - Memuat naik, memuat turun atau mengakses gambar atau mencetak, video atau artikel kurang sopan atau lucu dan yang berunsur hasutan;
  - Menjual apa-apa bahan bercetak yang berunsur negatif dan lucu;
  - Menjalankan apa-apa bentuk aktiviti hiburan termasuk muzik siar pusat (*pipe music*);
  - Pelajar berpakaian seragam sekolah di dalam premis;
  - Menjual atau menggunakan minuman beralkohol, rokok atau dadah berbahaya di premis;
  - Merokok di dalam premis;
  - Menayangkan atau mempamerkan apa-apa gambar yang tidak sesuai dengan adat resam, agama dan nilai murni masyarakat Malaysia;
  - Melakukan apa-apa aktiviti kurang sihat di dalam premis

#### Syarat-Syarat Am Reka Bentuk Pusat Siber dan Kafe Siber

- i. Pintu atau dinding hadapan premis hendaklah menggunakan kaca atau apa-apa benda sinar lain dan tidak dibenarkan untuk diwarnakan atau ditampal dengan apa-apa bahan yang menghalang penglihatan.
- ii. Premis hendaklah berkonsep terbuka dengan sistem pencahayaan yang terang dan pengudaraan yang baik.
- iii. Kedudukan komputer hendaklah diletakkan dalam ruangan yang terbuka iaitu tidak berbilik, tidak berpintu dan tidak dibenarkan penggunaan ‘partition’.
- iv. Papan tanda bersaiz 2' x 2' yang menyatakan larangan-larangan di perenggan 8.1 dan syarat masa operasi diselaraskan dan dipamerkan di pintu masuk hadapan premis.
- v. Bilangan komputer yang dibenarkan adalah berdasarkan ukuran tidak kurang  $0.8m \times 1.5m = 1$  unit komputer. Bilangan minima komputer bagi memulakan perniagaan Pusat Siber dan Kafe Siber adalah:

<b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>	<b>BILANGAN MINIMA KOMPUTER</b>
MBSA	40
MBPJ	40
MPK	40
MPSJ	40
MPAJ	40
MPKj	40
MPS	40 / 20
MPSp	40 / 20
MDKL	20
MDKS	20
MDHS	20
MDSB	20

- vi. Menyeragamkan papan tanda Pusat Siber atau Kafe Siber dengan penggunaan nama 'Pusat Siber Sihat'.
  - vii. Aktiviti penyediaan atau penjualan makanan dan minuman atau apa-apa aktiviti perniagaan hendaklah di ruangan yang berasingan dari aktiviti Pusat Siber dan Kafe Siber.
  - viii. Menyediakan ruang rehat yang mencukupi bagi pelanggan.
  - ix. Memastikan keadaan dalam dan persekitaran premis hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih dan teratur.
  - x. Semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar adalah bebas daripada halangan dan semua pintu keluar hendaklah boleh diakses pada setiap masa semasa waktu beroperasi.
  - xi. Menyediakan tandas yang sempurna dan mencukupi serta berasingan antara lelaki dan perempuan serta hendaklah dalam keadaan bersih sepanjang masa.
  - xii. Menyediakan tong sampah dengan bilangan yang mencukupi dan hendaklah tertutup sepanjang masa.
- c) Ya. Persetujuan atau surat sokongan daripada Agensi seperti Polis Diraja Malaysia diperlukan untuk dikemukakan semasa permohonan lesen Pusat Siber dan perlu diperbaharui setiap tahun sebelum pembaharuan lesen diberikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: BUDAYA MEMBACA**

81. Bertanya kepada YAB Menteri Besar:

- a) Apakah program-program menggalakkan budaya membaca kalangan masyarakat? Nyatakan nama program, DUN yang dilaksanakan program tersebut dan jumlah perbelanjaan.

**JAWAPAN :**

- a) PPAS sentiasa merancang program-program yang melibatkan keseluruhan pusat-pusat perkhidmatannya yang kini berjumlah **95** buah pusat di seluruh daerah negeri Selangor. (1 ibu pejabat, 7 daerah, 4 cawangan, 9 pekan, 3 Bergerak dan 71 perpustakaan desa)

**PROGRAM-PROGRAM MENGGALAKKAN BUDAYA MEMBACA KALANGAN MASYARAKAT, BIASANYA AKAN MELIBATKAN SEMUA KATEGORI KOMUNITI IAITU, KANAK-KANAK, REMAJA, DEWASA SERTA WARGA EMAS.**

**GERAKAN MEMBACA DAERAH**

1. Pada tahun ini, Negeri Selangor meneruskan budaya membaca “**15 Minutes reading break**” secara berperingkat di 9 daerah, pada bulan Jun–Okttober, diambil sempena Hari Ilmu dan Pesta Buku Selangor 2012. Amalan 15 minit membaca ini menjadikan program ini sebagai Gerakan Membaca Daerah/Negeri yang “out of the box” dan terus dilaksanakan sebagai salah satu strategi bagi mempromosikan Pesta Buku Selangor dan galakan membaca. Pelbagai pengisian pembacaan seperti baca lancar, bercerita, berpuisi dan baca santai dilakukan melibatkan seluruh kategori masyarakat. Program ini merupakan saat yang amat bernilai bagi warga Negeri Selangor berhenti seketika dari kesibukan rutin harian untuk membaca.

/ 3,3 % (%	&+43756 . )) 1 & 1*) 1 " ) 9)	f1\$ Ž f /
£ 3% % ! % (%	ž ) 6 4 1 ! ) 1 6 1,	! ^ Ž ° ° °
#' 0% (	\$ ) 0 ) 1 ! 7 * ) 9 ' ) ) . ( - 1 , , -	. 1 . 2 4 1 ,
#%&%+ ° ° 1. %	ž + 8 ) 1 ' 4 ! + 4 1 ) 0	. 1 . 2 4 1 ,
£, % (	( ) 0 ) 1 & 1 , . ) ) 1 ! ) 6 7	^ fl ^ 2 4 1 ,
! ' 2% * . ( ^ #) % ° , %	' £ Ž Ž	° ° ° ° 2 4 1 ,
£ 3% % # , % ( / 1	( ) 0 ) 1 # 2 ) 0 ! . ) 1 £ - 4 ( ) 8 ) 4	° ° 1 2 4 1 ,
/ 3,3 # , % ( / 1	&+43756 . )) 1 ' 9 + * % ) 5 9 2 4	° ° ° 1 2 4 1 ,
! / - &%+	' + ) 9 ) 1 , % ) //	! fifi 2 4 1 ,

## 1. DAERAH HULU LANGAT



Tarikh	:	9 Jun 2012
Lokasi	:	Perpustakaan Komuniti Pandan Jaya
Pembaca	:	494 orang
Kutipan Ahli Baru	:	200 orang
Jalinan Kerjasama	:	Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Pej. ADUN Cempaka, Tadika PASTI

## 2 . DAERAH KUALA LANGAT



<b>Tarikh</b>	: 12 Jun 2012
<b>Lokasi</b>	: Dataran Banting
<b>Pembaca</b>	: 1,174 orang
<b>Kutipan Ahli Baru</b>	: 130 orang
<b>Jalinan Kerjasama</b>	: Majlis Daerah Kuala Langat, Pengurus Gerakan Membaca Daerah Kuala Langat, Pegawai Penyelaras DUN Morib

### 3. DAERAH SEPANG



<b>Tarikh</b>	: 19 Jun 2012
<b>Lokasi</b>	: Laman Budaya Salak Tinggi
<b>Pembaca</b>	: 464 orang
<b>Kutipan Ahli Baru</b>	: 158 orang
<b>Jalinan Kerjasama</b>	: Majlis Perbandaran Sepang, PPD, Pej. Daerah / Tanah, Pusat Khidmat Masyarakat [DUN Dengkil, Sg. Pelek], Tabika Perpaduan, KEMAS

#### 4. DAERAH SABAK BERNAM



<b>Tarikh</b>	: 21 Jun 2012
<b>Lokasi</b>	: Dewan Sri Bernam
<b>Pembaca</b>	: 464 orang
<b>Kutipan Ahli Baru</b>	: 138 orang
<b>Jalinan Kerjasama</b>	: MDSB, Pej. Daerah / Tanah, PPD, Pej. Agama Islam Daerah, Balai Polis Daerah, Agensi Anti Dadah Kebangsaan Daerah Sabak Bernam

#### 5. DAERAH KLANG



<b>Tarikh</b>	: 24 Jun 2012
<b>Lokasi</b>	: Taman Pangkalan Batu
<b>Pembaca</b>	: 595 orang
<b>Kutipan Ahli Baru</b>	: 119 orang
<b>Jalinan Kerjasama</b>	: Pej. Daerah / Tanah, MPK, JKR, PPD, Pej. ADUN [Meru, Selat Klang, Kota Alam Shah], Pej. Penyelaras [DUN Pelabuhan Klang & Sementa]

## 6. DAERAH PETALING



<b>Tarikh</b>	:	30 Jun 2012
<b>Lokasi</b>	:	Shah Alam Convention Centre (SACC)
<b>Pembaca</b>	:	1,500 orang
<b>Kutipan Ahli Baru</b>	:	3,151 orang
<b>Jalinan Kerjasama</b>	:	(Kempen Keahlian Pesta Buku Selangor (29 Jun – 9 Julai 2012) Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Pej. Pelajaran Daerah (PPD), Pej. Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Shah Alam Convention Centre (SACC))

## 7. DAERAH KUALA SELANGOR



<b>Tarikh</b>	:	19 Julai 2012
<b>Lokasi</b>	:	Taman Kolam Ikan Air Tawar
<b>Pembaca</b>	:	536 orang
<b>Kutipan Ahli Baru</b>	:	62 orang
<b>Jalinan Kerjasama</b>	:	Pej. Daerah / Tanah, MDKS, PPD, Pusat Khidmat DUN Bukit Melawati, Kolej Intel, Pejabat Agama Islam Daerah

## 8. DAERAH HULU SELANGOR



Tarikh	: 10 September 2012
Lokasi	: Perpustakaan Kuala Kubu Baru
Pembaca	: 1,360 orang
Kutipan Ahli Baru	: 220 orang
Jalinan Kerjasama	: Pej. Daerah / Tanah, MDHL, PPD, JKR, SYABAS, Pusat Khidmat Masyarakat, Pej. ADUN [Kuala Kubu Baru, Hulu Bernam & Batang Kali]

## 9. DAERAH GOMBAK



Tarikh	: 1 Oktober 2012
--------	------------------

<b>Lokasi</b>	:	Kompleks Selayang Mall
<b>Pembaca</b>	:	688 orang
<b>Kutipan Ahli Baru</b>	:	245 orang
<b>Jalinan Kerjasama</b>	:	Pej. Daerah / Tanah, MP Selayang, PPD, Seal Incorporated Berhad (Kompleks Selayang Mall), Tadika Perpaduan, Kolej Komuniti

2. **Anugerah Pembaca Aktif** – setiap tiga kategori, Dewasa, Remaja, Kanak-kanak turut diberi anugerah di setiap daerah. Anugerah ini adalah pengiktirafan tertinggi dalam usaha membina tabiat membaca dalam kalangan pengguna selaras dengan hasrat Negara melahirkan masyarakat bermaklumat dan berpengetahuan serta menjadikan membaca sebagai gaya hidup. Perpustakaan menggalakkan masyarakat menjadi ahli dan pembaca santai di perpustakaan, peminjam, pengunjung, pengguna perkhidmatan multimedia serta juga perkhidmatan nilai tambah.
3. **Pesta Buku Negeri Selangor kali ke 7** juga turut menjadi pendorong kepada pencinta buku di Lembah Klang dan kawasan sekitarnya. Pengisian Pesta Buku dengan pelbagai aktiviti seperti Bicara Buku/Bedah Buku, Pelancaran Buku, Perkongsian Ilmu, persempahan boneka, Baca Puisi, *Storytelling, puzzle dan cabutan bertuah iaitu Appe-iPad* sepanjang berlangsungnya *Pesta Buku* menjadi daya tarikan bagi semua golongan masyarakat. Sejumlah 65 aktiviti disediakan sepanjang Pesta Buku berlangsung. (29 Jun – 9 Julai 2012).

## HARI ILMU NEGERI SELANGOR

### 4. Anugerah Tokoh Penulis dan Tokoh Pustakawan Selangor 2012

Kerajaan Negeri Selangor meneruskan Anugerah Tokoh Penulis Selangor buat kali kedua, bagi menghargai sumbangan penulis di dalam bidang penulisan dan dunia penerbitan. **Penerima Anugerah Tokoh Penulis** iaitu **Encik Said Zahari**. Pada tahun ini diperkenalkan juga Anugerah Tokoh Pustakawan Selangor bagi menghargai sumbangan ilmuan bidang kepustakawan dan maklumat. **Penerima Anugerah Tokoh Pustakawan** iaitu **YBhg Dato' Professor Dr Haji Raja Abdullah Yaacob (Pensyarah UITM- Fakulti Pengajian Maklumat)**

## **5. Galakguna perpustakaan dan Kempen Membaca**

Seminar/bengkel motivasi pelajar, Pendidikan Pengguna serta pelbagai program galakguna serta kempen membaca yang melibatkan peringkat cawangan, pekan dan desa diseluruh daerah negeri Selangor diteruskan. Program-program skala kecil seperti bengkel *Speed Reading*, Kem solat, Kuiz JKKK, bacaan pantas, Pelancaran Buku Baru, dan lain-lain yang seumpamanya sering dijalankan saban tahun.

Dari Januari - September 2012: sejumlah **1,246** aktiviti telah dilaksanakan sepanjang tahun oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor.

## **6. Jumlah Perbelanjaan: Jumlah Perbelanjaan : PPAS membelanjakan antara **RM400,000-RM450,000** setahun bagi membiayai program,/aktiviti untuk semua pusat perkhidmatannya, termasuk program peringkat negeri dan program-program berskala kecil.**

Pengurusan turut menjalinkan kerjasama bersama Jawatankuasa Tetap Pendidikan Negeri Selangor, jabatan, agensi kerajaan, sekolah, Pejabat Daerah/PBT, JKKK, NGO dan lain-lain, bagi pelaksanaan program.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PELANCONGAN**

82. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar ;
- a) Sila senaraikan Jumlah Peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri untuk memajukan kawasan Pelancongan di Negeri Selangor semenjak tahun 2008 sehingga 2011 mengikut daerah-daerah Negeri Selangor?

**JAWAPAN :**

- a) Berikut adalah jumlah peruntukan yang telahpun disalurkan oleh Kerajaan Negeri bagi memajukan kawasan pelancongan di Negeri Selangor dari tahun 2008 sehingga tahun 2011 mengikut daerah di Negeri Selangor. Walaubagaimanapun, sepanjang empat tahun berikut terdapat beberapa daerah yang tidak memperuntukkan sejumlah peruntukan untuk memajukan kawasan pelancongan berdasarkan rekod dan butirannya adalah seperti jadual di bawah :-

Bil.	PBT	Tahun 2008	Tahun 2009	Tahun 2010	Tahun 2011
1	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	-	-	-	RM45,000.00
2	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	-	-	RM19,945.00	-
3	Majlis Perbandaran Klang (MPK)	-	-	RM130,245.00	RM218,450.00
4	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	-	-	-	RM37,500.00
5	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	-	-	-	-

<b>6</b>	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	-	-	-	RM97,500.00
<b>7</b>	Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ)	-	-	RM19,945.00	RM37,500.00
<b>8</b>	Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)	-	-	RM130,245.00	RM22,500.00
<b>9</b>	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	-	-	-	RM82,500.00
<b>10</b>	Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)	RM1047,855.40	RM373,054.40	RM130,245.00	RM37,500.00
<b>11</b>	Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)	RM759,745.20	-	-	RM67,500.00
<b>12</b>	Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)	-	RM373,054.40	RM19,945.00	RM37,500.00
<b>13</b>	Pejabat Daerah Petaling	-	-	-	-
<b>14</b>	Pejabat Daerah Klang	-	-	-	-
<b>15</b>	Pejabat Daerah Gombak	-	-	-	-
<b>16</b>	Pejabat Daerah Kuala Langat	-	-	RM130,245.00	-
<b>17</b>	Pejabat Daerah Hulu Langat	-	-	RM130,245.00	RM55,867.47

<b>18</b>	Pejabat Daerah Sepang	-	-	-	-
<b>19</b>	Pejabat Daerah Hulu Selangor	-	-	RM130,245.00	-
<b>20</b>	Pejabat Daerah Kuala Selangor	-	-	-	-
<b>21</b>	Pejabat Daerah Sabak Bernam	-	-	RM130,245.00	-
<b>22</b>	Tourism Selangor Sdn.Bhd. (TSSB)	RM319,440.75	RM2729,519.20	RM130,245.00	RM1402,275.38

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM  
(MORIB)**

**TAJUK : MANIFESTO GALAKAN DAN INSENTIF BERNIAGA**

83. Pakatan Selangor mengemukakan Manifesto ketika Pilihanraya Umum ke 12 yang meliputi enam perkara ekonomi rakyat iaitu antaranya memberi galakan kepada belia dan wanita muda berniaga dengan sewa minimum atau hanya membayar air dan elektrik untuk dua tahun pertama.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status perlaksanaan manifesto tersebut ?
- b) Nyatakan skim insentif dan bilangan usahawan yang telah menikmatinya?
- c) Berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan?

**JAWAPAN :**

- a) Penggalakan terhadap golongan belia untuk berniaga telah dilaksanakan sejak 2008 lagi selepas Pilihanraya ke-12. Setiap tahun, pelbagai program telah pun dilaksanakan seperti program kursus dan seminar keusahawanan yang memberi pendedahan kepada golongan usahawan-usahawan yang berminat termasuk dari golongan belia. Selain dari itu juga, bantuan dari segi pemberian mesin-mesin pemprosesan telah dilaksanakan sepanjang tahun.

Penglibatan belia dan wanita muda dijalankan lagi pada tahun 2012 dengan peruntukan Geran Selangorku bagi Usahawan Muda sebanyak RM30juta.

- b) Skim insentif berbentuk bantuan mesin pemprosesan dengan nilai tidak melebihi RM10,000.00 telah disediakan kepada usahawan yang berkelayakan. Seramai 376 usahawan telah menikmatinya sejak dari tahun 2008.
- c) Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan untuk usahawan-usahawan di Negeri Selangor sebanyak RM8,100,000.00 dalam tempoh empat (4) tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMAD KHIR BIN TOYO  
(SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK: YAYASAN SELANGOR**

84. Yayasan Selangor pernah dilaporkan mengalami kerugian dan salah laku penggunaan dana untuk program yang tidak wajar.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimakah prestasi kewangan Yayasan Selangor sekarang?
- b) Siapakah pasukan pengurusan Yayasan Selangor dan latar belakang kelayakan mereka?
- c) Apakah strategi Yayasan untuk memastikan anak-anak Selangor luar bandar mendapat pendidikan di sekolah-sekolah terbaik di bandar?

**JAWAPAN :**

a) Sehingga 31 julai 2012, Yayasan Selangor mencatatkan defisit sebanyak RM1.73m. ini disebabkan oleh, ketiadaan pendapatan dari Kem PLKN di Ampang Pechah. Walau bagaimanapun, untuk tempoh 6 bulan berikutnya YS telah mengatur beberapa strategi antara lain:

- menyelesaikan kes Puncak Dana di antara YS dan ADN Perdana;
- menandatangani surat setujuterima dengan Pemaju Pembangunan Semula Bangunan Bukit Bintang;
- lipat gandakan usaha mencari penyewa bagi aset2 milik YS yang masih kosong.

Sehingga Julai 2012 jumlah simpanan tetap pula adalah berjumlah RM52 juta.

- b) Pasukan Pengurusan Tertinggi Yayasan Selangor adalah seperti berikut:

BIL	JAWATAN	KELAYAKAN	TEMPOH PENGALAMAN
1	Pengurus Besar	1. BSc (Hons) Electrical & Electronic Engineering, University of Manchester Institute Of Science And Technology 2. OND (Technology) Peoples College, Nottingham	33 tahun
2	Timbalan Pengurus	Kosong	
3	Pengarah Projek Khas	Degree in Quantity Surveying,	41 tahun
4	Pengurus Kanan Komunikasi Korporat	1. Bachelor of Arts(Hons) Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia 2. Diploma Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia 3. Diploma Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia 4. Certificate of Enterpreneur Development Programme, UiTM	26 tahun
5	Pengurus Kanan Teknologi Maklumat & Pentadbiran	1. Master of Bussiness Administration(MBA), University Of Northern Colorado 2. Bachelor of Business Administration, Western Michigan University 3. Diploma in Business Studies, University Teknologi Mara	30 tahun
6	Pengurus Kanan Jabatan Pendidikan	1. Master of Counselling, Universiti Malaya 2. Bachelor in Business Administration South Pac University 3. Executive Diploma in Counselling (with Distinction) Universiti Malaya 4. Diploma Perakaunan Institut Teknologi Tun Abdul Razak	17 tahun Sedang mengikuti pengajian PHD di USIM
7	Pengurus Agro	1. Bachelor of Agriculture Science Universiti Putra Malaysia	30 tahun

8	Pengarah Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Bachelor in Accountancy (Hons), Universiti Utara malaysia</li> <li>2. Chartered Accountant (CA 27250), Malaysian Institute of Accountant.</li> </ul>	11 tahun
9	Pegawai Undang-undang	<ul style="list-style-type: none"> <li>1. LL.B (Hons) International Islamic University Malaysia</li> </ul>	9 tahun
10	Pengurus Program & Latihan Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Bachelor of Education, University of Manchester</li> <li>2. Sijil Perguruan Asas, Maktab Perguruan Bahasa</li> </ul>	28 tahun
11	Pengurus Aset & Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Masters in Business Administration (MBA), Universiti Teknologi MARA</li> <li>2. Bachelor in Business Administration, Universiti Putra Malaysia</li> <li>3. Diploma in Accounting &amp; Finance, Institut Teknologi Tun Abdul Razak</li> <li>4. Diploma in LCCI, Institut Perdagangan MARA</li> </ul>	16 tahun
12	Pengurus Sumber Manusia & Latihan	<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Master of Science (Philosophy And Science And Technology Policy Studies), Universiti Malaya</li> <li>2. Bachelor Of Science, Universiti Malaya</li> <li>3. Diploma Pendidikan, Universiti Malaya</li> </ul>	19 tahun
13	Ketua Unit Audit Dalaman	<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Sarjana Muda Perakaunan Universiti Teknologi MARA</li> <li>2. Diploma Perakaunan Universiti Teknologi MARA</li> </ul>	13 tahun

- c) Kemudahan pendidikan di bandar dan luar bandar pada masa kini tiada banyak perbezaan dari segi kemudahan. Malahan sesetengah sekolah luar bandar mempunyai lebih kemudahan dan kelebihan berbanding sekolah di bandar.

Yayasan Selangor masih terus menjalankan operasinya di Asrama Pusat di Bandar Klang dan Sabak Bernam. YS terus mengekalkan kuota pelajarnya di sekolah premier di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya dengan menawarkan pelajar yang berulang alik daripada rumah, sekalipun tiada lagi operasi Asrama Yayasan Selangor Kuala Lumpur. Konsep Asrama Daerah yang kebanyakannya masih di kawasan bandar seperti Klang, Kajang, Bandar Baru Bangi, Kuala Kubu Baru dan Banting akan terus diperkasakan dan ditambah baik dengan pelbagai program pendidikan tambahan.

Kini, hampir semua kawasan luar bandar di Negeri Selangor telah membangun dengan pesat dan sistem di sekolah juga telah dimodenkan bagi sekolah-sekolah di luar bandar. Apa yang diperolehi oleh para pelajar di bandar juga dirasai oleh para pelajar di luar bandar malah kekadang keutamaan untuk pembangunan sekolah diberikan kepada sekolah-sekolah di luar bandar. Pemikiran pelajar di luar bandar juga sudah berubah. Guru-guru dari bandar dihantar ke sekolah di luar bandar. Kalau dilihat di sekolah-sekolah di luar bandar, banyak perubahan telah berlaku. Pengetua-pengetua cemerlang juga telah diletakkan di sekolah-sekolah luar bandar bagi membantu perkembangan minda pelajar-pelajar sejajar dengan perkembangan minda pelajar-pelajar di bandar. Dengan perkembangan sains dan teknologi dan wujudnya dunia tanpa sempadan pada hari ini, bersekolah di bandar dan di luar bandar tiada bezanya. Yayasan Selangor terus memperjuangkan nasib golongan miskin dan membantu pelajar dari luar bandar dan miskin bandar bagi mendapat pendidikan yang sempurna dan terjamin.

Program Rancangan Khas Pendidikan Yayasan Selangor (RKPYS) diperluaskan bukan sahaja ke sekolah-sekolah di bandar tetapi juga melibatkan keseluruhan daerah dalam Negeri Selangor di mana sekolah-sekolah kawalan juga tidak hanya berada di bandar tetapi juga di luar bandar. Tumpuan penempatan pelajar-pelajar di bandar Kuala Lumpur hanya melibatkan pelajar-pelajar yang berlatarbelakangkan keluarga ‘miskin bandar’

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN WONG KOON MUN  
(KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK: MANIFESTO BANTUAN & BIASISWA**

85. Pakatan Selangor mengemukakan Manifesto ketika Pilihan Raya Umum ke-12 yang meliputi 12 perkara sosial dan kebaikan rakyat iaitu antaranya bantuan dan basiswa pelajaran anak Selangor.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- Apakah status pelaksanaan manifesto tersebut?
- Berapakah jumlah anak Selangor yang telah menerima bantuan dan basiswa dari kerajaan negeri, yayasan atau anak syarikatnya dari 2008 hingga 2012?
- Berapakah jumlah kewangan yang dikeluarkan untuk membiayai bantuan dan basiswa tersebut dari 2008 hingga 2012?

**JAWAPAN :**

- Kerajaan Negeri telah melaksanakan pemberian bantuan pinjaman pelajaran kepada anak-anak Selangor sejak tahun 1990 sehingga kini. Pemberian pinjaman ini diberikan bertujuan membantu lebih ramai anak Selangor untuk melanjutkan pengajian diperingkat yang lebih tinggi di IPTA mahupun PTS.
- Bilangan pelajar yang telah menerima pinjaman pelajaran Negeri Selangor sejak tahun 2008 hingga tahun 2012 sebanyak 4,095 orang pelajar. Statistik penerima pinjaman pelajaran mengikut tahun adalah seperti jadual di bawah :

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan Penerima</b>
2008	708
2009	755
2010	1,040
2011	850
2012	742
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>4,095</b>

- Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sebanyak RM45.9 juta sejak tahun 2008 hingga 2012 bagi 4,095 orang pelajar untuk anak-anak Selangor melanjutkan pengajian di IPTA dan PTS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE YING HA  
(TERATAI)**

**TAJUK : PROJEK YANG DIJALANKAN OLEH TETUAN PERKUAT KUARI DI  
KAWASAN BUKIT PERMAI, AMPANG**

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Berapakah projek yang syarikat ini akan dijalankan. Sila nyatakan semua projek dan unit rumah yang akan dibina.
  - Memandangkan pemaju ini adalah satu pemaju yang amat tidak bertanggungjawab bolehkah pihak PBT atau kerajaan menolak segala permohonan dari syarikat tersebut?

**JAWAPAN :**

- Pemaju Perkuat Kuari hanya mempunyai satu projek skim perumahan iaitu Taman Bukit Permai di atas Lot PT 18060-18064 Mukim Ampang. Keseluruhan kawasan perumahan Taman Bukit Permai yang berkeluasan 95.72 ekar mempunyai 6624 unit kediaman dan telah mula siap dibina sejak tahun 1993 melalui pelan tataatur yang telah diluluskan oleh JPBD Selangor pada 22 Disember 1987. Manakala bagi fasa yang sedang dalam pembinaan adalah melibatkan rumah berkembar (10 unit), rumah banglo (17 unit) dan rumah teres mewah (18 unit). Kebenaran Merancang pembangunan fasa tersebut telah diluluskan dalam Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 12/2006 pada 29 Disember 2006.
- Kebenaran merancang yang telah diluluskan oleh pihak MPAJ, merujuk Akta 172, Kebenaran Merancang yang telah diberikan boleh ditarik balik atas kepentingan awam dengan kelulusan Jawatankuasa Perancangan Negeri. Sekiranya pemaju tidak mematuhi kelulusan yang diberikan, pihak MPAJ boleh mengambil tindakan berhenti kerja melalui peruntukan Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS**  
**YB HAJI KHASIM BIN ABDUL AZIZ**  
**(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : P.B.T**

87. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Kenapakah tiada tindakan yang diambil setelah aduan dibuat melalui PBT MPAJ, JKKK kampung ampang campuran, ahli majlis M.P.A.J dan hampir semua agensi kerajaan terhadap sebuah restoran karaoke ( suara nyanyian mengganggu penduduk sekitar) Di Pandan Industrial Park yang beroperasi sehingga 4 – 5 pagi.

**JAWAPAN :**

- a) Berkemungkinan restoran yang dimaksudkan adalah premis yang telah beroperasi tanpa lesen atas nama Restoran 988 dan beroperasi di Lot 1819, Jalan 2, Kampung Baru, Pandan Indah Industrial Park.

Jumlah aduan yang diterima : 1

Tindakan penguatkuasaan yang telah diambil :

- 3 kompaun
- 1 sitaan
- Enakmen Hiburan 6(1), no siri 200400854E pada 28 Mei 2009
- Enakmen Hiburan 6(1), no siri 200400244E pada 14 Oktober 2009
- UUK 3(1), Undang-undang Kecil Establisymen Makanan(MPAJ) 2007, no siri kompaun 2004039693E pada 28 Julai 2011

Tindakan sitaan alat sistem bunyi telah dibuat pada 1 November 2012 pada jam 7.45 petang. Pemantauan yang dijalankan mendapati pemilik restoran telah memberhentikan semua aktiviti karaoke.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK: BANTUAN JKM**

88. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah penerima bantuan JKM di Dun Meru. Senaraikan mengikut jenis bantuan yang diterima.
- b) Berapakah jumlah peruntukan setahun yang dikeluarkan kepada mereka.
- c) Apakah sebab-sebab penolakan permohonan bantuan dan berapakah bilangan dalam setahun (2011).

**JAWAPAN:**

a)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : KAWALAN DEMAM DENGGI**

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Berapakah kes-kes denggi sehingga 1 Oktober 2012 di seluruh Selangor menurut daerah?
  - Berapakah kes kematian akibat demam denggi di seluruh Selangor menurut daerah?
  - Berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi program-program bersepadu membasmi pemberian nyamuk aedes menurut daerah?

**JAWAPAN :**

(a) dan (b)

**KEJADIAN DEMAM DENGGI DI SELANGOR 2012 (SEHINGGA 3.11.2012)**

<b>Daerah</b>	<b>Kes Denggi</b>	<b>Kematian</b>
Klang	2,014	4
Petaling	2,149	3
Hulu Langat	1,844	3
Gombak	796	1
Hulu Selangor	228	0
Kuala Langat	164	1
Sepang	147	0
Kuala Selangor	216	0
Sabak Bernam	97	0
<b>Selangor</b>	<b>7,655</b>	<b>12</b>

- c) Untuk tahun 2012, sejumlah RM 4.2 juta telah diperuntukkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk program kawalan denggi di negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMAD KHIR BIN TOYO  
(SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK: MANIFESTO ANAK KE NURSERI**

90. Pakatan Selangor mengemukakan Manifesto ketika Pilihan Raya Umum ke-12 yang meliputi 12 perkara sosial dan kebaikan rakyat iaitu antaranya bantuan RM75 sebulan setiap anak ke nurseri.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pelaksanaan manifesto ini?
- b) Berapakah jumlah nurseri berdaftar di Selangor dan anggaran jumlah tidak berdaftar serta jumlah anak-anak yang dihantar ke nurseri 2012?
- c) Berapakah implikasi kewangan setahun jika anak-anak ini diberikan bantuan dijanjikan?

**JAWAPAN :**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN YAP EE WAH  
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: LANJUTAN TEMPOH PAJAKAN HAK MILIK DI KAMPUNG BARU**

91. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- (a) Berapakah jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh kerajaan negeri dengan kadar bayaran RM 1,000.00?
- (b) Berapakah caj akan dikenakan oleh kerajaan negeri terhadap sesuatu urus niaga jual beli tapak kediaman dan komersial di kampung baru?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri telah meluluskan sebanyak 290 permohonan lanjut tempoh pajakan bagi hak milik di Kampung Baru dengan kadar bayaran RM1,000.00. Jadual berikut menunjukkan bilangan permohonan yang telah diluluskan mengikut pecahan daerah :-

BIL	DAERAH	BILANGAN PERMOHONAN YANG DILULUSKAN
1	Hulu Selangor	12
2	Hulu Langat	24
3	Kuala Selangor	103
4	Petaling	40
5	Sepang	4
6	Kuala Langat	40
7	Gombak	23
8	Sabak Bernam	44
9	Klang	-
<b>JUMLAH</b>		<b>290</b>

- b) Caj yang akan dikenakan oleh kerajaan negeri terhadap sesuatu urus niaga jual beli tapak kediaman dan komersial di kampung baru adalah bergantung kepada syarat nyata tanah.

Caj sebanyak RM100.00 akan dikenakan bagi setiap permohonan yang mempunyai sekatan kepentingan yang melibatkan kebenaran Menteri Besar.

Setelah urusan pindah milik dipersetujui di hadapan Pentadbir Tanah atau peguam, caj yang dikenakan adalah mengikut penilaian tanah seperti berikut:

BIL	NILAIAN TANAH	KADAR CAJ
1.	RM1 hingga RM50,000	RM50
2.	RM50,001 hingga RM200,000	RM200
3.	RM200,001 hingga RM500,000	RM400
4.	RM500,001 hingga RM1,000,000	RM500
5.	RM1,000,001 ke atas	RM1,500

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : MASALAH KEKURANGAN AIR DI BENDANG**

92. Bertanya Kepada YAB. Dato Menteri Besar;
- Sila perjelaskan apakah punca sebenar yang menyebabkan musim penanaman padi ke-2 tahun 2012 menghadapi kekurangan air yang serius?
  - Sila nyatakan apakah langkah-langkah pencegahan jangka masa pendek dan jangka masa panjang yang bakal dirangka oleh pihak Kerajaan bagi memastikan masalah sedemikian tidak berulang pada musim akan datang?
  - Sila nyatakan bagaimanakah hubungan dan apakah peranan Jabatan Pertanian Negeri dan agensi Kerajaan Persekutuan yang berkaitan untuk bersama menyelesaikan masalah kekurangan air di Bendang?

**JAWAPAN:**

Soalan (a) dan (b) perlu dijawab oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)

- Jabatan Pertanian Negeri bekerjasama JPS untuk mengatasi masalah kelewatan bekalan air, manakala agensi Kerajaan Persekutuan iaitu Agensi IADA Barat Laut Selangor bekerjasama dengan Jabatan Pertanian dalam membangunkan infrastruktur pengairan di kawasan Barat Laut . Antara kerja-kerja pembangunan yang melibatkan infrastruktur pengairan yang dibiayai oleh IADA pada tahun lalu adalah:
  - Pembinaan kolam takungan air di Panchang Bedena
  - Kerja ukur dan perundingan tali air Sg Leman dan Sg Nipah
  - Kerja perunding dan penyediaan plan culvert Parit 4 Sg Burong

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUGN TUNKU)**

**TAJUK: PEMBINAAN KABEL BERVOLTAN TINGGI DI KAWASAN MAJLIS  
PERBANDARAN KAJANG (MPKJ)**

93. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Meminta kerajaan memberi penerangan tentang pembinaan kabel bervoltan tinggi di kawasan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) yang telah pun bermula di kawasan Taman Connaught, Kuala Lumpur di bawah pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

**JAWAPAN :**

- a) Taman Connaught adalah diluar bidang kuasa MPKj.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: PELUANG PERNIAGAAN**

94. Bertanya kepada YAB Menteri Besar:
- a) Nyatakan peluang menambahkan pendapatan/perniagaan yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri sejak 2008. Senaraikan nama projek dan jabatan/GLC yang terlibat.

**JAWAPAN :**

- a) Bajet pembangunan Kerajaan Negeri bermula pada 2009 sehingga 2011 yang secara langsung menjanjikan peluang perniagaan di kalangan usahawan seluruh Negeri Selangor adalah berjumlah hampir RM2 billion. Antara peluang-peluang perniagaan yang diwujudkan melalui Kerajaan Negeri dan Agensi adalah seperti :-
- Perbekalan
  - Pembinaan (Kerja awam dan mekanikal)
  - Perkhidmatan

Selain dari itu juga, melalui agensi dan jabatan kerajaan negeri, turut menyediakan khidmat bantuan untuk meningkatkan pendapatan usahawan dan bakal usahawan di Negeri Selangor seperti penyediaan ruang niaga oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta melalui anak-anak syarikat seperti PKNS. Program Peningkatan Kualiti dan Pemarasan Produk IKS, skim-skim pinjaman perniagaan seperti SKIMSEL dan MIMBAR, bantuan peralatan pemprosesan, bantuan peningkatan hasil pertanian dan penternakan.

Bantuan melalui Program ‘Blue Print’ oleh Kerajaan Negeri juga turut membantu golongan-golongan berpendapatan rendah untuk menambahkan lagi pendapatan mereka melalui bantuan asas untuk perniagaan seperti peralatan perniagaan gerai, mesin-mesin pembuatan/pemprosesan asas dan pelbagai lagi.

Pihak Lembaga Zakat Selangor juga menyediakan peluang-peluang untuk menambahkan pendapatan Asnaf yang layak dari segi bantuan mesin dan peralatan untuk menjalankan perniagaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMAD KHIR BIN TOYO  
(SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK: STRATEGI PERUMAHAN UNTUK RAKYAT**

95. Sebelum ini kerajaan negeri Selangor mempunyai dasar pembangunan bercampur yang disyaratkan kepada semua pemaju bagi memenuhi keperluan rakyat seperti Rumah kos rendah (RM 42,000.00), Rumah Kos sederhana rendah (di bawah RM 100,000.00), Rumah Kos Sederhana (Di bawah RM 500,000.00) dan harga rumah bebas.

Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar,

- a) Adakah dasar ini masih dikekalkan? Jika tidak apakah dasar perumahan baru kerajaan negeri bagi memenuhi keperluan rakyat pelbagai lapisan pendapatan.
- b) Berapakah harga rumah mampu milik yang ditetapkan oleh kerajaan negeri pada masa ini.
- c) Apakah strategi dan polisi kerajaan negeri dalam memastikan Pemaju memenuhi keperluan perumahan rakyat terutamanya bagi perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah.

**JAWAPAN :**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri masih lagi mengekalkan Dasar Pembangunan Tanah di mana pembangunan yang melebihi 10 ekar dalam kawasan Lembah Klang dikenakan syarat pembinaan 20% Rumah Kos Rendah, 20% Rumah Kos Sederhana Rendah dan 10% Rumah Kos Sederhana. Bagi kawasan di Luar Lembah Klang pula dikenakan syarat pembinaan 20% Rumah Kos Rendah, 10% Rumah Kos Sederhana Rendah dan 10% Rumah Kos Sederhana. Untuk pembangunan yang kurang daripada 10 ekar (2 hingga kurang 10 ekar) pula, syarat penyediaan 30% rumah kos sederhana dikenakan bagi kawasan dalam Lembah Klang.

Selain daripada penetapan komposisi pembangunan perumahan tersebut, harga jualan maksimum terhadap rumah mampu milik turut ditetapkan. Harga jualan rumah mampu milik tersebut ditetapkan pada harga seperti berikut:

Kawasan	Jenis Bangunan	Harga (RM)
Dalam kawasan Majlis Perbandaran (Lembah Klang)	20% rumah kos rendah	42,000.00
	20% rumah kos sederhana rendah	72,000.00
	10% rumah kos sederhana	100,000.00
	Lain-lain jenis bangunan kediaman	Bebas
Dalam kawasan Majlis Daerah	20% rumah kos rendah	35,000.00
	20% rumah kos sederhana rendah	60,000.00
	10% rumah kos sederhana	85,000.00
	Lain-lain jenis bangunan kediaman	Bebas
Luar kawasan Majlis Daerah / Majlis Perbandaran	20% rumah kos rendah	30,000.00
	10% rumah kos sederhana rendah	50,000.00
	10% rumah kos sederhana	70,000.00
	Lain-lain jenis bangunan kediaman	Bebas

Selain daripada itu, bermula tahun 2010 Kerajaan Negeri juga mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan Rumah Mampu Milik Selangor Konsep Baru dengan reka bentuk baru yang lebih mampan dan kondusif sebagai salah satu pilihan kepada pemaju untuk meneruskan penyediaan perumahan yang mampu milik khususnya kawasan-kawasan yang didapati kurangnya atau melebihi permintaan terhadap rumah kos rendah. Melalui cara ini sekurang-kurangnya Kerajaan Negeri dapat memperbanyakkan penyediaan rumah di bawah harga RM200,000.00 yang mampu dibeli.

- b) Sebagai langkah permulaan, Kerajaan Negeri ketika ini telah menetapkan Rumah Mampu Milik yang dibina di bawah skim ini perlu dijual pada harga tidak melebihi RM120,000.00 seunit dengan keluasan tidak kurang daripada 850 kaki persegi. Walau bagaimanapun, penetapan harga akhir bagi Projek perumahan Mampu Milik Selangor Konsep Baru ini hanya akan dimuktamadkan sebaik sahaja Dasar Perumahan Mampu Milik Selangor siap pada penghujung tahun ini.

- c) Dalam memastikan Dasar Pembangunan Tanah yang dikenakan semasa kelulusan tukar syarat khususnya berkenaan keperluan penyediaan rumah mampu milik dipatuhi, strategi Kerajaan Negeri adalah dengan menghalang proses pindah milik daripada pemaju kepada pembeli bagi sebarang ketidakpatuhan terhadap syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : MUSIM HUJAN DAN PENGURUSAN CERUN**

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Senaraikan lokasi sensitif yang diancam kejadian tanah runtuh pada musim hujan akhir tahun.
  - Adakah agensi-agensi terlibat memantau cerun termasuk PBT telah diarahkan memulakan program pemantauan dan apakah tahap persediaan mereka?
  - Berapakah peruntukan yang disalurkan bagi tahun 2012?

**JAWAPAN :**

- a) Berikut adalah senarai lokasi sensitif yang diancam kejadian tanah runtuh pada musim hujan akhir tahun mengikut PBT :

<b>BIL</b>	<b>PBT</b>	<b>LOKASI</b>
1.	MBSA	Seksyen 7, 8, 27, U9, U10, U14, U16 dan U17
2.	MBPJ	a) Bukit Gasing b) Bukit Lanjan
3.	MPK	Taman Rekreasi ,Taman Rakyat Klang
4.	MPSJ	a) Bandar Puteri 9 b) Excelsa Apartment, Taman Universiti Indah, Seri Kembangan c) Kawasan Bersebelahan Apartment, Pusat Bandar Puchong

5.	MPS	<p>i) Kawasan Cerun Berisiko</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL</th><th>MUKIM</th><th>LOKASI / TAMAN</th><th>ZON</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td><td>SETAPAK</td><td>DESA GEMILANG</td><td>6</td></tr> <tr> <td>2</td><td>BATU</td><td>BUKIT PERMATA</td><td>9</td></tr> <tr> <td>3</td><td>BATU</td><td>KAWASAN PERINDUSTRIAN DESA AMAN</td><td>21</td></tr> <tr> <td>4</td><td>BATU</td><td>KAMPUNG SRI INDAH A</td><td>22</td></tr> <tr> <td>5</td><td>BATU</td><td>IDAMAN HILLS</td><td>5</td></tr> <tr> <td>6</td><td>BATU</td><td>CY HITECH</td><td>12</td></tr> <tr> <td>7</td><td>BATU</td><td>DESA AMAN PURI</td><td>21</td></tr> <tr> <td>8</td><td>BATU</td><td>TAMAN BUKIT TEMPLER</td><td>4</td></tr> </tbody> </table> <p>ii ) Kawasan Cerun Berisiko Tinggi</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL</th><th>MUKIM</th><th>LOKASI / TAMAN</th><th>ZON</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td><td>SETAPAK</td><td>BUKIT LELA</td><td>10</td></tr> <tr> <td>2</td><td>SETAPAK</td><td>SEPANJANG JAJARAN PERMATANG KUARTZA</td><td>10</td></tr> <tr> <td>3</td><td>SETAPAK</td><td>GOMBAK TOWN VILLA</td><td>9</td></tr> <tr> <td>4</td><td>SETAPAK</td><td>TAMAN SRI GOMBAK FASA 7,8 &amp; 9</td><td>9</td></tr> <tr> <td>5</td><td>BATU</td><td>PINGGIRAN TEMPLER</td><td>4</td></tr> </tbody> </table> <p>iii) Kawasan Cerun Berisiko Sangat Tinggi</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL</th><th>MUKIM</th><th>LOKASI / TAMAN</th><th>ZON</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td><td>RAWANG</td><td>TEMPLER HEIGHT</td><td>1</td></tr> <tr> <td>2</td><td>SETAPAK</td><td>VILLA BESTARI</td><td>6</td></tr> <tr> <td>3</td><td>RAWANG</td><td>AMAN SIERRA</td><td>1</td></tr> <tr> <td>4</td><td>SETAPAK</td><td>CEMERLANG HEIGHT</td><td>10</td></tr> <tr> <td>5</td><td>SETAPAK</td><td>TAMAN HARMONIS</td><td>10</td></tr> <tr> <td>6</td><td>SETAPAK</td><td>BUKIT SENTOSA</td><td>10</td></tr> <tr> <td>7</td><td>RAWANG</td><td>TEMPLER HILL</td><td>1</td></tr> <tr> <td>8</td><td>BATU</td><td>PUNCAK TEMPLER</td><td>4</td></tr> <tr> <td>9</td><td>RAWANG</td><td>BANDAR COUNTRY HOMES</td><td>17</td></tr> <tr> <td>10</td><td>RAWANG</td><td>TAMAN RAWANG PERDANA</td><td>16</td></tr> </tbody> </table>	BIL	MUKIM	LOKASI / TAMAN	ZON	1	SETAPAK	DESA GEMILANG	6	2	BATU	BUKIT PERMATA	9	3	BATU	KAWASAN PERINDUSTRIAN DESA AMAN	21	4	BATU	KAMPUNG SRI INDAH A	22	5	BATU	IDAMAN HILLS	5	6	BATU	CY HITECH	12	7	BATU	DESA AMAN PURI	21	8	BATU	TAMAN BUKIT TEMPLER	4	BIL	MUKIM	LOKASI / TAMAN	ZON	1	SETAPAK	BUKIT LELA	10	2	SETAPAK	SEPANJANG JAJARAN PERMATANG KUARTZA	10	3	SETAPAK	GOMBAK TOWN VILLA	9	4	SETAPAK	TAMAN SRI GOMBAK FASA 7,8 & 9	9	5	BATU	PINGGIRAN TEMPLER	4	BIL	MUKIM	LOKASI / TAMAN	ZON	1	RAWANG	TEMPLER HEIGHT	1	2	SETAPAK	VILLA BESTARI	6	3	RAWANG	AMAN SIERRA	1	4	SETAPAK	CEMERLANG HEIGHT	10	5	SETAPAK	TAMAN HARMONIS	10	6	SETAPAK	BUKIT SENTOSA	10	7	RAWANG	TEMPLER HILL	1	8	BATU	PUNCAK TEMPLER	4	9	RAWANG	BANDAR COUNTRY HOMES	17	10	RAWANG	TAMAN RAWANG PERDANA	16
BIL	MUKIM	LOKASI / TAMAN	ZON																																																																																																							
1	SETAPAK	DESA GEMILANG	6																																																																																																							
2	BATU	BUKIT PERMATA	9																																																																																																							
3	BATU	KAWASAN PERINDUSTRIAN DESA AMAN	21																																																																																																							
4	BATU	KAMPUNG SRI INDAH A	22																																																																																																							
5	BATU	IDAMAN HILLS	5																																																																																																							
6	BATU	CY HITECH	12																																																																																																							
7	BATU	DESA AMAN PURI	21																																																																																																							
8	BATU	TAMAN BUKIT TEMPLER	4																																																																																																							
BIL	MUKIM	LOKASI / TAMAN	ZON																																																																																																							
1	SETAPAK	BUKIT LELA	10																																																																																																							
2	SETAPAK	SEPANJANG JAJARAN PERMATANG KUARTZA	10																																																																																																							
3	SETAPAK	GOMBAK TOWN VILLA	9																																																																																																							
4	SETAPAK	TAMAN SRI GOMBAK FASA 7,8 & 9	9																																																																																																							
5	BATU	PINGGIRAN TEMPLER	4																																																																																																							
BIL	MUKIM	LOKASI / TAMAN	ZON																																																																																																							
1	RAWANG	TEMPLER HEIGHT	1																																																																																																							
2	SETAPAK	VILLA BESTARI	6																																																																																																							
3	RAWANG	AMAN SIERRA	1																																																																																																							
4	SETAPAK	CEMERLANG HEIGHT	10																																																																																																							
5	SETAPAK	TAMAN HARMONIS	10																																																																																																							
6	SETAPAK	BUKIT SENTOSA	10																																																																																																							
7	RAWANG	TEMPLER HILL	1																																																																																																							
8	BATU	PUNCAK TEMPLER	4																																																																																																							
9	RAWANG	BANDAR COUNTRY HOMES	17																																																																																																							
10	RAWANG	TAMAN RAWANG PERDANA	16																																																																																																							
6.	MPAJ	<p>Terdapat sebanyak 20 lokasi cerun berisiko hasil daripada kajian JKR Cawangan Cerun di kawasan MPAJ iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Jalan Bukit Permai.</li> <li>ii) Dataran Ukay, No: 79 &amp; 80, Jalan Bunga Anggerik.</li> </ul>																																																																																																								

		<ul style="list-style-type: none"> <li>iii) Jalan Bukit Permai Utama, Bukit Permai.</li> <li>iv) Desa Ukay Apartment, Ukay Heights, Jalan Tebrau.</li> <li>v) Dataran Ukay, No: 58-90, Jalan Bunga Anggerik.</li> <li>vi) Jalan Bukit Permai, Mutiara Court</li> <li>vii) Jalan Bukit Permai Utama, Bukit Permai.</li> <li>viii) Villa Sri Ukay, Jalan Persiaran Ukau</li> <li>ix) Taman Mega Jaya, jalan Mega 3 &amp; 5</li> <li>x) Taman Kelab Ukay, Ukay Perdana</li> <li>xi) Taman Hijau Apartment, Jalan Taman Hijau,</li> <li>xii) Hj. Maamor House, Jalan Klang Gate.</li> <li>xiii) Jalan 11 &amp; 12, Taman TAR.</li> <li>xiv) Jalan K6, taman Melawati.</li> <li>xv) Jalan Permai 30. Taman Kelab Ukay, Jalan Kelab Ukay7, Ukay Perdana.</li> <li>xvi) No: 48, Jalan TMJ 5/2, Ampang-Cheras Hulu Langat</li> <li>xviii) Kg Bukit Sg Putih</li> <li>xix) Taman Melawati</li> <li>xx) Mutiara Court Car Park</li> </ul>
7.	MPSp	Beberapa kawasan di dalam pemerhatian pihak Majlis iaitu Sungai Merab, Labu Lanjut, dan Jenderam
8.	MPKj	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Mukim Kajang - Bukit Mewah, Desa Karunmas &amp; Bukit Timah</li> <li>ii) Mukim Hulu Langat - Kampung Sungai Semungkis, Cheras Awana &amp; Agrotek, Hulu Langat</li> </ul>
9.	MDKL	Tiada
10.	MDHS	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) <u>Mukim Hulu Bernam</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kawasan Perumahan Awam Hulu Bernam &amp; Kg. Seri Geriang yang berhampiran dengan cerun bukit.</li> </ul> </li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>ii) <u>Mukim Kalumpang</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kurang berisiko</li> </ul> </li> <li>iii) <u>Mukim Kerling</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Taman Lembah Damai</li> <li>- Kg. Air Panas</li> <li>- Rumah Murah Kilat Kerling</li> <li>- Kg. Jawa</li> </ul> </li> <li>iv) <u>Mukim Ampang Pecah</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Semua taman perumahan di kawasan K.K.B yang berhampiran berikut seperti:-</li> <li>- Taman Seruling, Taman Pesara, Taman Bukit Bunga, Kg. Asam Kumbang, Kg. Kelapa, Kg. Dagang Setia, Perumahan Jalan Padang Golf, Perumahan Jalan Pandang Tembak dan lain-lain lagi.</li> </ul> </li> <li>v) <u>Mukim Rasa</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kg. Rasa Bukit, Taman Rasa Jaya.</li> </ul> </li> <li>vi) <u>Mukim Batang Kali</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Taman Seri, Seksyen 3 Bandar Utama Batang Kali, Kg. Bukit Chandang.</li> </ul> </li> <li>vii) <u>Mukim Hulu Yam</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kg. Hulu Yam Lama Tambahan (Kg. Baru)</li> </ul> </li> <li>viii) <u>Mukim Serendah</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Taman Tasik Teratai, Taman Tasik Kiambang, Kg. Seri, Taman Idaman, Taman Desa melor.</li> </ul> </li> <li>ix) <u>Bandar Bukit Beruntung</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Seksyen BB1, BB2, BB6, BB10</li> </ul> </li> <li>x) <u>Bandar Bukit Sentosa</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Seksyen BS2, BS3, BS4, BS5, BS6, BS7, BS8, BS9, BS10</li> </ul> </li> <li>xi) <u>Bandar Sungai Buaya</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Fasa 1, 2 &amp; 3</li> <li>-</li> </ul> </li> </ul>
11.	MDKS	<ol style="list-style-type: none"> <li>a. Bukit Malawati (SMK SAAS)</li> <li>b. Bukit Malawati (Jalan Klinik)</li> <li>c. Taman Sentosa (Klinik Bestari Jaya)</li> </ol>

		<p>d. Saujana Utama</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Jalan Melor, Fasa 1</li> <li>- Jalan Melor 1, Fasa 4</li> <li>- Jalan Melor 1/1, Fasa 4</li> <li>- Jalan Melor 1/3, Fasa 4</li> <li>- Jalan Melor 1/4, Fasa 4</li> <li>- Jalan Melor 1/5, Fasa 4</li> <li>- Jalan SP 1/8, Fasa 1</li> <li>- Jalan SP 5/4, Fasa 4</li> </ul> <p>e. Puncak Alam Fasa 1</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Lorong Mahkota Impian</li> <li>- Lorong Mahkota Impian 2</li> <li>- Lorong Mahkota Impian 2/2</li> <li>- Lorong Mahkota Impian 2/21</li> </ul> <p>f. Puncak Alam Fasa 2</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Lorong Gugusan Alam 7/1</li> <li>- Lorong Gugusan Alam 7/10</li> <li>- Lorong Gugusan Alam 7/20</li> </ul> <p>g. Puncak Alam Fasa 3</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Astana Alam 1</li> <li>- Astana Alam 2</li> </ul> <p>h. Shah Alam 2</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Lorong Az-Zaharah 4C</li> <li>- Lorong Az-Zaharah 4F</li> <li>- Lorong Az-Zaharah 10/3</li> <li>- Lorong Az-Zaharah 10/23</li> </ul> <p>i. Puncak Bestari</p> <p>j. Desa Kerayong</p> <p>k. Bandar Seri Coalfields</p>
12.	MDSB	Tiada

- b) PBT menjalankan kerjasama Jabatan Mineral Galian, IKRAM dan pihak pemaju sentiasa memantau kerja-kerja cerun agar tidak berlaku hakisan tanah dengan mengenakan notis dan kompaun jika terdapat salahlaku kerja-kerja tanah. Bagi keseluruhan kawasan yang melibatkan cerun kelas III & IV, permohonan tersebut akan disemak dan dibawa ke Jawatankuasa Teknikal Sensitif dan Alam Sekitar (JKTSAS) sebelum dibawa ke Mesyuarat OSC bagi pertimbangan.
- c) Berikut adalah peruntukan yang disalurkan bagi tahun 2012 mengikut PBT

<b>Bil</b>	<b>Pihak Berkuasa Tempatan</b>	<b>Peruntukan ( RM)</b>
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	RM400,000.00
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	Tiada maklumat
3.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	Unit Cerun di Jabatan Kejuruteraan mendapat peruntukan bagi penyelenggaraan cerun adalah sebanyak RM 800,000.00 manakala peruntukan pembangunan bagi menjalankan kerja sebutharga adalah sebanyak RM 400,000.00
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	MPAJ telah memperuntukkan sebanyak RM1.5 juta untuk penjagaan dan penyelenggaraan cerun.
5.	Majlis Perbandaran Selayang	a) Bajet MPS 2012 - Penyelenggaraan Cerun RM 95,000.00 - Pembinaan Cerun RM142,000.00  2 ) Pinjaman Peruntukan Daripada Kerajaan Negeri

		<p>– Membaiki Cerun di Kawasan Apartment Lily Rawang Perdana 2 RM1,078,000.00</p> <p>– Kerja Merekabentuk Cadangan Pembaikan Tanah Runtuh di Apartment Lily, Rawang Perdana 2 RM 213,849,85</p> <p><u>Maklumat Tambahan</u></p> <p>Kerja-kerja merekabentuk cadangan pembaikan tanah runtuh di Town Villa, Gombak berjumlah RM334,787.12 daripada Kerajaan Negeri.</p>
6.	Majlis Perbandaran Sepang	Tiada peruntukan khas
7.	Majlis Perbandaran Klang	Tiada peruntukan khas
8.	Majlis Perbandaran Kajang	Peruntukan yang disediakan bagi Unit Cerun sebanyak RM 500,000.00 pada tahun 2012
9.	Majlis Daerah Hulu Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>- tiada mempunyai peruntukan khas</li> <li>- menggunakan vote kerja kecemasan yang berjumlah RM150,000.00 – RM 200,000.00</li> </ul>
10.	Majlis Daerah Kuala Langat	Tiada
11.	Majlis Daerah Kuala Selangor	Tiada
12.	Majlis Daerah Sabak Bernam	Tiada

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK: BANTUAN KEBAJIKAN DAN BANTUAN RUMAH ASNAD PUSAT ZAKAT  
SELANGOR.**

97. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah bilangan rumah asnaf yang telah didirikan dibawah rumah bantuan asnaf oleh PZS Daerah Klang Di Dun Meru sejak 2008 – 2011? Senaraikan semua pemilik rumah dan lokasi tersebut.
- b) Apakah kriteria utama yang diambil kira untuk melayakkan mereka memohon bantuan ini?

**JAWAPAN :**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK : LAWATAN KE LUAR NEGARA**

98. Sejak Mac 2008 terdapat beberapa lawatan ahli-ahli Dewan Negeri Selangor ke luar Negara.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa kaliakah lawatan yang diberi peluang kepada Ahli Dewan Negeri?
- b) Mengapakah dipilih tempat-tempat tertentu?
- c) Berapakah perbelanjaan keseluruhan yang telah digunakan?

**JAWAPAN :**

- a) dan (b)

Tiada had bilangan yang ditetapkan bagi lawatan ke luar negara oleh Ahli Dewan Negeri (ADN).

Walau bagaimanapun peluang lawatan dan tempat-tempat yang dipilih adalah berdasarkan kepada tujuan lawatan dibuat, justifikasi yang kukuh serta peruntukan yang mencukupi sebelum diangkat untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor.

- c) Perbelanjaan keseluruhan bagi lawatan ke luar negara ADN dari Januari sehingga September 2012 adalah berjumlah **RM849,258.87**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : KEDUDUKAN KEWANGAN MAJLIS SUKAN NEGERI (MSN)**

99. Bertanya Kepada YAB. Dato Menteri Besar;
- Sila nyatakan apakah perkembangan terkini Majlis Sukan Negeri dan huraikan bagaimanakah kedudukan kewangan secara bandingan sejak 2007 hingga 2012 ?
  - Sila nyatakan berapakah jumlah tunggakan hutang MSN yang masih belum dilangsaikan kepada Kerajaan Negeri Selangor sehingga bulan Jun tahun 2012 ?
  - Sila nyatakan secara terperinci berapakah jumlah peruntukan tahunan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri dan apakah sumber pendapatan alternatif MSN. Sila berikan butir-butir.

**JAWAPAN:**

a)

PERKARA	2007	2008	2009	2010	2011	SEHINGGA 31HB. OKT. 2012
	RM	RM	RM	RM	RM	
UMLAH PENDAPATAN	1,069,152	5,832,205	1,375,556	9,023,810	8,633,893	5,763,989
UMLAH PERBELANJAAN	11,344,956	11,414,483	10,096,047	8,332,890	12,138,505	8,798,740
RUGI BERSIH	<u>(10,275,804)</u>	<u>(5,582,258)</u>	<u>(8,710,491)</u>	<u>(62,804,723)</u>	<u>(3,504,612)</u>	<u>(3,034,751)</u>

- b) Senarai di bawah adalah seperti yang terdapat dalam rekod kewangan dan telah dibincangkan pada *exit conference* bersama Jabatan Audit Negara :-
- 1) TITI Jaya Resort Sdn Bhd = RM 835,512.00
  - 2) LTH Construction Sdn Bhd = RM 5,740,00.00
  - 3) Worldwide Holdings Berhad = RM 3,538,826.49
  - 4) Pejabat Tanah Daerah Petaling = RM 1,008 233.70

- c) Jumlah peruntukan yang diterima dari Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :-
- i. Belanja Mengurus = RM5juta
  - ii. Belanja Pembangunan = RM4juta

Majlis Sukan Negeri Selangor tidak mempunyai sumber pendapatan alternatif. Ini kerana semua aset MSN telah diambil alih oleh Menteri Besar Incorporated (MBI) melalui MSNS Holdings. Oleh sebab itu pada masa ini MSNS terpaksa bergantung sepenuhnya peruntukan kewangan daripada Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUGN TUNKU)**

**TAJUK: PENGURANGAN CUKAI PINTU UNTUK RUMAH TERBIAR DI BUKIT  
BERUNTUNG DAN BUKIT SENTOSA**

100. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Sejak kerajaan mengisytiharkan bahawa rumah-rumah kos rendah terbiar di Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa berhak memohon rebet cukai pintu daripada Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), berapa banyak rumah yang telah menikmati rebet ini bermula tahun 2010 hingga sekarang?
- b) Berapakah jumlah rebet yang telah diberi oleh MDHS sehingga sekarang mengikut tahun bermula tahun 2010 hingga tahun 2012?

**JAWAPAN :**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: PROJEK MARRIS 2012**

101. Bertanya kepada YAB Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah keseluruhan peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Pusat bagi MARRIS di setiap PBT, setiap tahun bermula 2005-2012. Kemukakan Projek MARRIS 2012 bagi setiap DUN di bawah MBPJ yang telah dilaksanakan dan status yang selain itu.

**JAWAPAN :**

- a) Berikut merupakan senarai jumlah keseluruhan peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Pusat bagi MARRIS dan agihan di setiap **Pihak Berkuasa Tempatan** bagi tahun 2007-2012. Manakala Kerajaan Negeri tidak mempunyai rekod terimaan dan agihan bagi tahun 2005 dan 2006.

Tahun	2007	2008	2009	2010	2011	2012
<b>Terimaan dari Persekutuan (RM)</b>	276,723,369.00	300,966,292.00	315,627,131.00	351,659,938.00	368,356,025.00	336,132,575.00 (sehingga 31 Oktober 2012)
<b>Jumlah Perbelanjaan oleh PBT (RM)</b>	50,538,740.00	130,000,000.00	76,000,000.00	61,923,960.00	66,267,205.32	77,717,232.68
<b>Agihan mengikut PBT (RM)</b>						
<b>MBSA</b>	5,400,000.00	22,000,000.00	7,000,000.00	5,500,000.00	4,277,030.00	5,681,944.30
<b>MBPJ</b>	5,400,000.00	10,000,000.00	7,000,000.00	5,500,000.00	6,567,748.85	5,244,791.00
<b>MPSJ</b>	5,400,000.00	9,000,000.00	7,000,000.00	5,500,000.00	4,990,900.00	7,519,687.19
<b>MPAJ</b>	5,400,000.00	12,000,000.00	7,000,000.00	5,500,000.00	5,837,625.50	9,816,539.00
<b>MPKj</b>	5,400,000.00	10,000,000.00	7,000,000.00	5,500,000.00	5,809,708.00	8,060,482.00
<b>MPS</b>	5,400,000.00	22,000,000.00	7,000,000.00	6,750,000.00	6,443,452.72	9,929,999.69
<b>MPK</b>	5,400,000.00	14,000,000.00	7,000,000.00	7,500,000.00	9,307,662.00	7,007,500.55
<b>MPSp</b>	1,750,000.00	7,000,000.00	7,000,000.00	5,000,000.00	3,066,177.95	3,320,465.72
<b>MDKS</b>	1,388,740.00	7,000,000.00	5,000,000.00	4,500,000.00	5,919,995.00	4,841,677.50
<b>MDKL</b>	3,200,000.00	6,000,000.00	5,000,000.00	5,000,000.00	5,179,841.70	6,251,140.06
<b>MDHS</b>	3,200,000.00	7,000,000.00	5,000,000.00	7,000,000.00	3,911,680.00	2,443,107.50
<b>MDSB</b>	3,200,000.00	4,000,000.00	5,000,000.00	4,000,000.00	4,955,383.60	7,599,898.17

**Nota:**

Perbelanjaan bagi tahun 2012 adalah berdasarkan perbelanjaan sebenar selepas sebutharga/tender.

Sehingga 31 Oktober 2012, status Projek MARRIS bagi setiap kawasan Dewan Negeri di **Majlis Bandaraya Petaling Jaya** adalah seperti berikut:-

PERANCANGAN					PELAKSANAAN					
PBT	DUN	BIL PROJEK	ANGGARAN KOS PROJEK (RM)	SILING PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM) (SELEPAS I/SHT)	BM	DP	LJ	IJ	SS
MBPJ	Kampung Tuanku	5	1,437,318.00	2,000,000.00	1,416,924.00	0	0	0	0	5
	Bukit Gasing	8	1,034,998.00	2,000,000.00	794,406.00	0	6	0	0	2
	Damansara Utama	9	1,061,130.00	2,000,000.00	871,070.00	0	8	0	0	1
	Bukit Lanjan	7	973,272.00	1,000,000.00	806,219.00	3	3	0	0	1
	Taman Medan	5	1,084,180.00	2,000,000.00	811,986.00	1	4	0	0	0
	Seri Setia	3	399,069.00	2,000,000.00	330,731.00	0	3	0	0	0
	Kota Damansara	2	323,450.00	1,000,000.00	213,455.00	1	1	0	0	0
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>39</b>	<b>6,313,417.00</b>	<b>12,000,000.00</b>	<b>5,244,791.00</b>	<b>5</b>	<b>25</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>9 (23.08%)</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMAD KHIR BIN TOYO  
(SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK: STATISTIK PERUMAHAN NEGERI SELANGOR**

102. Perumahan mampu milik merupakan satu topik utama di kalangan rakyat Selangor. Akhir-akhir ini kelihatan tiada lagi projek-projek perumahan untuk rakyat berpendapatan rendah dan sederhana di negeri ini.

Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar,

- a) Berapakah jumlah rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah yang telah dibina oleh anak syarikat kerajaan negeri pada 2010, 2011 dan 2011? Pohon nyatakan juga harga dan lokasi rumah-rumah tersebut.
- b) Pohon nyatakan jumlah, harga dan lokasi pembinaan rumah mampu milik yang dibina oleh pemaju perumahan swasta di Selangor pada tahun 2010, 2011 dan 2012.

**JAWAPAN :**

- a) Untuk makluman Y.B, kerajaan negeri melalui anak syarikat telah membina sebanyak 1,136 unit rumah kos rendah dan 190 unit rumah kos sederhana rendah sejak dari tahun 2010 hingga 2012. Pecahan perincian projek mengikut tahun dan jenis rumah adalah seperti berikut :
  - i) Rumah Kos Rendah

Tahun	Lokasi	Jumlah Unit	Harga (RM)
2012	Saujana Rawang, Mukim Rawang, Daerah Gombak.  (Dalam Pembinaan – Jangkaan Siap Pada Tahun 2013)	100	42,000.00

<b>Tahun</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Jumlah Unit</b>	<b>Harga (RM)</b>
2012	Kg. Berembang, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak (Pangsapuri Berembang Indah)  (Siap – CF diperolehi pada 27/7/2012)	694	42,000.00
	Kg Bunga Raya Kuang, Mukim Rawang, Daerah Gombak (Pangsapuri Kos Rendah 5 Tingkat)  (Siap – CF diperolehi pada 2/5/2012)	180	42,000.00
2011	Kg. Kemensah Hilir, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak (Town House Kos Rendah - Bukit Kemensah Indah)  (Siap – CF diperolehi pada 28/10/2011)	72	50,000.00
2010	Taman Perepat Indah, Batu 9, Mukim Kapar, Daerah Klang (Fasa 3B – Pangsapuri Kos Rendah)  (Siap – CF diperolehi pada 14/1/2010)	90	42,000.00
<b>Jumlah</b>		<b>1,136</b>	

ii) Rumah Kos Sederhana Rendah

<b>Tahun</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Jumlah Unit</b>	<b>Harga (RM)</b>
2011	Taman Impian Putra, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat (Fasa 2 – Pangsapuri Kos Sederhana Rendah)  (Siap – CF diperolehi pada 22/12/2011)	190	72,000.00
<b>Jumlah</b>		<b>190</b>	

- b) Untuk makluman Y.B, konsep perumahan mampu milik mula diperkenalkan oleh kerajaan negeri pada Tahun 2011. Keadaan ini timbul akibat daripada tindakan proaktif kerajaan negeri untuk mengkaji semula syarat-syarat pembangunan sedia ada seperti pembinaan 20 peratus rumah kos rendah, 20 peratus rumah kos sederhana rendah dan 10 peratus rumah kos sederhana yang telah diguna pakai sejak tahun 2000 lagi supaya ianya masih relevan untuk dipraktikkan berdasarkan kepada keadaan ekonomi semasa. Sehubungan itu, sehingga kini, hanya terdapat satu projek perumahan mampu milik sahaja yang sedang dalam pembinaan oleh pemaju swasta iaitu Tetuan Sin Heap Lee Development Sdn. Bhd. di Sg. Long, Kajang yang terdiri daripada 136 unit berkeluasan di antara 805 hingga 881 kaki persegi. Harga jualan seunit rumah tersebut adalah di antara RM85,000.00 hingga RM150,000.00 dan projek tersebut dijangka siap sepenuhnya pada Jun 2013.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : BANJIR DISEBABKAN KADAR AIR HUJAN MELAMPAU**

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Berapakah peruntukan bagi membantu mangsa banjir di Hulu Langat dan Klang Selatan?
  - Apakah rancangan untuk mengurangkan kesan banjir yang disebabkan kadar air hujan melampau?
  - Berapakah peruntukan bagi menaiktaraf infrastruktur sebagai persediaan menghadapi kejadian kadar air hujan melampau?

**JAWAPAN :**

- Kerajaan Negeri Selangor melalui Tabung Bencana Khas Negeri Selangor telah memperuntukkan sejumlah RM50,000.00 sebagai amaun pusingan bagi Tabung Bencana setiap daerah. Peruntukan ini yang pada asalnya ditetapkan pada jumlah RM40,000.00 telah dinaikkan kepada RM50,000.00 bagi setiap daerah selaras dengan pindaan terhadap Arahan Amanah, Tabung Bencana Khas Negeri Selangor di bawah Seksyen 9(1), Akta Tatacara Kewangan 1957. Peruntukan Tabung Bencana Daerah boleh diimbuh balik kepada amaun pusingan RM50,000.00 tersebut setelah ia digunakan untuk tujuan bencana di daerah dengan mengemukakan dokumen-dokumen lengkap ke Perbendaharaan Negeri Selangor.

Bagi tahun 2012, sehingga tarikh 9 November, bayaran yang telah disalurkan bagi membantu mangsa bencana di Daerah Hulu Langat adalah sebanyak RM4,408,420.00. Manakala pembayaran kepada Daerah Klang sehingga tarikh tersebut adalah sebanyak RM 4,923,500.00.

- b) Antara rancangan yang dilaksanakan bagi mengurangkan kesan banjir adalah:
1. Menguatkuasakan kolam takungan di setiap kawasan pembangunan baru dengan menggunakan kaedah Manual Saliran Mesra Alam bagi memastikan kapasiti aliran air yang keluar adalah sama seperti kawasan hijau yang belum dibangunkan.
  2. Memperkenalkan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di 6 buah lembangan sungai di Selangor iaitu:
    - Lembangan Sungai Buluh
    - Lembangan Sungai Klang
    - Lembangan Sungai Langat
    - Lembangan Sungai Selangor
    - Lembangan Sungai Bernam
    - Lembangan Sungai Sepang
  3. Menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala di kawasan-kawasan yang sering berlaku bencana banjir dua kali setahun
  4. Penstabilan dan pengukuhan tebing yang runtuh di sepanjang sungai.
- c) Di bawah merupakan jadual jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi mengatasi banjir di seluruh Negeri Selangor :

TAHUN	PERUNTUKAN NEGERI (BANJIR)
2008	44,917,286.00
2009	28,237,848.00
2010	16,620,027.00
2011	24,059,250.00
2012	14,656,460.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK: RUMAH BERTINGKAT YANG BELUM MENIKMATI AIR PERCUMA DAN JMB.**

104. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan Perumahan bertingkat di Dun Meru yang belum menikmati air percuma?
- b) Apakah masalah yang dihadapi sehingga mereka gagal memohon meter individu seperti yang disyaratkan.
- c) Senaraikan Perumahan bertingkat yang belum melantik JMB di taman mereka dan apakah masalah yang dihadapi sehingga mereka gagal menubuhkan JMB .

**JAWAPAN :**

- a) Pangsapuri di Dun Meru yang belum menikmati air percuma ialah Pangsapuri Meru Ehsan (Pangsapuri Kos Sederhana).
- b) Badan Pengurusan Bersama Pangsapuri Meru Ehsan (*Joint Management Body-JMB*) baru ditubuhkan pada 4 November 2012. Oleh demikian JMB dalam proses membuat permohonan migrasi meter air individu sebelum menikmati pemberian Rebet Air Percuma.
- c) Merujuk rekod Unit Pesuruhjaya Bangunan Majlis Perbandaran Klang setakat 31 Oktober 2012, pangsapuri yang belum menubuhkan JMB adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>PANGSAPURI</b>	<b>JENIS</b>	<b>MASALAH KEGAGALAN PENUBUHAN JMB</b>
1.	Impian Meru	Kos Sederhana	<p>-Mesyuarat Agung Tahunan Pertama (MATP) telah dijalankan tetapi tidak mematuhi prosudera di bawah Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan) 2007 [Akta 663].</p>
2.	Meru Court		<p>-Penduduk masih belum bersedia untuk menubuhkan JMB kerana majoriti adalah penyewa.</p>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK : HARGA RUMAH MELAMBUNG TINGGI**

105. Harga rumah meningkat secara mendadak dan melampau.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah yang menyebabkan harga rumah meningkat mendadak?
- b) Bagaimanakah cara untuk membantu rakyat yang kurang berkemampuan untuk memiliki rumah?
- c) Berapakah jumlah unit rumah mampu milik yang telah dibina oleh Kerajaan Selangor?

**JAWAPAN :**

- a) Terdapat beberapa faktor yang dikenalpasti menjadi punca kepada peningkatan harga rumah iaitu;
  - i) Nilai tanah yang tinggi untuk membangunan projek perumahan khususnya di bandar-bandar besar di kawasan Lembah Klang;
  - ii) Perletakan projek perumahan di kawasan strategik yang dilengkapi dengan segala kemudahan asas dan infrastruktur
  - iii) Peningkatan kos pembinaan khususnya bahan-bahan binaan seperti simen, besi dan sebagainya serta peningkatan kos bagi penyediaan infrastruktur.
  - iv) Kos upah / tenaga buruh
  - v) Spekulasi harga oleh pelabur-pelabur dalam bidang harta tanah.

Oleh yang demikian, kenaikan harga rumah ini akan terus berlaku masa ke semasa selagi kos-kos ini tidak dikawal oleh pihak berwajib.

b) Dalam mengimbangi penyediaan rumah harga bebas dengan rumah mampu milik bagi memenuhi keperluan perumahan bagi golongan berpendapatan rendah, Kerajaan Negeri telah menetapkan Dasar Pembangunan Tanah seperti berikut:

i) Tanah berkeluasan 10 ekar ke atas.

<b>Kawasan</b>	<b>Jenis Bangunan</b>	<b>Harga (RM)</b>
Dalam kawasan Majlis Perbandaran (Lembah Klang)	20% rumah kos rendah	42,000.00
	20% rumah kos sederhana rendah	72,000.00
	10% rumah kos sederhana	100,000.00
	Lain-lain jenis bangunan kediaman	Bebas
Dalam kawasan Majlis Daerah	20% rumah kos rendah	35,000.00
	20% rumah kos sederhana rendah	60,000.00
	10% rumah kos sederhana	85,000.00
	Lain-lain jenis bangunan kediaman	Bebas
Luar kawasan Majlis Daerah / Majlis Perbandaran	20% rumah kos rendah	30,000.00
	10% rumah kos sederhana rendah	50,000.00
	10% rumah kos sederhana	70,000.00
	Lain-lain jenis bangunan kediaman	Bebas

ii) Tanah berkeluasan kurang 10 ekar (2-10 ekar) di kawasan Lembah Klang

<b>Kawasan</b>	<b>Jenis Bangunan</b>	<b>Harga (RM)</b>
Dalam kawasan Majlis Perbandaran (Lembah Klang)	30% rumah kos sederhana	100,000.00
	Lain-lain jenis bangunan kediaman	Bebas

Selain daripada itu, bermula tahun 2010 Kerajaan Negeri juga mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan Rumah Mampu Milik Selangor Konsep Baru dengan reka bentuk baru yang lebih mampan dan kondusif sebagai salah satu pilihan kepada pemaju untuk meneruskan penyediaan perumahan yang mampu milik khususnya kawasan-kawasan yang didapati kurangnya atau melebihi permintaan terhadap rumah kos rendah. Melalui cara ini sekurang-kurangnya Kerajaan Negeri dapat memperbanyak penyediaan rumah di bawah harga RM200,000.00 yang mampu dibeli.

- c) Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini sebanyak 1,682 unit Rumah Mampu Milik sedang dalam pembinaan yang mana sebanyak 1,546 unit daripadanya dibina oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS). Pecahan unit rumah mampu milik dalam pembinaan mengikut projek adalah seperti berikut:

<b>Projek</b>	<b>Pemaju</b>	<b>Unit</b>	<b>Status Pembinaan</b>
Bandar Baru Bangi	PKNS	124	Dijangka siap Mac 2013
Sg. Long, Kajang	Swasta	136	Dijangka siap Jun 2013
Bukit Botak, Selayang	PKNS	1,422	Dijangka siap Disember 2012
<b>Jumlah</b>		<b>1,682</b>	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : MASALAH TIMBUNAN PASIR DI MUARA SUNGAI DAN HAKISAN PANTAI**

106. Bertanya Kepada YAB. Dato Menteri Besar;
- Sila nyatakan kawasan muara sungai yang dikenalpasti sering mengalami masalah timbunan pasir yang serius di Seluruh Daerah Sabak Bernam?
  - Sila nyatakan apakah langkah dan tindakan yang dilakukan pihak JPS untuk menyelesaikan masalah kecetekan sungai angkara timbunan pasir dan hakisan pantai yang sering berlaku khususnya di muara Sungai Sekinchan?
  - Sila kemukakan butiran berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri setiap tahun bagi menangani masalah tersebut?

**JAWAPAN:**

- 1) Muara beting kepah- mempunyai masalah pasir yang kritikal, memerlukan kerja-kerja membuang pasir dengan kadar kekerapan 3 tahun sekali (kali terakhir kerja dilaksanakan dikawasan ini pada tahun 2011 menggunakan peruntukan persekutuan kelas E-anggaran harga RM 350,000.00)
- 2) Muara BNO- terdapat masalah pasir, kawasan ini telah lama tidak diselenggara dan perlu diselenggara, kawasan ini merupakan kawasan nelayan yang berkapasiti tinggi, namun kawasan ini masih belum sesuai dilaksanakan kerja membuang pasir kerana terdapat kerja membina kunciair BNO.(kerja-kerja mengorek muara perlu dilaksanakan setelah kerja pembinaan Kunciair siap).
- 3) Muara Sungai Burung- mempunyai masalah pasir. Kerja-kerja mengorek muara telah dilaksanakan pada tahun 2011 menggunakan peruntukan persekutuan (kelas f- anggaran RM 100,000.00). Walaubagaimanapun muara tersebut masih terdapat masalah pasir.
- 4) Muara Teluk Rhu-kurang masalah pasir, kerana kerja-kerja pengorekan muara dan pembinaan groyn bagi menghalang pasir telah dibuat anggaran tahun 2009-2010) menggunakan peruntukan persekutuan
- 5) Muara sekendi- tiada masalah pasir kritikal dilaporkan

- 6) Muara Sungai pulai- terdapat masalah pasir namun kerja-kerja mengorek muara telah dilaksanakan menggunakan peruntukan negeri pada tahun 2010(kelas D – anggaran harga RM800,000.00)
- 7) Muara Sg Lang- tiada masalah pasir, muara ini terdapat hutan bakau dan tiada masalah pasir setakat ini.
- 8) Muara Sungai Besar- tiada masalah pasir kritikal dilaporkan
- 9) Muara Sungai Haji Dorani – kerja-kerja mendalamkan muara telah dilaksanakan pada tahun 2011 (tiada masalah pasir dilaporkan setakat ini) peruntukan negeri kelas D – anggaran RM 500,000.00
- 10) Muara Sungai Nipah- tiada masalah pasir kritikal dilaporkan

b) Pihak JPS telah mengambil beberapa langkah bagi mengatasi masalah tersebut iaitu dengan menjalankan kerja-kerja membina 'gryone' atau pun menyusunkan 'amour rock' bagi membina benteng yang bertentangan dengan persisiran pantai bagi mengelakkan timbunan pasir di muara tersebut.

Selain daripada itu, JPS juga menjalankan kerja-kerja pengorekan muara tersebut yang dibuat secara panggilan sebut harga. Antaranya adalah dengan melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan penstabilan tebing pantai dengan mengadakan binaan sauh sebagai kaedah semasa di pantai Haji Sirat, Sekinchan.

c) Seperti yang dinyatakan, pihak JPS memandang serius terhadap permasalahan tersebut. Panggilan sebut harga bagi kerja-kerja yang perlu untuk menangani masalah tersebut juga telah dilaksanakan setiap tahun. Antara kerja yang telah dilaksanakan adalah:

- i. Melaksanakan kerja-kerja membina 'Gryone' di Muara Bagan Sekinchan Daerah Kuala Selangor  
Kos projek : RM 145,050.00  
Tempoh projek : 12 Ogos 2009 hingga 7 Oktober 2009
- ii. Kerja-kerja membina sambungan 'Gryone' di Muara Sungai Bagan Sekinchan, Daerah Sabak Bernam  
Kos projek : RM 137,507.00  
Tempoh projek : 21 Jun 2010 hingga 18 Jun 2010.
- iii. Melaksanakan kerja-kerja mengorek dan mendalamkan Muara Bagan Sekinchan, Daerah Sabak Bernam, Selangor Darul Ehsan.  
Kos projek : RM 141,700.00  
Tempoh projek : 15 November 2010 hingga 15 Disember 2010

## **Maklumat Tambahan**

- 9.a) Pada era tahun 1980an, keadaan pantai dari daerah sabak bernam hingga daerah sepang telah dikenal pasti sebagai pantai yang mudah mengalami masalah hakisan pantai. Selain daripada itu fenomena kejadian semulajadi iaitu proses hakis dan tambak pantai pada setiap tahun juga menjadi punca sebenar permasalahan hakisan pantai terus berlaku. Di samping itu, kesan dari aktiviti pembangunan oleh manusia di mana pokok-pokok bakau yang banyak tumbuh di kawasan tersebut suatu ketika dahulu juga telah pupus. Justeru, hakisan yang berlaku boleh dikategorikan sebagai kategori II(significant) daripada 3 kategori. Terdapat pelbagai kaedah-kaedah yang bersesuaian bagi mengatasi masalah hakisan pantai seperti rock reversion, groyne, armour rock, beachnourishment dan sebagainya.

Secara dasarnya masalah timbunan pasir yang serius adalah disebabkan oleh pergerakan ombak laut yang membawa pasir ke muara sehingga menyebabkan berlakunya timbunan pasir dan muara menjadi cetek. Keadaan ini akan mengganggu pengaliran air ke laut memberi masalah kepada nelayan bagi tujuan keluar masuk bot.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUGN TUNKU)**

**TAJUK: PENDAPATAN PASIR**

107. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa banyak pendapatan dalam bentuk royalti yang dijana kerajaan Selangor daripada penjualan pasir bermula tahun 2006 hingga 2012?
- b) Berapa banyak dividen yang telah dibayar oleh Kumpulan Semesta Sendirian Berhad (KSSB) setiap tahun sejak penubuhannya pada tahun 2008?

**JAWAPAN :**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: TAPAK LETAK KERETA DI KAWASAN PERUMAHAN BERTINGKAT**

108. Bertanya kepada YAB Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan kerajaan bagi mengatasi kekurangan tempat letak kereta di kawasan pangsapuri?

**JAWAPAN :**

- a) Pada tahun 2010, kerajaan Negeri Selangor telah menerima Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor (MGPPPNS) Edisi Kedua (diluluskan MMKN ke 39/2010) bertarikh 27hb. Oktober, 2010 yang turut terkandung garis panduan berkaitan penyediaan tempat letak kereta (TLK) dan tempat letak motosikal (TLM) di kawasan pangsapuri.
- i. Piawaian TLK bagi pembangunan **pangsapuri kos rendah** adalah seperti berikut:-
- **1 TLK** : **1 unit kediaman** + tambahan 20% TLK untuk pelawat
  - **1 TLM** : **2 unit kediaman**
  - **TLK OKU** : Tambahan 2% daripada jumlah keseluruhan TLK
- ii. Piawaian TLK bagi pembangunan **pangsapuri kos sederhana rendah** adalah seperti berikut:-
- **2 TLK** : **1 unit kediaman** + tambahan 20% TLK untuk pelawat
  - **1 TLM** : **2 unit kediaman**
  - **TLK OKU** : Tambahan 2% daripada jumlah keseluruhan TLK
- iii. Piawaian TLK bagi pembangunan pangsapuri **kos sederhana dan kos tinggi** adalah seperti berikut:-
- **2 TLK** : **1 unit kediaman** + tambahan 20% TLK untuk pelawat
  - **TLM** : Tambahan 20% daripada jumlah keseluruhan TLK
  - **TLK OKU** : Tambahan 2% daripada jumlah keseluruhan TLK

- b) Sebagai contoh penyediaan TLK bagi 200 unit kediaman pangsapuri seperti berikut:-

<b>Kos Pangsapuri</b>	<b>Kos Rendah</b>	<b>Sederhana Rendah</b>	<b>Sederhana dan Kos Tinggi</b>
<b>unit</b>	200	200	200
	200	400	400
<b>(pelawat)</b>	40	80	80
	100	100	96
<b>DKU</b>	5	10	10

- c) Dengan pematuhan piawaian perancangan tersebut di harapkan isu kekurangan tempat letak kereta akan dapat di atasi.
- d) Untuk jangka panjang pihak kerajaan juga menggalakkan penggunaan pengangkutan awam. Adalah di harapkan dengan siapnya perlaksanaan projek-projek pengangkutan awam seperti BRT, LRT dan MRT ianya akan mengurangkan pergantungan kepada pengangkutan persendirian dan akan mengatasi masalah tempat letak kereta (TLK).
- e) Secara kesimpulannya, bagi mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta (TLK) ianya bergantung kepada beberapa faktor :-
- Pematuhan kepada piawaian perancangan yang telah diterimakan.
  - Pola pemilikan kenderaan persendirian dan pola saiz penghunian bangunan kediaman.
  - Kemampuan untuk menyediakan kemudahan pengangkutan awam yang cekap bagi mengurangkan penggantungan kepada kenderaan persendirian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMAD KHIR BIN TOYO  
(SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK: RM 500 JUTA UNTUK RUMAH MAMPU MILIK**

109. Dalam ucapan membahaskan Bajet 2012 di Parlimen, Penasihat Ekonomi Negeri Selangor ada menyatakan bahawa Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM 500 juta untuk pembinaan rumah mampu milik.

Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah rumah yang telah dibina menerusi peruntukan ini?
- b) Di manakah lokasi-lokasi rumah ini dan berapakah harganya?
- c) Apakah kaedah pelaksanaannya dan senarai syarikat-syarikat yang diberi tanggungjawab melaksanakannya.

**JAWAPAN :**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK: RUMAH-RUMAH YANG TIDAK DISELENGGARA OLEH TUAN PUNYA.**

110. Terdapat banyak unit rumah di kawasan perumahan di Dun Meru yang ditinggalkan oleh tuan punya tanpa diselenggara menyebabkan semak, rosak dan roboh.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- Senaraikan berapakah unit rumah berkenaan dan senarai tuan rumah dan taman perumahan berkenaan.
- Apakah tindakan oleh PBT berkenaan berpandukan akta dan undang-undang yang sedia ada mengatasi masalah ini?

**JAWAPAN:**

- Berdasarkan aduan yang diterima daripada orang awam sebanyak 3 unit rumah yang ditinggalkan oleh tuan punya tanpa diselenggara menyebabkan semak, rosak dan roboh.
- Tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh PBT berpandukan akta dan undang-undang yang sedia ada adalah seperti yang berikut di bawah iaitu :-

**1) Seksyen 74, Akta Kerajaan Tempatan, 1976**

“Mana-mana pemunya, penduduk atau penyewa mana-mana rumah, bangunan atau tanah, sama ada layak diduduki oleh tenan atau tidak, yang membiarkan rumah, bangunan atau tanah itu atau mana-mana bahagiannya berada dalam keadaan kotor dan tidak baik atau dilitupi oleh tumbuh-tumbuhan rimbun dan mudarat melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.”

Majlis boleh mengambil tindakan pendakwaan terhadap sama ada kepada pemunya, penduduk atau penyewa mana-mana rumah sekiranya didapati rumah

mereka dibiarkan di dalam keadaan-keadaan yang dinyatakan di dalam Seksyen tersebut.

**2. Seksyen 75, Akta Kerajaan Tempatan, 1976**

Seksyen 75(1) menyatakan antara lain bahawa Pegawai Kesihatan atau mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis boleh memasuki dan memeriksa semua rumah dan bangunan pada bila-bila masa dan boleh dengan suatu perintah bertulis mengarahkan penduduknya untuk suatu tempoh yang ditetapkan untuk mencuci rumah atau bangunan.

**3. Seksyen 37, Akta Jalan, Parit Dan Bangunan, 1974**

Seksyen 37(1) menyatakan bahawa PBT boleh dengan notis secara bertulis menghendaki pemunya atau penduduk tanah di mana rumput atau tumbuh-tumbuhan yang tumbuh di atasnya adalah dalam keadaan merbahaya atau mudah terbakar atau mungkin menjadi merbahaya kepada nyawa atau harta sekiranya ia terbakar mengkehendaki mereka membuangnya daripada tanah tersebut untuk suatu tempoh yang ditetapkan. Sekiranya pihak pemunya atau penduduk gagal berbuat sedemikian dalam tempoh masa yang ditetapkan Majlis boleh menjalankan kerja-kerja yang dinyatakan di dalam notis dan kemudianya menuntut kos daripada pihak pemunya atau penduduk.

**4. Seksyen 84, Akta Jalan, Parit Dan Bangunan, 1974**

Seksyen ini menyatakan bahawa PBT boleh setelah mendapat aduan daripada mana-mana dua orang atau lebih jiran atau oleh seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Penolong Pengguna atau oleh Pegawai Kesihatan, selepas siasatan yang sepatutnya, mengeluarkan notis meminta pemunya atau orang yang mengaku sebagai pemunya mana-mana bangunan atau tanah sekiranya didapati bahawa bangunan atau tanah tersebut ditinggalkan atau kepunyaannya dipertikaikan atau tidak bertenan atau menjadi tumpuan pemalas dan orang yang berkelakuan tidak senonoh atau menjadi kacau ganggu awam.

Notis yang dikeluarkan boleh mengarahkan pemunya atau orang yang mengaku sebagai pemunya untuk menjamin keselamatan bangunan, menutup bangunan atau menghentikan kacau ganggu dalam apa-apa tempoh yang ditetapkan oleh PBT.

Jika pemunya tidak mematuhi kehendak notis, PBT boleh melakukan mana-mana atau semua perbuatan yang dikehendaki di dalam notis di mana segala kos dan belanja boleh dituntut daripada pemunya. Pemunya juga boleh didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan diteruskan selepas tamat tempoh notis.

**Rumusan :** Semua peruntukan yang digunakan adalah tertakluk kepada fakta kes dan peruntukan yang bersesuaian akan dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : PELAKSANAAN PERUNTUKAN GERAN SELANGORKU**

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- Senaraikan jumlah peruntukan ini yang telah sempurna menurut DUN.
- Apakah tiga kategori teratas dan jumlah setiap peruntukan tiga kategori tersebut yang telah dilaksanakan?
- Apakah tiga kategori terbawah dan jumlah setiap peruntukan tiga kategori tersebut yang telah dilaksanakan?

**JAWAPAN :**

- Rujuk Lampiran A (muka surat sebelah)
- Tiga kategori teratas:

' %1" . 2%" . ' / 1+4! 1). ' +" 2" . 01/ ' 1" -  
\$), 4, 42+" . 2%3" +" 3! "t / 9< 78 . " .

+	✓	✓	✓	✓
"	). &1" 2314+341	/ .. .. .. ..	. fi	✓ ✓ / ✓ .
.	). &1" 2314+341 24+".	.. .. .. ..	! .	fi / ✓ . fi
~	0% %+" 2" . 5" . )3"	.. .. .. ..	" ~	✓ fi ✓ !

- Tiga kategori terbawah:

' %1" . 2%" . ' / 1+4! 1). ' +" 2" . 01/ ' 1" -  
\$), 4, 42+" . 2%3" +" 3! "t / 9< 78 . " .

+	✓	✓	✓	✓
"/	0% ' 4+4( ". \$% / +1" 2)	/ .. .. .. ..	/	✓ fi ✓ ! t
"fi	0% ). ' +" 3" . +% " ()1" . 0% ** 5" 3" 5" -	/ .. .. .. ..	/	✓ .
"t	0% ' 4+4( ". #4\$" 6"	.. .. .. ..	..	"/ . //

## Lampiran A

Bil	N	DAERAH	DEWAN UNDANGAN NEGERI	INFRASTRUKTUR			Perbelanjaan			INFRA SUKAN			Perbelanjaan		
				Lulus	KIV	Jumlah	Sebenar	Anggaran	Lulus	KIV	Jumlah	Sebenar	Anggaran	Jumlah Projek	
<b>DISUSUN MENGIKUT TURUTAN KOD DUN (N)</b>															
1	1	PTD Hulu Sabak Bernam	Sungai Air Tawar	14	20	34	910,668	10	1,249,121	0	20	20	0	0	0
2	2	PTD Hulu Sabak Bernam	Sabak Bernam	3	71	74	137,298	3	137,298	1	0	1	0	0	170,000
3	3	PTD Hulu Sabak Bernam	Sungai Panjang	0	0	0	0	0	0	0	1	1	0	0	0
4	4	PTD Hulu Sabak Bernam	Sekinchan	4	4	8	236,985	4	236,985	0	0	0	0	0	0
5	5	PTD Hulu Selangor	Hulu Bernam	3	17	20	0	0	342,806	0	0	0	0	0	0
6	6	PTD Hulu Selangor	Kuala Kubu Bharu	2	21	23	366,715	2	366,715	1	2	2	0	0	0
7	7	PTD Hulu Selangor	Batang Kali	0	34	34	0	0	0	1	9	10	175,721	1	175,721
8	8	PTD Kuala Selangor	Sungai Burong	8	20	28	768,035	8	768,035	1	2	3	170,296	1	170,296
9	9	PTD Kuala Selangor	Permatang	7	2	9	468,726	5	785,632	1	3	4	161,269	1	161,269
10	PTD Kuala Selangor	Permatang & Sungai Burong	1	0	1	47,190	1	47,190	0	0	0	0	0	0	0
11	10	PTD Kuala Selangor	Bukit Malawati	4	1	5	664,298	4	664,298	1	0	1	0	0	170,000
12	11	PTD Kuala Selangor	Ijok	12	1	13	909,495	11	1,067,948	2	15	17	321,891	2	321,891
13	12	PTD Kuala Selangor	Jeram	7	31	38	901,741	7	901,741	1	6	7	114,145	1	114,145
14	PTD Kuala Selangor	Jeram & Ijok	2	0	2	84,610	2	84,610	0	0	0	0	0	0	0
15	13	PTD Gombak	Kuang	2	0	2	329,140	2	329,140	1	0	1	198,058	1	198,058
16	14	PTD Gombak	Rawang	3	2	5	189,697	2	348,150	1	2	3	197,317	1	197,317
17	15	PTD Gombak	Taman Templer	5	48	53	545,141	5	545,141	1	13	14	0	0	170,000
18	16	PTD Gombak	Batu Caves	10	68	78	1,127,232	9	1,285,685	1	6	7	0	0	170,000
19	17	PTD Gombak	Gombak Setia	3	9	12	303,545	2	461,998	1	1	2	0	0	170,000
20	18	PTD Gombak	Hulu Kelang	9	10	19	1,569,777	8	1,629,777	1	20	21	198,723	1	198,723
21	19	PTD Gombak	Bukit Antarabangsa	1	2	3	164,760	1	164,760	1	0	1	200,000	1	200,000
22	20	PTD Hulu Langat	Lembah Jaya	2	5	7	663,013	2	663,013	1	1	2	0	0	170,000
23	PTD Gombak	Lembah Jaya & Bukit Antarabangsa	0	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	21	PTD Gombak	Cempaka	2	11	13	91,122	1	151,122	1	2	3	190,792	1	190,792
25	22	PTD Gombak	Teratai	3	13	16	861,366	3	861,366	2	3	5	0	0	170,000
26	23	PTD Hulu Langat	Dusun Tua	3	6	9	212,393	3	212,393	1	7	8	0	0	170,000
27	24	PTD Hulu Langat	Semenyih	0	3	3	0	0	0	1	0	1	174,000	1	174,000
28	25	PTD Hulu Langat	Kajang	8	11	19	1,275,800	8	1,275,800	1	11	12	184,294	1	184,294
29	26	PTD Hulu Langat	Bangi	2	4	6	685,745	2	685,745	1	1	2	198,575	1	198,575
30	27	PTD Hulu Langat	Balakong	1	6	7	364,430	1	364,430	1	2	3	0	0	0
31	28	PTD Petaling	Sri Kembangan	1	1	2	0	0	158,453	0	2	2	0	0	0
32	29	PTD Petaling	Sri Serdang	2	12	14	242,619	2	242,619	1	5	6	137,843	1	137,843
33	30	PTD Petaling	Kinrara	13	10	23	336,270	1	2,000,091	1	2	3	0	0	170,000
34	31	PTD Petaling	Subang Jaya	2	9	11	251,250	1	751,250	0	2	2	0	0	0
35	32	PTD Petaling	Sri Setia	1	0	1	307,726	1	307,726	0	1	1	0	0	0
36	33	PTD Petaling	Taman Medan	10	6	16	632,768	4	1,461,357	0	16	16	0	0	0
37	34	PTD Petaling	Bukit Gasing	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	35	PTD Petaling	Kampung Tunku	4	4	8	443,572	1	636,792	1	7	8	155,991	1	155,991
39	36	PTD Petaling	Damansara Utama	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
40	37	PTD Petaling	Bukit Lanjan	0	0	0	0	0	0	1	2	3	168,041	1	168,041
41	38	PTD Petaling	Paya Jaras	2	3	5	333,015	1	548,075	1	2	3	0	0	170,000
42	39	PTD Petaling	Kota Damansara	4	5	9	459,340	2	677,793	1	2	3	151,836	1	151,836
43	40	PTD Petaling	Kota Anggerik	1	7	8	281,000	1	281,000	1	4	5	158,607	1	158,607
44	41	PTD Petaling	Batu Tiga	1	0	1	217,000	1	217,000	0	0	0	0	0	0
45	42	PTD Petaling	Meru	13	49	62	1,134,361	10	1,609,720	1	0	1	160,164	1	160,164
46	43	PTD Klang	Sementa	0	24	24	0	0	0	0	0	0	0	0	0
47	44	PTD Klang	Sungai Pinang	11	40	51	557,529	2	1,983,607	0	3	3	0	0	0
48	45	PTD Klang	Selat Klang	11	81	92	726,463	3	1,912,668	1	5	6	0	0	170,000
49	46	PTD Klang	Pelabuhan Klang	0	1	1	0	0	0	2	1	3	0	0	170,000
50	47	PTD Klang	Pandamaran	3	5	8	0	0	475,359	0	0	0	0	0	0
51	48	PTD Klang	Kota Alam Shah	0	9	9	0	0	0	1	0	1	0	0	0
52	49	PTD Petaling	Sri Andalas	6	4	10	387,104	3	821,753	1	4	5	158,749	1	158,749
53	50	PTD Petaling	Sri Muda	16	88	104	2,613,174	16	2,613,174	0	9	9	0	0	0
54	51	PTD Kuala Langat	Sijangkang	11	6	17	987,141	9	1,205,594	1	1	2	170,053	1	170,053
55	52	PTD Kuala Langat	Telok Datok	9	33	42	1,343,561	9	1,343,561	1	0	1	167,898	1	167,898
56	53	PTD Kuala Langat	Morib	10	35	45	995,335	9	1,095,805	1	0	1	161,220	1	161,220
57	54	PTD Kuala Langat	Tanjung Sepat	2	5	7	166,614	2	166,614	1	0	1	174,095	1	174,095
58	55	PTD Sepang	Dengkil	4	41	45	323,090	2	639,996	0	0	0	0	0	0
59	56	PTD Sepang	Sungai Pelek	6	51	57	208,120	3	572,498	1	12	13	169,686	1	169,686
60	To Be Identified	To Be Identified	0	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
			264	951	1,215	26,825,970	189	37,353,403	42	207	249	4,419,263	26	6,459,263	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK : TUNTUTAN AIR PERCUMA**

112. Pihak tertentu memperalatkan penduduk rumah pangsa menuntut kemudahan air percuma.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- Setakat ini, berapakah jumlah rumah pangsa yang masih belum menikmati  $20m^3$  air percuma?
- Apakah masalah yang menghalang mereka menerima air percuma?
- Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi mereka?

**JAWAPAN :**

- Setakat ini, mengikut rekod Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS) sebanyak 146,497 unit kediaman pangsapuri yang melibatkan 496 kawasan masih tidak menerima rebet air percuma seperti berikut:

BIL.	JENIS <b>PANGSAPURI</b>	BILANGAN UNIT <b>KEDIAMAN</b>	BILANGAN KAWASAN
1.	Pangsapuri Kos Rendah	3,500	14
2.	Pangsapuri Bukan Kos Rendah	142,997	482
<b>JUMLAH</b>		<b>146,497</b>	<b>496</b>

- Berdasarkan praktis perbekalan air sedia ada yang dikendalikan oleh Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS), pelaksanaan **PEMBERIAN REBET AIR PERCUMA SECARA AUTOMATIK** hanya dapat dibuat kepada penduduk pangsapuri yang mempunyai akaun meter air individu sahaja khusus untuk Pangsapuri Bukan Kos Rendah. Namun, atas keprihatinan Kerajaan Negeri, **SISTEM KUPON** diperkenalkan untuk memastikan PENDUDUK PANGSAPURI KOS RENDAH dapat menikmati manfaat rebet air percuma ini walaupun masih menggunakan meter air pukal. Selanjutnya, sistem kupon dimansuhkan dan ditambahbaik kepada kaedah “**LAPOR DAN DAPAT**” supaya pemberian air

percuma dapat diberi kepada kumpulan sasar dengan berkesan melalui mekanisme yang lebih ringkas dan mudah.

- c) Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah untuk memastikan semua penduduk pangaspuri yang masih menggunakan meter air pukal dapat menikmati rebet air percuma secara automatik dengan menyegerakan pelaksanaan migrasi meter air individu seperti berikut:

- **Meminda dasar/ syarat sedia yang ditetapkan oleh pihak SYABAS demi memudahkan cara pelaksanaan migrasi meter air individu;**

#### **SYARAT 1**

##### **PERATUS PERSETUJUAN PEMILIK**

Peratus persetujuan pemilik untuk melaksanakan migrasi meter air individu tidak lagi menjadi syarat wajib dan dimansuhkan;

- Kelonggaran diberi kepada penyewa membuat permohonan dengan surat kebenaran daripada pemilik; dan
- Salinan surat perjanjian jual beli yang tidak dapat dikemukakan pemilik boleh diganti dengan bil cukai taksiran bagi unit terbabit sebagai bukti pemilikan.

#### **SYARAT 2**

##### **PENYELESAIAN TUNGGAKAN BIL METER AIR TERDAHULU**

Penyelesaian tunggakan bil air secara kontra dengan deposit meter air pukal terdahulu. Manakala, sekiranya terdapat baki tunggakan, kaedah penyelesaian seperti berikut:

Akuanji pelan ansuran bayaran tunggakan yang ditandatangani oleh pihak pengurusan bangunan (pemaju/JMB/MC); atau

Pembahagian tunggakan secara purata kepada setiap rumah.

#### **SYARAT 3**

##### **PATUHI KEPERLUAN TEKNIKAL**

Surat aku janji daripada pihak pengurusan bangunan untuk bertanggungjawab ke atas keperluan teknikal yang tidak dapat disediakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan SYABAS.

- Mengadakan mesyuarat secara berkala melalui **Jawatankuasa PRIHATIN (Pemudah Isu-Isu Hartanah Bertingkat)** bagi menyelesaikan isu bil air tertunggak; dan
- Mengadakan mesyuarat **Jawatankuasa Task Force Penyelesaian Migrasi Meter Air Individu Negeri Selangor (PERMAI)** secara berjadual bersama senarai pemohon-pemohon yang masih belum mendapat kelulusan perlaksanaan Air Percuma daripada pihak SYABAS. Jawatankuasa ini dianggotai oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS), Unit Pesuruhjaya Bangunan COB dan pihak pengurusan bangunan (pemaju, JMB atau MC) untuk menyegerakan penyelesaian isu-isu pelaksanaan migrasi meter air pukal kepada meter air individu secara berkesan yang. Selain itu, **Jawatankuasa Task Force PERMAI akan membuat pemantauan dengan SYABAS berhubung tindakan yang telah diambil mengikut tempoh yang ditetapkan seperti berikut:**

<b>PERKARA</b>	<b>TEMPOH</b>
Perakuan lulus migrasi meter air individu di peringkat Mesyuarat EXCO SYABAS	2 minggu dari tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Task Force PERMAI
Aktif akaun migrasi meter air individu bagi pangaspuri	2 minggu dari tarikh lulus Mesyuarat EXCO SYABAS

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : JALAN PERSEKUTUAN 5**

113. Bertanya Kepada YAB. Dato Menteri Besar;
- Sila senaraikan berapakah kos pemasangan lampu jalan yang dipasang dari kilang Bernas Sekinchan ke Balai Bomba sepanjang 1km ?
  - Sila nyatakan bilakah pihak Jabatan Kerja Raya akan menaiktaraf jalan Persekutuan 5 termasuk membina pembahagian Jalan khususnya dari segmen kapar ke Sabak Bernam yang tidak rata dan merbahayakan para pengguna jalan tersebut ?
  - Sila nyatakan berapakah kos penyelenggaraan tahunan keseluruhan Jalan Persekutuan 5 yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan ?

**JAWAPAN:**

- Kos pemasangan lampu jalan yang dipasang dari kilang Bernas Sekinchan ke Balai Bomba sepanjang 1km adalah berjumlah RM 250 ribu.
- Jabatan Kerja Raya telah pun memohon ke Kementerian Kerja Raya bagi menaiktaraf jalan ini. Kerja-kerja akan dimulakan sebaik sahaja peruntukan diluluskan bagi melaksanakan kerja-kerja ini.
- Kos penyelenggaraan tahunan keseluruhan jalan Persekutuan 5 bagi Daerah Klang, Kuala Selangor dan Sabak Bernam sepanjang 125.9 km adalah seperti berikut:-

Tahun	2011	2012 (sehingga Oktober)
Kos	RM 9,282,044.50	RM 7,332,041.70

Jalan ini merupakan Jalan Persekutuan dan segala kerja penyelenggaraan adalah di bawah peruntukan persekutuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUGN TUNKU)**

**TAJUK: HAMPER UNTUK PERAYAAN HARI RAYA AIDILFITRI DAN DEEPAVALI**

114. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Meminta kerajaan memberi angka tentang perbelanjaan yang dibelanjakan untuk perolehan hamper Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali mengikut tahun bermula tahun 2008 hingga 2012 kepada setiap DUN serta nama setiap syarikat pembekal untuk setiap tahun.

**JAWAPAN :**

- a) Program hamper barang keperluan harian rakyat miskin sempena perayaan telah dianjurkan oleh Kerajaan Negeri bagi mengurangkan beban rakyat supaya mereka dalam persediaan menyambut perayaan-perayaan tersebut. Kumpulan sasar dalam pengagihan hamper barang keperluan harian ini adalah untuk mereka yang kurang berkemampuan.

Program ini bantuan kepada rakyat miskin telah dimulakan sejak tahun 2008, namun menerusi kaedah yang berlainan bersesuaian dengan keadaan semasa. Program bantuan keperluan rakyat miskin sempena Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali hanya dimulakan sejak tahun 2011.

Senarai perbelanjaan Kerajaan Negeri dan syarikat pembekal yang terlibat sejak tahun 2008 hingga 2012 adalah seperti di Lampiran.

Lampiran

<b>Tahun</b>	<b>Program</b>	<b>Syarikat</b>	<b>Jenis Barang</b>	<b>Harga (RM)</b>
2012	Perayaan Deepavali (1 DUN = 700 set)	Baba's Product Sdn Bhd Syarikat Faiza Sdn Bhd Pasaraya Besar Giant Sdn Bhd Sime Darby Jomalina Sdn Bhd	Serbuk Kari Ikan, Kari Ayam, Serbuk Kurma, Tepung Muruku Beras 5kg Bihun 400g Minyak Masak 2 kg	1,669,320.00
2012	Hari Raya Aidilfitri (1 DUN = 1000 set)	Syarikat Jalinan Murni Dagang Sdn Bhd	Beras 5kg, Nasi Impit Segera, Minyak Masak 1 kg, Bihun 400g, Gula 1kg, Kordial 2 liter.	2,394,000.00
2011	Perayaan Deepavali (2000 set)	Syarikat Wisebridge Sdn Bhd Pasaraya Besar Giant Sdn Bhd Pasaraya 99 Sepeed Mart Sdn Bhd	Beras 10kg, sardin 2 tin, kordial 1 liter, creamer 505g 2 tin, bihun 400g 2 peket, gula 1kg.	311,920.00
2011	Hari Raya Aidilfitri (1 DUN = 300 set hamper & 500 set kuih raya)	NS Padu Sdn Bhd Aimi Resources Syarikat Wisebridge Sdn Bhd Econsave Cash & Carry sdn Bhd Tesco Stores (M) Sdn Bhd Pasaraya Besar Giant Sdn Bhd	Beras 10kg, sardin 2 tin, kordial 1 liter, creamer 505g 2 tin, bihun 400g 2 peket, gula 1kg dan Kuih Raya	1,120,386.00
2010	Program Mesra Bersama Rakyat	Syarikat Wisebridge Sdn Bhd	Beras 10kg, Minyak Masak 2 kg, Susu Tin 505g	150,000.00
2009	Pemberian sabun dan face mask Back to School	MHC Engineering & Trading Tempron Enterprise Syarikat Bata	Face Mask, Sabun dan Baucer Bata	927,200.00
2008	Pembelian Barang Rakyat Miskin	Syarikat Wisebridge Sdn Bhd Central Sugars Refinery Sdn Bhd	Beras 10kg, Susu Tin 505g dan Gula 1 kg	489,652.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: LAPORAN JAWATANKUASA PILIHAN**

115. Bertanya kepada YAB Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan susulan kerajaan terhadap laporan-laporan yang telah dibentangkan di dalam Dewan oleh Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan PBT, ABAS, PADAT dan Jawatankuasa Akaun Awam (PAC)?

**JAWAPAN :**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK: PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI DI DUN MERU**

116. Senaraikan projek-projek perumahan yang terbengkalai di Dun Meru.

- A) Sejauh ,manakah usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Lembaga Perumahan Selangor mengatasi masalah ini?
- B) Berapakah bilangan unit rumah yang telah disiapkan oleh Kerajaan Selangor dan syarikat manakah yang telah mengambil alih menyiapkannya?

**JAWAPAN:**

- a) Senarai projek-projek perumahan yang terbengkalai di DUN Meru setakat 31 Oktober 2012 adalah seperti berikut:

BIL	NAMA PROJEK	PEMAJU	UNIT	LOKASI	MASALAH
1.	Pembangunan Bercampur Kawasan Industri @ Industri Ringan di Lot 7215 Mukim Kapar, Klang	Pemaju: Tiara Etika Development (M) Sdn. Bhd. Pemaju Baru: Fabrina Sdn. Bhd.	783 unit	Di Persiaran Hamzah Alang, Meru (Selepas Sek. Ren. Keb. Meru, Jalan TAP, Belakang Kilang Merryfair Chair System)	1) Kewangan pemaju 2) Teknikal : Kelulusan Bekalan Air Daripada SYABAS
2.	Projek Perumahan Rumah Teres Satu Tingkat, Taman Sri Kencana, GM 3860 Lot 2757, Mukim Kapar, Klang.	Pemaju Asal: Hyrax Property & Development Sdn. Bhd. Pemaju Baru: Binalif Bina Sdn. Bhd. Pemaju Penyelamat: Sama Sejati Sdn. Bhd.	35 Unit	Di Jalan Dusun, Berhampiran Dengan Simpang 3 Jalan Dusun – Jalan Durian	1) Kewangan pemaju 2) Kos Binaan Meningkat 3) Pembeli Tidak Bersetuju Dikenakan Kos Tambahan (Top Up)

BIL	NAMA PROJEK	PEMAJU	UNIT	LOKASI	MASALAH
3.	Rumah Berkembar 1 Tingkat Diatas GM 64, Lot 3756, Jalan Kopi, Taman Meru 1, Mukim Kapar, Klang.	Pemaju Asal : Hyrax Property & Development Sdn. Bhd. Pemaju Baru : Binalif Bina Sdn. Bhd. Pemaju Penyelamat: Sama Sejati Sdn. Bhd.	24 Unit	Tapak Projek Melalui Jalan Hj. Abdul Latiff – Berada di belakang Kedai Perabot Jati	1) Kewangan pemaju 2) Kos Binaan Meningkat 3) Pembeli Tidak Bersetuju Dikenakan Kos Tambahan (Top Up)
4.	Rumah Teres 1 Tingkat di atas PT 48173 - PT 48210, Jalan Jambu Air 24/KU 10, Taman Meru Ria 2 (KU 10), Meru, Mukim Kapar, Klang	Pemaju Asal : Hyrax Property & Development Sdn. Bhd. Pemaju Baru : Binalif Bina Sdn. Bhd. Pemaju Penyelamat: Sama Sejati Sdn. Bhd.	38 Unit	Di Jalan Belimbing, Meru	1) Kewangan pemaju 2) Kos Binaan Meningkat 3) Pembeli Tidak Bersetuju Dikenakan Kos Tambahan (Top Up)
5.	Rumah Deret 1 Tingkat di atas Lot 13567, 13568, 13569, 13570, 13571 hingga 13579, Taman Bukit Kapar, Klang	Pemaju : Decor Mewah Sdn. Bhd.	13 Unit	Di Jalan Setia Jaya, Bukit Kapar	1) 8 Unit Telah Siap Diduduki Bagaimanapun Tiada Kelulusan Pelan Pembangunan Daripada PBT.
6.	Rumah Teres 2 Tingkat, Jalan Pasar malam, Bukit Kapar, Klang	Pemaju : Atlaw Housing Sdn. Bhd.	30 Unit	Berada Jauh Ke Dalam Dengan Melalui Jalan Pasar Malam Bukit Kapar	1) Pemaju telah digulung 2) Tiada Kelulusan Pelan Pembangunan
7.	Projek Perumahan Jalan Dusun, Meru, di bawah Hakmilik No. EMR 4548, No. Lot 2754,	Pemaju : Ikhtiar Corporation Sdn. Bhd.	54 Unit	Di Jalan Dusun, Berhampiran Dengan Projek Taman Sri Kencana, Binalif Bina Sdn. Bhd.	1) 12 Unit Telah Siap Diduduki Bagaimanapun Tiada Kelulusan Pelan Pembangunan

BIL	NAMA PROJEK	PEMAJU	UNIT	LOKASI	MASALAH
	Mukim Kapar, Daerah Klang				Daripada PBT.
8.	Taman Cahaya, Batu 5 1/2, Jalan Meru Di Atas EMR No 3469, Lot 2129, Mukim Kapar, Klang	Pemaju : Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd.	154 Unit	Di Jalan Utama Meru Tambahan, Berhampiran Taman Meru Jaya Lot Ke - 4	1) Pemaju telah digulung 2) Tiada Kelulusan Pelan Pembangunan
9.	Taman Desa Pelangi Di Atas Lot 2664 GM 4769, Mukim Kapar, Daerah Klang	Pemaju : Syahira Land Sdn. Bhd.	26 Unit	Di Jalan Nenas – Lot Ke-3 Selepas Persimpangan Jalan Nenas – Jalan Durian Di Sebelah Kiri	1) Kewangan pemaju 2) Tiada Kelulusan Pelan Pembangunan
10.	Desa Maru, Lot 23678 Mukim Kapar, Daerah Klang.	Pemaju : Syahira Development Sdn. Bhd	27 Unit	Berada Jauh Ke Dalam Melalui Jalan Abdul Wahid, Kg. Bukit Kapar	1) Pemaju telah digulung 2) Tiada Kelulusan Pelan Pembangunan
11.	Desa Sri Damai 3, Mukim Kapar, Daerah Klang.	Pemaju : RHID Development Sdn. Bhd.	26 Unit	Berada Di Sebelah Kanan Melalui Jalan Jambu, Tidak Jauh Daripada Persimpangan Jalan Durian	1) Kewangan pemaju 2) Tiada Kelulusan Pelan Pembangunan

b) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sentiasa berusaha mengatasi masalah projek terbengkalai di Selangor demi membela nasib pembeli-pembeli rumah terlibat walaupun bidang kuasa Kerajaan Negeri hanya terhad kepada tindakan secara pentadbiran sahaja. Kuasa pemulihan ini yang terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah ditadbir melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966. Sehubungan itu, beberapa langkah proaktif yang boleh dilaksanakan oleh LPHS ke arah membantu pembeli-pembeli dan pemaju atau pelikuidasi projek terbengkalai untuk memahami situasi yang mereka hadapi dan seterusnya bertindak sebagai pemudah cara bagi mengatasi masalah ini bersama-sama semua pihak yang berkaitan seperti KPKT, Bank, Pihak Berkuasa Tempatan, Agensi Teknikal

seperti Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS), Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK), Tenaga Nasional Berhad (TNB) termasuklah usaha-usaha seperti berikut:

- i. **Membantu pembeli menubuhkan jawatankuasa bertindak di kalangan mereka** supaya tindakan yang diambil dapat diselaraskan dengan pihak berkuasa dan badan yang terlibat di mana persetujuan untuk memulihkan projek perlu diperoleh daripada sekurang-kurangnya 85% daripada pembeli.
- ii. **Mengeluarkan surat pengesahan projek terbengkalai** bagi memudahkan pembeli berurusan dengan pihak bank bagi tujuan penstrukturkan semula pembiayaan pinjaman pembeli dan menghentikan atau mengurangkan kadar faedah bank yang dikenakan kepada pembeli.
- iii. **Mengurusetia perbincangan secara berkala dengan pemaju terbabit bersama semua jabatan teknikal termasuk pihak bank** dengan tujuan mempercepatkan pemulihan projek di samping mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang kecil tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.
- iv. **Mengatur pertemuan dengan institusi kewangan** sebagai pembiaya bagi melihat pendekatan yang sesuai dalam membantu pemaju-pemaju menstrukturkan semula pembiayaan titian (*bridging loan*) supaya projek boleh diteruskan dan seterusnya menyelesaikan masalah kewangan pemaju. Sekiranya masih gagal dan terdapat pemaju/kontraktor berwibawa yang berminat memulihkan projek berkenaan LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan tersebut kepada KPKT untuk membuat keputusan.
- v. Bagi pemaju-pemaju yang sedang dalam proses atau telah digulung, **perbincangan dengan pihak Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM) juga diatur dari masa ke semasa** untuk menyemak sama ada LPHS boleh mencadangkan mana-mana ‘*Liquidator*’/Pegawai Penerima yang berwibawa mempercepatkan pemulihan semula projek terbengkalai. Bagi projek-projek yang telah diletakkan di bawah ‘*Liquidator*’/Pegawai Penerima pula **perbincangan dijalankan bersama ‘*Liquidator*’/Pegawai Penerima terbabit** bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai.
- vi. **Menilai semula kos pemulihan dan mengkaji feasibility projek** tersebut khususnya bagi projek yang melibatkan kenaikan kos yang bertujuan untuk memaklumkan kos tambahan yang perlu ditanggung oleh pembeli sekiranya projek itu masih ingin diteruskan.

- vii. **Memberi khidmat nasihat dan panduan mengenai tindakan yang boleh diambil oleh pembeli** untuk membawa kes ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah ditadbir melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989.
- viii. **Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT)** yang terdiri daripada Y.B. Penasihat Undang-Undang, Pengarah Eksekutif LPHS, Pembantu EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan, Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya, Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah berkaitan, Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Insolvensi/Liquidator, Jawatankuasa Pembeli/Pemilik Rumah dan Bank terlibat yang mana dipengerusikan oleh saya sendiri **telah dilaksanakan secara berjadual sejak tahun 2011** bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama semua pihak dalam memulihkan projek terbengkalai. Jawatankuasa ini yang diurusetia oleh LPHS juga memainkan peranan penting dalam merangka pelan pemulihan disamping membuat penilaian semula projek terbengkalai sama ada projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan. LPHS sebagai agensi pemantauan senantiasa berusaha memastikan projek terbengkalai dapat dipulihkan dan seterusnya disiapkan sehingga Sijil Layak Menduduki diperolehi.
- ix. **LPHS juga akan mencadangkan kepada Kerajaan Negeri tindakan-tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil** demi memastikan hak pembeli terhadap harta tanah mereka terjamin. Tindakan perampasan tanah boleh dibuat sekiranya wujud pelanggaran peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara (KTN) dan pelanggaran syarat di bawah Seksyen 129 Kanun yang sama. Selain itu, pengambilan tanah juga dilaksanakan sebagai usaha membolehkan projek terbengkalai dipulihkan semula dan seterusnya dimajukan secara tender.

- c) Sehingga 31 Oktober 2012 Kerajaan Selangor telah berjaya menyiapkan sebanyak 36 projek terbengkalai yang melibatkan 15,533 unit dan pengambilalihan oleh pemaju penyelamat seperti berikut :

### **14 PROJEK BERLESEN DISELESAIKAN (7,481 UNIT)**

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	NAMA PEMAJU PENYELAMAT	UNIT
1.	Pangsapuri Okid Bandar Pinggiran Subang, Shah Alam (MBSA)	Unique Creation	Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)	580 Unit
2.	Projek Khalid Al-Walid 1 & 2, Klang (MBSA)	Kelland Development Sdn. Bhd.	SPNB	94 Unit
3.	Projek Taman Puncak Jalil, Fasa 9 B, 9 C, 9F, 12, 19 dan 21 (MPSJ)	Talam Corporation Bhd.	IJM Construction	1,447 Unit
4.	Pangsapuri Lagoon Perdana, Subang Jaya (MPSJ)	Tenaga Gagah Sdn. Bhd.	IJM Construction	1,052 Unit
5.	Taman Bunga Ros, Klang (MPK)	Ram Developer Sdn Bhd Construction Sdn. Bhd	Pemaju Asal	30 unit
6.	Rumah Kos Rendah Taman Ukay Indah Sungai Sering, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak (MPAJ)	Scenic Marina Sdn. Bhd.	Pemaju Asal	660 Unit
7.	Spring Ville, Taman Ukay Perdana, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak (MPAJ)	Ukayland Sdn Bhd	IJM Construction	799 Unit
8.	Projek Rumah Kos Rendah (RKR), Taman Berembang Indah, Bandar Hulu Klang, Daerah Gombak (MPAJ)	Tuan Tanah : Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) -Projek Usahasama Pemaju : Perspektif Masa Sdn. Bhd.	Pemaju Asal	694 Unit
9.	Projek Perumahan Taman Pinggiran Batu Caves, Gombak (MPS)	Bee Teck Trading Corporation Sdn. Bhd.	Pemaju Asal	196 Unit

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	NAMA PEMAJU PENYELAMAT	UNIT
10.	Taman Hijau Indah (MPS)	Lim Chin Hin & Sons Industries S/B	ECO Development Sdn Bhd	120 Unit
11.	Putra Intan Kondominium (MPSp)	Lembah Kerjaya Sdn Bhd	Rimbun Capital Sdn Bhd	300 Unit
12.	Bandar Pinggiran Cyber, Dengkil Sepang (MPSp)	Perspektif Perkasa Sdn. Bhd.	Pemaju Asal	319 unit
13.	Taman Nilam, Mukim Ujung Permatang, Kuala Selangor (MDKS)	Richmall Sdn. Bhd.	Pemaju Asal	84 unit
14.	Projek Alam Perdana, Mukim Ijok, Kuala Selangor (MDKS)	Vega Builders Sdn Bhd	Menteri Besar Incorporated & Pemodalank Negeri Selangor Berhad	1,106
<b>JUMLAH</b>				<b>7,481unit</b>

## **22 PROJEK TANPA LESEN DISELESAIKAN (8,052 unit)**

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	NAMA PEMAJU PENYELAMAT	UNIT
1.	Kedai Pejabat, U5, Shah Alam (MBSA)	Sama Pesona Sdn Bhd	Pemaju Asal	203 Unit
2.	Pangsapuri Perkhidmatan Seri Nipah, Taman Pinggiran USJ, Shah Alam (MBSA)	LBS Bina Group Berhad	Pemaju Asal	340 unit
3.	Pusat Komersial, Seksyen 7, Shah Alam (MBSA)	PCM Bina Sdn. Bhd	Pemaju Asal	1,514 Unit
4.	Apartment Seri Putri di atas Lot 48, Jalan Rama-Rama 20/2 Di Atas Hakmilik H.S.(D) 107830, P.P. No. 509, Seksyen 20, Shah Alam (MBSA)	Tuan Tanah : Majlis Bandaraya Shah Alam Pemaju : Khidmat Makmur Sdn. Bhd.	Semangat Ulung Sdn Bhd	312 Unit
5.	Hotel Damansara (MBPJ)	Sri Damansara S/B	Sri Damansara Hotel Sdn Bhd	1 Blok
6.	Rumah/Kedai 4 Tingkat Taman Serdang Perdana, Seksyen U5, Mukim Petaling, Daerah Petaling (MPSJ)	Green Cresent Sdn. Bhd.	Pemaju Asal	512 Unit
7.	Pusat Perniagaan dan Pangsapuri Perkhidmatan, UEP Subang Jaya (MPSJ)	Sanjung Utama Sdn. Bhd.	Pricewaterhouse Cooper Sdn. Bhd.	1,316 Unit
8.	Pangsapuri Perkhidmatan, Suria Kinrara, Kinrara, Puchong (MPSJ)	Sentosa Restu Sdn. Bhd.	Pemaju Asal.	1,131 Unit
9.	Pangsapuri Perkhidmatan, HS(D) 50727 PT 13178, Lagoon Perdana, Bandar Sunway (MPSJ)	Tenaga Gagah Sdn. Bhd.	IJM Construction	500 Unit
10.	Pembangunan Bercampur Belvedere Service Condominium (Lagoon Perdana), HS(D) 148053, PT 2, Pekan Penaga, Mukim Petaling (MPSJ)	Tenaga Gagah Sdn. Bhd.	IJM Construction	500 Unit
11.	1 Blok Kompleks Perniagaan, Persiaran Raja Muda Musa, Pelabuhan Klang (MPK)	Transhabour Sdn Bhd	Chestar Properties Sdn. Bhd.	258 Unit
12.	Rumah Berkembar, Jalan Sri Banang 14, Taman Sri Andalas,	URC Housing Sdn Bhd	Pemaju Asal	28 Unit

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	NAMA PEMAJU PENYELAMAT	UNIT
	Klang (MPK)			
13.	Pusat Perubatan 6 Tingkat Dan 2 Tingkat Basement Tempat Letak Kereta Di Atas PT 21154 Persiaran Rajawali, Bukit Raja, Klang (MPK)	PNSB Acmar Sdn. Bhd.	Hospital KPJ	1 Blok
14.	Rumah Sesebuah, Taman Hulu Langat Jaya (MPKj)	Spring Courts Sdn Bhd	OCH Properties Management Sdn. Bhd.	36 Unit
15.	Kompleks Kota Kajang, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat (MPKj)	Windhill Development & Construction Sdn. Bhd.	Ara Asa AdventureSdn. Bhd.	100 Unit
16.	Rumah Berkembar dan Rumah Teres, Taman Kosas, Mukim Ampang, Hulu Langat (MPKj)	Koperasi Serbaguna Anak-Anak Selangor Berhad	Pemaju Asal	203 Unit
17.	Rumah Teres 2 Tingkat, HSD 56918, PT 31343, Gombak (MPS)	Hartawan Pasifik Sdn. Bhd	Pemaju Asal	387 Unit
18.	Kedai Pejabat Taman Prima Selayang, Batu, Gombak (MPS)	Kansas Corporation Sdn Bhd	Pemaju Asal	220 Unit
19.	Taman Wawasan, Mukim Tanjung Karang, Daerah Kuala Selangor (MDKS)	Radiant Hart Construction Sdn. Bhd	Pemaju Asal	33 Unit
20.	Rumah Teres 2 Tingkat, Taman Yayasan, Mukim Kuala Selangor (MDKS)	Pramax Sdn. Bhd.	Pramax Sdn. Bhd.	77 Unit
21.	Projek Pembesaran Kampung Desa Alam Ria (MDHS)	JKKK Sg Masin & Gerak Utusan Corp. S/B	Pemaju Asal	252 Unit
22.	Projek Pembesaran Kampung Gesir Tengah, Daerah Hulu Selangor (MDHS)	HRK Holdings Sdn. Bhd.	Pemaju Asal	128 Unit
<b>JUMLAH</b>				<b>8,052 unit</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : PENGGUNAAN PERUNTUKAN MARRIS**

117. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Senaraikan jumlah peruntukan MARRIS yang telah disiapkan menurut DUN.
  - Bagaimanakah prestasi dan tahap keberkesanan ADN dalam mencadang dan memantau pelaksanaan projek menurut DUN?
  - Apakah kerajaan bercadang untuk meneruskan dan menambahkan peruntukan MARRIS melalui kaedah pelaksanaan seperti ini?

**JAWAPAN :**

- Sehingga 31 Oktober 2012, jumlah peruntukan MARRIS yang telah disenaraikan oleh **Pihak Berkuasa Tempatan** dan **Pejabat Daerah** mengikut pecahan kawasan Dewan Negeri adalah seperti di **Lampiran A**.
- Kerajaan Negeri telah menetapkan penglibatan Ahli Dewan Negeri untuk mengenal pasti dan mengemukakan projek-projek penyelenggaraan jalan yang hendak dilaksanakan di kawasan masing-masing. Perbincangan mengenai projek tersebut dibuat bersama-sama di antara Ahli Dewan Negeri dengan Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Daerah. Dengan kaedah baru ini, kita boleh menyatakan bahawa peruntukan bagi projek MARRIS tersebut dikawalselia dan dipantau bersama oleh Ahli Dewan Negeri dengan Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Daerah. Kaedah baru ini juga dapat memberi hak sama rata kepada setiap kawasan Dewan Negeri di mana setiap kawasan dapat menyenaraikan projek berdasarkan keperluan kawasan. Kaedah ini adalah berkesan untuk mengelakkan berlakunya penyelewengan selain memastikan hanya projek yang mempunyai impak dan praktikal sahaja yang wajar diteruskan.
- Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memberi peruntukan tambahan sebanyak RM2,000,000.00 kepada setiap Pihak Berkuasa Tempatan dan sebanyak RM500,000.00 kepada setiap Pejabat Daerah dan Tanah yang telah mencapai prestasi melebihi 60%.

Peruntukan tambahan ini akan dapat membantu PBT dan Pejabat Daerah/Tanah menampung keperluan bagi kerja-kerja penyelenggaraan jalan dan longkang. Secara amnya ia akan dapat memberi faedah kepada rakyat dan penyelenggaraan infrastruktur dapat dilaksanakan secara berterusan. Pemberian peruntukan tambahan ini juga memberi nilai tambah dan sebagai penghargaan di atas prestasi cemerlang PBT dan Pejabat Daerah/Tanah yang berkenaan.

**LAPORAN TENDER NEGERI SELANGOR TAHUN 2012 SEHINGGA 31 OKTOBER 2012**

**LAMPIRAN A**

BIL	BIL MESYUARAT	TAJUK TENDER	JABATAN PENGUSAHA	NAMA KONTRAKTOR	TEMPOH SIAP KERJA	NILAI PROJEK YANG DIPERAKU	ANGGARAN JABATAN	PENJIMATAN
1	1/2012 (18.1.2012)	Tender Cadangan Merekabentuk, Membangun, Menguji, Melaksana Pangkalan Data GIS dan Aplikasi Selangor Land Information System (SeLIS) Serta Membekal, Memasang, Menguji Dan Mentaullah Peralatan Dan Perisian ICT Sokongan Kepada Pejabat Tanah Dan Galian Selangor : Tender/PTGS/01/2012	PTG	Geoinfo Services	40 minggu	640,900.00	683,000.00	42,100.00
2	2/2012 (1.2.2012)	Projek Menaik Taraf Skim Selangor Fasa 1 Sebagai Projek Mitiga Kekurangan Bekalan Air Di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya - Paket 1	UPEN	Hatimuda Sdn. Bhd.	13 bulan	24,980,000.00	32,555,850.00	7,575,850.00
3	2/2012 (1.2.2012)	Projek Menaik Taraf Skim Selangor Fasa 1 Sebagai Projek Mitiga Kekurangan Bekalan Air Di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya - Paket 2	UPEN	LBG-Taliworks JV	10 bulan	20,322,850.10	22,019,188.00	1,696,337.90
4	3/2012 (8.2.2012)	Cadangan Membina Dan Menyiapkan Laluan Hijau Bandar Baru Selangor Ke Jalan Sungai Tua/ Bukit Boyong (B23), Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan	JKR	Jurumart Sdn. Bhd.	80 Minggu	44,599,035.00	50,546,000.00	5,946,965.00
5	4/2012 (15.2.2012)	Cadangan Membaikpulih Dan Menaiktaraf Masjid Jamek Raja Tun Uda, Seksyen 16, Shah Alam, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan	JAIS	Cater-Const Enterprise	17 Minggu	1,572,680.00	1,617,850.00	45,170.00
6	5/2012 (14.3.2012)	Perkhidmatan Pengurusan Harta Secara Komprehensif Di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah	JAIS	MR Technology Sdn. Bhd.	3 Tahun	6,040,476.60	8,200,000.00	2,159,523.40
7	5/2012 (14.3.2012)	Perkhidmatan Membekal Bahan Makanan Bermaskap Di Maahad Integrasi Tahfiz Sains Dan Teknologi, Kampung Jawa, Klang	JAIS	S.H.O.K.R.I Catering & Services Sdn. Bhd.	2 Tahun	2,409,000.00	3,613,500.00	1,204,500.00
8	6/2012 (21.3.2012)	Perkhidmatan Membekal Bahan Makanan Bermaskap Di Maahad Integrasi Tahfiz Sains Dan Teknologi, Istana Bandar, Kuala Langat	JAIS	SHOKRI Services	2 Tahun	2,642,640.00	3,775,200.00	1,132,560.00
9	7/2012 (18.4.2012)	Cadangan Membina Dan Menyiapkan Masjid Al-Hidayah Kg. Johan Setia, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	JAIS	Merger Network	60 minggu	6,272,000.00	6,825,647.90	553,647.90
10	8/2012 (2.5.2012)	Pemasangan elektrik untuk Kompleks Islam, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan	JAIS	Alaf Optima Sdn Bhd	24 minggu	1,180,000.00	1,662,824.00	482,824.00
11	9/2012 (16.5.2012)	Permohonan Kelulusan Perkhidmatan Perunding Bagi Kajian Rancangan Struktur Negeri Selangor ( Pengubahan 1 ) 2035	JPBD	ANZ Planners Sdn. Bhd	24 bulan	1,085,938.20	1,200,000.00	114,061.80
12	9/2012 (16.5.2012)	Permohonan kelulusan perkhidmatan perunding bagi Kajian Rancangan Tempatan Majlis Daerah Kuala Selangor 2025	JPBD	Peers Consult (M) Sdn. Bhd	12 bulan	998,320.30	1,001,508.00	3,187.70
13	9/2012 (16.5.2012)	Permohonan Kelulusan Perkhidmatan Perunding Bagi Kajian Rancangan Tempatan Majlis Daerah Sabak Bernam	JPBD	Iktisas Planners sdn. Bhd	12 bulan	866,042.70	1,001,508.00	135,465.30
14	10/2012 (23.5.2012)	Tender Cadangan Kerja-Kerja Perkhidmatan Membekal, Mencetak, Mengisih Dan Mengepos Bil Cukai Tanah 2013 Pejabat Tanah Dan Galian Selangor	PTG	Reezan Technologies Sdn. Bhd	36 minggu	751,659.50	824,240.00	72,580.50
15	11/2012 (13.6.2012)	Kerja-Kerja Membekal, Memasang, Menguji Serta Mengujiiterima Sistem Penyamanan Udara Untuk Bangunan Kompleks Islam, Daerah Hulu Langat	JAIS	Traspadu Engineering (M) Sdn. Bhd	20 minggu	1,682,394.00	1,900,000.00	217,606.00
16	11/2012 (13.6.2012)	Cadangan Membina Dan Menyiapkan Dua (2) Blok Empat (4) Tingkat Bangunan sekolah, sebuah Bangunan Kantin Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Sekolah Rendah Agama Sungai Merab, Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan.	JAIS	BNZ Resources Sdn. Bhd	75 minggu	5,995,559.20	7,109,000.00	1,113,440.80
17	11/2012 (13.6.2012)	Cadangan Menaiktaraf Laluan Negeri B22, Jalan Batu Caves, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan	JKR	Abdul Malik Bin Mat Khatam	48 minggu	3,519,681.46	4,053,000.00	533,318.54
18	11/2012 (13.6.2012)	Kerja-Kerja Membaikpulih Keruntuhan Tebing Benteng Laut Di Pantai Morib-Kelanang Daerah Kuala langat Selangor Darul Ehsan.	JPS	Pesada Hijau Sdn. Bhd	72 minggu	2,499,500.00	4,205,700.00	1,706,200.00
19	11/2012 (13.6.2012)	Kerja-Kerja Pembinaan kolam Takungan Banjir serta Kerja-kerja Lain Yang Berkaitan Di Kawasan Perindustrian Bukit Raja, daerah Klang, Selangor Darul Ehsan.	JPS	Asas Kasturi (M) Sdn. Bhd	32 minggu	2,550,209.00	4,220,322.00	1,670,113.00
20	12/2012 (27.6.2012)	Cadangan Menaiktaraf Laluan B44 Jalan Sg. Panjang Dari Sempadan Hulu Selangor Ke Kemajuan Tanah Belia 2, Daerah Sabak Bernam, Selangor ( Fasa 1 )	JKR	Mia Utama Sdn. Bhd	77 minggu	4,176,000.00	5,000,000.00	824,000.00
21	12/2012 (27.6.2012)	Menaiktaraf Jalan, Melebar, Memperkuatkukan Dan Menurap Semula Jalan-Jalan Di Kg. Telok Gong Klang, Selangor Darul Ehsan	JKR	TTK Enterprise Sdn. Bhd.	60 minggu	6,998,069.60	8,503,300.00	1,505,230.40

**LAPORAN TENDER NEGERI SELANGOR TAHUN 2012 SEHINGGA 31 OKTOBER 2012**

BIL	BIL MESYUARAT	TAJUK TENDER	JABATAN PENGUASA	NAMA KONTRAKTOR	TEMPOH SIAP KERJA	NILAI PROJEK YANG DIPERAKU	ANGGARAN JABATAN	PENJIMATAN
22	13/2012 (11.7.2012)	Membina Dan Menyiapkan Bangunan Tambahan Satu ('1) Blok Empat (4) Tingkat Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di SRA Sg. Sekamat, Dalam Daerah Hulu Langat, Selangor	JAIS	KBK Beranang Civil Sdn. Bhd	48 minggu	2,965,930.00	3,141,000.00	175,070.00
23	13/2012 (11.7.2012)	Kerja-Kerja Membaikpulih Cerun Runtuh Daerah Gombak, Selangor, Darul Ehsan	JKR	Pelita Maintenance Resources Sdn. Bhd.	26 minggu	2,186,642.00	3,878,800.00	1,692,158.00
24	14/2012 (18.7.2012)	Cadangan Membina Dan Menyiapkan Masjid Data' Haji Kamaruddin, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan	JAIS	MYWA Synergy Sdn. Bhd.	70 minggu	7,100,500.00	9,791,890.60	2,691,390.60
25	14/2012 (18.7.2012)	Menaliktaraf Laluan B42 (Jalan Raja Musa) Dari Persimpangan Laluan B74 Ke Seri Tiram Jaya, Daerah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan. (Pakej 1 : CH400.00 – 2300.00)	JKR	Hisniaga Bina Sdn. Bhd.	72 minggu	7,486,913.60	11,453,000.00	3,966,086.40
26	14/2012 (18.7.2012)	Cadangan Membina Dan Menyiapkan Dua (2) Blok Tiga (3) Tingkat Bangunan Sekolah Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Sekolah Rendah Agama Parit Baru, Sabak Bernam, Selangor Darul Ehsan	JAIS	TTK Enterprise Sdn. Bhd.	72 minggu	5,000,000.73	5,261,007.00	261,006.27
27	14/2012 (18.7.2012)	Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji dan Mentauliah Peralatan ICT Untuk Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Dan Sembilan Pejabat Daerah/Tanah Negeri Selangor	ICT	Konsortium Jaya Sdn. Bhd.	4-8 minggu	1,816,900.00	2,200,000.00	383,100.00
28	15/2012 (27.6.2012)	Membina Menaliktaraf Jalan Melebar, Memperkuatkukan Dan Menurap Semula Jalan-Jalan Di Kg. Telok Gong, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan.	JKR	TTK Enterprise Sdn. Bhd.	60 minggu	6,350,300.00	8,503,300.00	2,153,000.00
29	15/2012 (27.6.2012)	Kerja-Kerja Membekal Barang Keperluan Harian Bagi Program Bantuan Hamper Rakyat Miskin Negeri Selangor Tahun 2012	UPEN Sektoral	Jalinan Murni Dagang Sdn. Bhd.	2 minggu	2,394,000.00	2,859,360.00	465,360.00
30	16/2012 (27.7.2012)	Cadangan Pelantikan Perunding Bebas Untuk Pengauditan Bebas Bagi "Debt Restructuring And Recovery Exercise Of Talam Corporation"	UPEN Makro & Penswastaan	KPMG Corporate Services Sdn Bhd	4 minggu	582,582.00	582,582.00	0.00
31	17/2012 (1.8.2012)	Membina Dan Menyiapkan Parit Konkrit Berbentuk 'U' Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Panchang Bedena, Sungai Besar, Daerah Sabak Bernam, Selangor Darul Ehsan	JPS	Myasas Engineering Sdn. Bhd.	52 minggu	2,496,320.00	3,406,700.00	910,380.00
32	17/2012 (1.8.2012)	Kerja-Kerja Menaliktaraf Tebing Sungai Air Hitam Serta Kerja-Kerja Berkaitan, Daerah Petaling, Selangor	JPS	Abdul Malik Khatam	72 minggu	3,096,446.00	4,232,172.00	1,135,726.00
33	17/2012 (1.8.2012)	Kerja-Kerja Membaikpulih Sungai Seputih Di Pandan Mewah Height, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan	JPS	Paras Enterprise	32 minggu	804,009.20	947,396.50	143,387.30
34	17/2012 (1.8.2012)	Kerja-Kerja Menaliktaraf Sistem Saliran Dan Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Kg. Melayu Sg. Buloh, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan	JPS	Meranti Budiman Sdn. Bhd.	64 minggu	3,599,787.00	4,099,106.75	499,319.75
35	17/2012 (1.8.2012)	Pemasangan Elektrik Untuk Maahad Tahfiz Sains Dan Teknologi Alam Impian, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	JAIS	Permatang Teknik Sdn. Bhd.	30 minggu	1,831,223.00	2,018,511.00	187,288.00
36	17/2012 (1.8.2012)	Menaliktaraf Laluan B35 Dari Simpang 3 Ijok Ke Bestari Jaya, Daerah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan (Pakej 1:CH0.00-CH3200.00)	JKR	Transflex Engineering Sdn. Bhd.	96 minggu	23,714,369.30	30,771,000.00	7,056,630.70
37	18/2012 (8.8.2012)	Tender Penggantian 9 Buah Server SPTB, Sistem Opererasian Dan Lesen Oracle, Migrasi Data SPTB, Konfigurasi / Sistem Yang Melibatkan Data SPTB, 8 Buah Uniterupted Power Supply (UPS) Dan 5 Buah Server Rack Bagi 9 Pejabat Tanah Dan Daerah (PTD) Di Selangor	PTG	Medan Realiti Sdn. Bhd.	5 bulan	1,788,750.00	2,500,000.00	711,250.00
38	18/2012 (8.8.2012)	Menaliktaraf Laluan B58 Jalan Banting - RABA Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan (Tender Semula)	JKR	Ehsan Pantas Sdn. Bhd.	96 minggu	32,302,880.17	36,385,000.00	4,082,119.83
39	18/2012 (8.8.2012)	Membina Dan Menyiapkan Dua (2) Blok Empat (4) Tingkat Dan Satu (1) Buah Kantin Serta Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Sekolah Rendah Agama Sungai Tangkas, Dalam Daerah Hulu Langat, Selangor	JAIS	Mamfor Construction Sdn. Bhd.	65 minggu	5,272,420.00	6,804,000.00	1,531,580.00
40	18/2012 (8.8.2012)	Membina Jalan Penyambung Dan Menaliktaraf Jalan Abdul Manan Di Antara Jalan Kapar Dan Jalan Meru, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	JKR	UA Construction Sdn. Bhd.	6 bulan	3,300,113.50	3,794,000.00	493,886.50
41	19/2012 (15.8.2012)	Pelantikan perunding secara tender terhad bagi Projek Menaliktaraf Laluan B1 & B202 Dari Pekan Meru Ke Puncak Alam, Daerah Klang, Selangor	JKR	DZA Consult Sdn. Bhd.	24 bulan	927,700.00	900,000.00	-27,700.00
42	19/2012 (15.8.2012)	Pelantikan perunding secara tender terhad bagi Projek Menaliktaraf Jalan, Melebar, Memperkuatkukan Dan Menurap Semula Jalan-Jalan Di Kg. Telok Gong Klang, Selangor Darul Ehsan	JKR	Produktif Sepakat Consulting Engineers Sdn. Bhd.	24 bulan	1,596,750.00	1,666,000.00	69,250.00
43	19/2012 (15.8.2012)	Projek Menaliktaraf Jalan, Melebar, Memperkuatkukan Dan Menurap Semula Jalan-Jalan Di Kg. Telok Gong Klang, Selangor Darul Ehsan	JKR	BNZ Resources Sdn. Bhd.	75 minggu	6,350,300.00	8,503,000.00	2,152,700.00

**LAPORAN TENDER NEGERI SELANGOR TAHUN 2012 SEHINGGA 31 OKTOBER 2012**

BIL	BIL MESYUARAT	TAJUK TENDER	JABATAN PENGUASA	NAMA KONTRAKTOR	TEMPOH SIAP KERJA	NILAI PROJEK YANG DIPERAKU	ANGGARAN JABATAN	PENJIMATAN
44	20/2012 (5.9.2012)	Menaiktaraf Jalan B35 Dari Simpang Tiga Ijok Ke Bestari Jaya, Daerah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan (Pakej 2 : CH3200.00 – CH6100.00)	JKR	Potensi Cekal Sdn Bhd	96 minggu	18,796,462.63	24,878,000.00	6,081,537.37
45	21/2012 (12.9.2012)	Cadangan Membin Dan Menyiapkan Satu (1) Blok Empat (4) Tingkat, Satu (1) Blok Tiga (3) Tingkat Sebuah Kantin Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Sekolah Rendah Agama Bagan Lalang, Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan	JAIS	Meskaya Sdn. Bhd.	77 minggu	6,545,668.00	7,670,000.00	1,124,332.00
46	22/2012 (13.9.2012)	Pelantikan perundung untuk kerja-kerja merekabentuk dan menyelia projek penggantian pembelian injap dan pepasangan serta lain-lain kerja-kerja yang berkaitan di empangan Sungai Langat	UPEN	Angkasa Consulting Services Sdn Bhd	12 bulan	687,517.50	600,000.00	-87,517.50
47	23/2012 (26.9.2012)	Menaiktaraf Jalan B48 Dari Simpang Tiga Jenderam Ke Pekan Sepang Lama (Fasa 2), Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan	JKR	Prisma Dinamik Sdn. Bhd.	129 minggu	46,850,000.95	60,710,000.00	13,859,999.05
48	23/2012 (26.9.2012)	Menaiktaraf Jalan B42 (Jalan Raja Musa) Dari Simpang Laluan B74 ke Seri Tiram Jaya, Daerah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan. (Pakej 4 - Segment 1 : Ch.12532.259 – Ch.17200.00)	JKR	Jurumart Sdn. Bhd.	80 minggu	16,943,264.60	24,345,000.00	7,401,735.40
49	23/2012 (26.9.2012)	Membin dan Menyiapkan Satu (1) Blok Empat (4) Tingkat Bangunan Tambahan Sekolah Dan Lain-lain Kerja Yang Berkaitan di SRA Bukit Changgang, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan	JAIS	Pelangi Netcom (M) Sdn Bhd	48 minggu	3,600,000.00	4,070,270.00	470,270.00
50	23/2012 (26.9.2012)	Cadangan Membin Dan Menyiapkan Jalan Putrajaya Ke Simpang Tiga Jenderam/ Jalan Bangi Lama, Daerah Sepang, Selangor. Pakej A : Menaiktaraf Laluan B17 (Jalan Bangi/Jalan Reko, Daerah Hulu Langat, Selangor)	JKR	Jurumart Sdn. Bhd	129 minggu	49,595,617.60	57,065,350.00	7,469,732.40
51	24/2012 (10.10.2012)	Cadangan Menaik Aras Jalan Kawasan Banjir Di Laluan B44 Jalan Sg. Panjang, Daerah Sabak Bernam, Selangor Darul Ehsan	JKR	Koperasi Serbaguna Kapar Bhd	12 Bulan	1,525,758.00	1,950,000.00	424,242.00
52	24/2012 (10.10.2012)	Cadangan Membin Dan Menyiapkan Jalan Putrajaya Ke Simpang Tiga Jenderam/ Jalan Bangi Lama, Daerah Sepang, Selangor. Pakej A1 : Menaiktaraf Jalan Teras Jemang Dan Jalan-Jalan Institusi, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan	JKR	Potensi Cekal Sdn Bhd.	103 minggu	23,349,399.98	27,560,200.00	4,210,800.02
53	24/2012 (10.10.2012)	Tender Membelak, Menghantar, Memasang, Menguji dan Mewujudkan Peralatan ICT Secara Sewa Beli Untuk Pejabat Tanah Dan Galian Selangor	PTG	Rania Resources Sdn Bhd	6 minggu	2,027,481.00	2,335,862.00	308,381.00
54	24/2012 (10.10.2012)	Kerja-Kerja Membelak Barang Keperluan Harian Rakyat Miskin Sempena Perayaan Deepavali 2012	UPEN SEKTORAL	Karisma Bina Enterprise	9 November 2012	1,699,320.00	1,748,712.00	49,392.00
55	25/2012 (17.10.2012)	Kerja-Kerja Membelak Perkhidmatan Beg Bagi Program "Back To School" Negeri Selangor 2012	UPEN SEKTORAL	Mias Global Sdn Bhd	15 Disember 2012	722,400.00	952,000.00	229,600.00
58	26/2012 (31.10.2012)	Penyiapan Baki Kerja Membaikpulih Dan Menaiktaraf Masjid Jamek Raja Tun Uda, Seksyen 16, Shah Alam, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan	JAIS	Hadhari Resources Sdn Bhd	12 minggu	1,865,000.00	2,022,000.00	157,000.00
60	26/2012 (31.10.2012)	Membina Jalan Dari Sek. 436.5 Laluan Persekutuan 1 Ke Jalan Rasa – Beruntung, Daerah Hulu Selangor, Selangor Darul Ehsan	JKR	SLP Perunding Sdn. Bhd.	24 bulan	812,115.00	954,442.00	142,327.00
59	26/2012 (31.10.2012)	Membina Jalan Dari Kajang Ke Kg. Pasir, Sg. Lalang Melalui Perkampungan Nagasabandiah, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan	JKR	DPI Konsult Sdn. Bhd.	24 bulan	2,537,040.00	2,811,942.00	274,902.00
62	26/2012 (31.10.2012)	Menaiktaraf Laluan B49 Jalan Shah Alam – Batu Arang, Daerah Petaling	JKR	DPI Konsult Sdn. Bhd.	24 bulan	2,687,460.00	3,164,442.00	476,982.00
61	26/2012 (31.10.2012)	Menaiktaraf Jalan Melati, Kuang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan	JKR	SBA Consult Sdn. Bhd.	24 bulan	816,232.00	954,442.00	138,210.00
63	26/2012 (31.10.2012)	Menaiktaraf Jalan Bukit Damar, Dengkil, Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan	JKR	WCE Consulting Engineers Sdn. Bhd.	24 bulan	1,132,578.00	1,139,442.00	6,864.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>						<b>446,941,107.42</b>	<b>549,147,567.75</b>	<b>102,206,460.33</b>
<b>NILAI PENJIMATAN TENDER (RM)</b>						<b>102,206,460.33</b>		
<b>PERATUS PENJIMATAN (%)</b>						<b>18.61</b>		

**LAMPIRAN A**

<b>BIL</b>	<b>DUN</b>	<b>PBT (RM)</b>	<b>PDT (RM)</b>	<b>JUMLAH PERUNTUKAN (RM)</b>
1	Ijok	957,075.00	99,944.20	1,057,019.20
2	Kinrara	1,685,490.00		1,685,490.00
3	Gombak Setia	1,740,858.01	65,713.50	1,806,571.51
4	Kota Anggerik	1,427,770.00		1,427,770.00
5	Batu Tiga	1,123,311.00	51,098.00	1,174,409.00
6	Seri Andalas	1,593,083.50		1,593,083.50
7	Selat Kelang	1,017,095.55		1,017,095.55
8	Chempaka	1,961,953.00		1,961,953.00
9	Pandamaran	827,539.50		827,539.50
10	Bukit Lanjan	1,670,908.20		1,670,908.20
11	Seri Kembangan	1,981,941.50		1,981,941.50
12	Sungai Pinang	917,295.00	44,000.00	961,295.00
13	Taman Medan	811,986.00		811,986.00
14	Sekinchan	1,961,913.75	81,225.00	2,043,138.75
15	Bukit Melawati	1,068,568.00	99,966.20	1,168,534.20
16	Rawang	1,747,157.56	68,791.00	1,815,948.56
17	Batu Caves	1,525,261.50	70,520.00	1,595,781.50
18	Hulu Kelang	1,965,127.00	70,650.00	2,035,777.00
19	Bukit Antarabangsa	1,971,849.00		1,971,849.00
20	Lembah Jaya	1,944,155.00	119,322.00	2,063,477.00
21	Teratai	1,973,455.00		1,973,455.00
22	Kajang	1,643,461.00	39,980.00	1,683,441.00
23	Bangi	1,607,276.00	54,678.40	1,661,954.40
24	Balakong	1,648,280.00	59,700.00	1,707,980.00
25	Subang Jaya	1,885,430.69		1,885,430.69
26	Seri Setia	330,731.00		330,731.00
27	Bukit Gasing	794,406.00		794,406.00
28	Kampung Tengku	1,416,924.00		1,416,924.00
29	Damansara Utama	871,070.00		871,070.00
30	Kota Damansara	1,009,735.00	79,900.00	1,089,635.00
31	Meru	892,688.00		892,688.00
32	Pelabuhan Klang	670,928.00	51,900.90	722,828.90
33	Kota Alam Shah	964,868.00		964,868.00
34	Sri Muda	1,525,928.50	153,810.00	1,679,738.50
35	Sijangkang	1,614,745.95	96,330.00	1,711,075.95
36	Teluk Datuk	1,277,672.95	93,194.00	1,370,866.95
37	Sungai Panjang	1,934,028.59	78,355.00	2,012,383.59
38	Sungai Air Tawar	1,752,146.11	84,639.50	1,836,785.61
39	Sabak	1,951,809.72	131,245.00	2,083,054.72
40	Hulu Bernam	785,315.00	147,050.55	932,365.55
41	Kuala Kubu Bharu	732,943.00	146,333.00	879,276.00
42	Batang Kali	924,849.50	168,109.87	1,092,959.37
43	Sungai Burong	967,080.50	99,999.60	1,067,080.10
44	Permatang	1,138,832.00	99,926.45	1,238,758.45
45	Jeram	710,122.00	99,982.00	810,104.00

<b>BIL</b>	<b>DUN</b>	<b>PBT (RM)</b>	<b>PDT (RM)</b>	<b>JUMLAH PERUNTUKAN (RM)</b>
46	Kuang	1,715,221.00	73,126.00	1,788,347.00
47	Taman Templer	1,649,290.42	71,000.00	1,720,290.42
48	Dusun Tua	1,592,382.00	100,000.00	1,692,382.00
49	Semenyih	1,569,083.00	124,567.00	1,693,650.00
50	Sri Serdang	1,966,825.00	103,100.00	2,069,925.00
51	Paya Jaras	1,620,179.80	146,257.50	1,766,437.30
52	Sementa	-	270,326.50	270,326.50
53	Morib	1,851,548.00	213,300.00	2,064,848.00
54	Tanjung Sepat	1,675,063.16		1,675,063.16
55	Dengkil	1,633,187.72	328,774.00	1,961,961.72
56	Sungai Pelek	1,519,388.00	233,220.00	1,752,608.00
		77,717,232.68	4,120,035.17	81,837,267.85

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK : KAEDAH RAWATAN AIR LEBIH MURAH**

118. Terdapat kaedah merawat air lebih murah.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah anggaran air mentah di Selangor?
- b) Di kawasan manakah paling banyak mempunyai rezab air mentah?
- c) Bagaimakah kaedah rawatan air paling murah tersebut beroperasi?

**JAWAPAN :**

- a) Berdasarkan Kajian Semula Sumber Air Negara (2000-2050), dengan keluasan Negeri Selangor sebanyak 8,396 kilometer persegi ( $\text{km}^2$ ) dan taburan hujan tahunan sebanyak 2,190mm, jumlah air larian permukaan adalah sebanyak 6.38 bilion meter padu setahun iaitu bersamaan 17,000 juta liter sehari (JLH) setelah mengambil kira jumlah penyejatan dan susupan semula air bumi.

Keperluan air di Negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya bagi bekalan air awam adalah 4,037 JLH, pengairan padi adalah 1,973 JLH, pertanian adalah 99 JLH dan penternakan adalah 23 JLH. Kesemua keperluan tersebut berjumlah 6,132 JLH. Manakala keperluan '*environmental flow*' adalah sebanyak 10% iaitu 1,700 JLH. Maka, jumlah keseluruhan keperluan air adalah 7,832 JLH.

Ini bermakna, Negeri Selangor masih lagi mempunyai 9,168 JLH air larian permukaan yang masih belum dimanfaatkan. Ini termasuklah air di dalam kolam tadahan banjir dan bekas lombong yang mana sebahagiannya terus mengalir ke laut. Manakala sumber air bumi masih belum dimanfaatkan sepenuhnya.

Selaras dengan itu, lebihan air yang boleh dimanfaatkan boleh disimpan ketika aliran banjir/*flood flow* dengan mengoptimakan penggunaan kolam takungan/*water storage*. Pelaksanaan aplikasi *River Bank Filtration* (RBF) dan juga pembangunan sumber air bumi (sehingga 15%) adalah dijangka mampu untuk menyumbang kepada peningkatan kebolehdapatan sumber air di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, kajian kemungkinan yang terperinci serta perancangan dan kaedah pengurusan lembangan sungai yang holistik adalah penting dalam memastikan sumber air mencukupi untuk semua sektor.

b) Melalui Pasukan Petugas Sumber Air Alternatif Negeri Selangor, LUAS telah mengenal pasti sebanyak dua puluh (20) kolam takungan sama ada kolam takungan banjir atau kolam bekas lombong yang berpotensi untuk dijadikan sumber air tambahan di Daerah Hulu Selangor, Kuala Selangor dan Kuala Langat. Kolam-kolam berkenaan adalah merupakan rizab simpanan air mentah yang boleh dibangunkan sebagai sumber air tambahan tertakluk kepada kualiti airnya. Jumlah anggaran kapasiti kolam-kolam tersebut ialah 325 juta meter padu ( $m^3$ ). LUAS juga sedang menjalankan Kajian Kolam Bekas Lombong Sebagai Kolam Takungan Aliran Air Banjir di Lembangan Sungai Selangor yang akan bertindak secara dwifungsi di mana ianya bertindak sebagai kawalan tebatan banjir dan juga kolam penstoran air ketika berlakunya aliran banjir/flood flow. Kolam penstoran air ini juga akan digunakan jika berlakunya aliran rendah/low flow.

LUAS juga telah mengenal pasti beberapa lokasi yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai sumber air tambahan seperti Kolam Projek Tebatan Banjir Sungai Rasau di Lembangan Klang dan juga kolam bekas lombong MC8 dan MC9 di Lembangan Langat. Walau bagaimanapun, kajian kemungkinan yang terperinci akan dilaksanakan bagi memastikan kebolehdapatan sumber air berkenaan. Kriteria yang perlu dilihat untuk kolam-kolam ini digunakan sebagai sumber air tambahan adalah keluasannya yang perlu melebihi 10 hektar, kualiti airnya yang perlu mencapai piawaian air minuman oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, lokasinya yang berhampiran dengan sungai dan muka sauk/LPA, serta ianya adalah tanah milik kerajaan dan anak syarikat kerajaan.

c) Pada ketika ini, semua loji rawatan air di Negeri Selangor menggunakan kaedah *conventional* di dalam merawat air, di mana pemakaian aluminium sulfat, klorin, *silico-floride* dan *limestone* masih digunakan. Kerajaan Negeri Selangor sentiasa mengamalkan sikap terbuka di dalam menggunakan teknologi terkini yang ada di pasaran seperti penggunaan *ultra filtration*, *membrane technology* *Deionizing* dan lain-lain dalam usaha mencapai tujuan mendapatkan pengeluaran air yang maksimum dari segi kuantiti di samping kualiti yang terbaik.

Namun demikian, di dalam mengkaji dan meneliti penggunaan teknologi terkini itu, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa memberi keutamaan kepada kepentingan pengguna memandangkan setiap teknologi yang digunakan itu kelak akan melibatkan kos yang sekiranya tidak diteliti dengan sewajarnya boleh membebarkan pengguna akhirnya.